

"SEJAJAR dengan hasrat untuk menarik lebih banyak pelaburan, kerajaan juga telah meluluskan pindaan ke atas Akta Lembaga Kemajuan Ekonomi yang bertujuan untuk meluaskan skop bidang tugas ke arah memajukan tapak-tapak perindustrian mempromosikan pelaburan, memajukan perusahaan melalui ekuiti, menyelaras dan memudahkan penubuhan perusahaan." - Titah sempena Hari Keputeraan Baginda Ke-55 Tahun pada 15 Julai 2001.

Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



"DARI Aul bin Malik, dari Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Sebaik-baik pemimpin kamu ialah orang yang kamu kasih dan pemimpin itu pula mengasihinya kamu, kamu mendoakan mereka itu dan mereka pula mendoakan kamu." - Hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam riwayat Imam Muslim.

TAHUN 48 BILANGAN 29

RABU 16 JULAI 2003/1424 رابو 16 جمادي الأول

DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU

PERCUMA

دولة كباوه دولي توان قاتيك

Daulat Kebawah Duli Tuan Patik

Program pensejajaran hendaklah diberi tumpuan serius

Laporan
Abd. Karim HAB dan
Dk. Hjh. Saidah PHOA

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menekankan agar semua agensi kerajaan memberi tumpuan serius terhadap program pensejajaran (alignment).

Program itu, jelas baginda, yang diperkenalkan baru-baru ini memerlukan setiap kementerian dan jabatan kerajaan menyediakan perancangan strategik organisasi-organisasi masing-masing supaya usaha-usaha yang mereka laksanakan dapat diselaraskan dengan hasrat, wawasan dan aspirasi negara yang telah digariskan.

"Beta berharap semua agensi kerajaan akan memberi tumpuan yang serius kepada program ini," titah baginda semasa Istiadat

Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam Sempena Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-57, di Istana Nurul Iman hari ini.

Baginda juga mengingatkan supaya agensi-agensi kerajaan memastikan Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) akan terus diperhatikan dan dilaksanakan.

Sehubungan itu dalam tempoh terdekat, titah baginda, pengauditan terhadap pelaksanaan TPOR iaitu satu inisiatif baru dalam perkhidmatan awam akan diperkenalkan.

"Matlamat utama projek ini ialah bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan TPOR di kementerian dan jabatan, di samping sebagai satu cara untuk memantau sejauh manakah komitmen agen-

si-agensi kerajaan terhadap program ini," jelas baginda.

Usaha itu yang akan dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Pengurusan, titah baginda, dijangka akan dapat membantu setiap kementerian dan jabatan dalam mengenal pasti atau mengatasi kelemahan-kelemahan sekiranya ada oleh agensi-agensi berkenaan.

"Usaha tidaklah pernah dihentikan bagi mengemas dan melicinkan jentera pentadbiran kerajaan supaya kesejahteraan dan mutu kehidupan rakyat dapat dikekalkan," tegas baginda.

Menurut baginda, kerajaan baginda akan sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan perkhidmatan ke tahap yang membawanya mampu untuk memenuhi kehendak-kehendak pelanggan dengan lebih memuaskan.

ANTARA YANG MENARIK

Haluan :

Beri tumpuan serius kepada program pensejajaran - Muka 2

Kekukuhan ekonomi jayakan proses pembangunan - Muka 4

Melirik Masa Silam

Erti Dewasa Amanah Diri Amanah Orang - Muka 6

Menerima mengadap tetamu-tetamu khas luar negara - Muka 8 & 9

Mesyuarat peringkat pegawai mengenai isu Limbang diadakan 22 Julai 2003 - Muka 10

Ibu negara bermandikan cahaya - Muka 13

Kebawah DYMM pemimpin bijaksana, berwibawa - Muka 3 ANEKA

Dalam kesusahan ada hikmah - Muka 4 ANEKA

Mengasih Raja - Muka 7 ANEKA

Kes poligami semakin meningkat - Muka 11 ANEKA

TAHUKAH AWDA

PUSAT Outward Bound yang pertama ditubuhkan oleh pengasasnya, Dr. Kurt Hahn dan didukung oleh Sir Lawrence Holt pada tahun 1941 di Aberdovey, Wales, United Kingdom. 'Outward Bound', satu terminologi maritim yang membawa pengertian saat sebuah kapal meninggalkan pelabuhan yang tenang dan selamat untuk belayar ke lautan yang luas dan penuh cabaran. - Sumber : Teks sembah taklimat sempena keberangkatan DYTMM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ke Outward Bound Brunei Darussalam pada 6 November 2000 (2000:2 & 4).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha di Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Istana Nurul Iman.



16 JULAI 2003 BERSAMAAN 1424 16 جمادي الأول

MELAHIRKAN RAKYAT

BERDAYA MAJU DAN BERDIKARI

SOAL-SOAL keselamatan dan kesihatan, usaha meningkatkan ekonomi dan keperluan sumber tenaga manusia merupakan di antara agenda negara yang diberi keutamaan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Faktor-faktor tersebut berkait rapat di antara satu sama lain dalam membangun dan memajukan negara ke arah kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara. Perkara ini merupakan antara yang baginda gariskan dalam titah baginda dari singgahsana baru-baru ini.

Masyarakat antarabangsa dewasa ini sentiasa dilanda pelbagai krisis dan pergolakan: peperangan, wabak penyakit, serangan-serangan yang menjejaskan nyawa dan harta benda. Walau bagaimanapun dengan izin dan rahmat Allah Subhanahu Wataala, Negara Brunei Darussalam terselamat dan terpelihara daripada semua krisis tersebut. Untuk itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengajak kita semua bersyukur kerana dapat menikmati keadaan aman dan makmur yang berterusan itu.

Sebagaimana yang baginda tegaskan, wawasan kita memanglah untuk melihat negara ini sentiasa selamat, aman dan makmur. Dalam makna, segala program kerajaan adalah menjurus ke arah ini. Rasis di sebalik kejayaan kita mengekalkan nikmat-nikmat istimewa itu, di samping daulat dan kebijaksanaan kepimpinan raja kita yang dikasihi, masyarakat kita yang sentiasa mengamalkan sikap bersatu padu, hormat-menghormati dan saling faham-memahami merupakan asas yang turut memainkan peranan penting. Bahkan elemen-elemen tersebut juga penyumbang bagi pembangunan negara.

Menyentuh mengenai pembangunan, baginda menegaskan bahawa kekuatan ekonomi memainkan peranan yang utama untuk menajayakan proses pembangunan. Baginda telah melahirkan keinginan baginda untuk melihat setiap rakyat dan penduduk negara ini berdaya maju dan berdikari. Dalam hubungan ini kerajaan baginda telah menyediakan iklim dan prasarana, manakala rakyat pula mestilah memanfaatkan dengan menggunakan usaha membangun menurut peraturan-peraturan yang ada.

Keadaan ini didorong lagi oleh era globalisasi dan perdagangan bebas serantau dan antarabangsa serta pembukaan pasaran perdagangan dalam negeri yang menjadi wadah yang amat mencabar. Dalam masa yang sama Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terus memberikan perhatian terhadap penghasilan produk tempatan yang berkeupayaan untuk memenuhi keperluan mutu dan pialawan antarabangsa agar dapat bersaing dalam pasaran eksport terbuka.

Ke arah itu, Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama telah melaksanakan program piawalan dan amalan pengurusan kualiti untuk pengusaha-pengusaha tempatan bagi mendapatkan sijil pengiktirafan kualiti yang diperakui di peringkat antarabangsa. Sehubungan ini satu kajian telah dibuat bagi kemungkinan menubuhkan satu Institut Akreditasi dan Piawalan Kebangsaan.

Dalam titah tersebut baginda juga mengemukakan rancangan pembinaan 'train' keenam yang dianggarkan menelan belanja US\$1 bilion untuk menambatkan keupayaan kapasiti loji gas cecair asli. Ini adalah berikutan adanya potensi permintaan gas terutamanya di pasaran Asia Pasifik. Harga minyak dan gas cukup mantap. Tahun lalu pengeluaran telah mencapai tahap tertinggi di kedua-dua sektor tersebut. Ini sudah tentu mengukuhkan lagi usaha untuk meneruskan pencarian sumber minyak dan gas di kawasan-kawasan yang menjadi hak mutlak Negara Brunei Darussalam sama ada di darat mahupun di laut. Dalam masa yang sama industri-industri bukan minyak dan gas juga giat dimajukan.

Menjana pembangunan bererti menuntut sumber tenaga manusia. Kerajaan memang sentiasa peka dan merangka usaha ke arah itu. Di antaranya ialah penyediaan tenaga dalam bidang teknologi infokomunikasi (ICT) sebagai ciri khusus untuk mewujudkan e-Kerajaan dan seterusnya memanfaatkan era 'k-ekonomi' yang berasaskan pengetahuan. Matlamat ini akan menuntut sistem pendidikan yang berkeupayaan menyediakan program-program pendidikan yang dinamik yang menjurus ke arah penghasilan ilmu dan kemahiran yang tinggi. Selain tumpuan kepada bidang ICT, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi juga dengan bantuan pakar telah melaksanakan satu kajian mengenai keperluan pembangunan dan pengurusan sumber manusia. Hasil kajian tersebut akan membantu kerajaan pada menentukan arah tuju pembangunan dan bentuk keperluan pengurusan sumber manusia bagi jangka sederhana dan panjang.

Selain itu, kerajaan juga telah memperkenalkan program persejajaran (alignment), di mana setiap Kementerian dan jabatan kerajaan perlu menyediakan perancangan strategik organisasi masing-masing, supaya usaha-usaha yang dilaksanakan akan dapat diselaraskan dengan hasrat, wawasan dan aspirasi negara. Perancangan ini adalah jelas menekankan supaya agensi-agensi kerajaan memastikan Tekad Perwujudan Orang Ramai (TPOR) terus diberi perhatian dan dilaksanakan. Untuk melihat keberkesanannya dalam tempoh terdekat ini, kerajaan akan memperkenalkan pengauditan terhadap pelaksanaan TPOR tersebut.

Dari apa yang baginda titahkan itu, jelas bahawa kerajaan baginda tidak pernah ketandusan usaha dan iktihar, bahkan sentiasa mencari jalan dengan cara yang termampu dan bersesuaian untuk memacu kemajuan dan pembangunan negara semata-mata untuk kesejahteraan dan kebahagiaan rakyat. Dalam masa yang sama usaha-usaha kerajaan itu memberikan 'signal' yang cukup jelas supaya rakyat jangan menjadi 'penerima' atau penonton semata-mata, tetapi sebalik sebagai penyumbang dan pengusaha yang aktif dalam makna berdaya maju dan berdikari. Dengan yang demikian akan mewujudkan situasi yang lebih adil, bak kata pepatah 'berat sama dipikul, ringan sama dijinjing'.

HALUAN...

BERI TUMPUAN SERIUS KEPADA PROGRAM PENSEJAJARAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULILLAH Rabbil 'Alameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Was-salaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihiie Wasahbihee Ajma'e'en, Waba'du.

Alhamdulillah, beta bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala di atas limpah rahmat-Nya, mengurniakan kita kesempatan untuk sama-sama berkumpul dalam upacara yang indah ini, bersempena dengan ulang tahun hari keputeraan beta pada tahun ini.

Terlebih dahulu, beta dengan ikhlas ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua tetamu beta, sama ada yang datang dari jauh mahupun dekat, untuk sama-sama meraikan sambutan ini.

Demikian juga kepada dif-dif yang lain serta semua pihak yang telah menghantar perutusan-perutusan ucap selamat bersempena dengan sambutan perayaan ini.

Mudah-mudahan Allah Subhanahu Wataala jua yang akan membalas ingatan baik mereka itu dengan ganjaran yang sebaik-baiknya.

Kita semua wajiblah bersyukur kerana dapat menikmati keadaan aman dan makmur yang berterusan di negara ini, lebih-lebih lagi dalam suasana dunia yang sentiasa mengalami pelbagai cabaran dan pergolakan ini.

Di dalam tempoh setahun yang lalu pelbagai krisis telah melanda masyarakat antarabangsa, sama ada dalam bentuk peperangan, wabak penyakit mahupun serangan-serangan yang menjejaskan nyawa dan harta benda.

Alhamdulillah, dengan izin dan rahmat Allah Subhanahu Wataala jua, Negara Brunei Darussalam terselamat dan terpelihara daripada semua krisis tersebut.

Suasana negara yang aman dan stabil membolehkan kita semua meneruskan kehidupan yang sejahtera dan bahagia.

Seperti yang beta sering tekankan di masa-masa yang lalu, masyarakat yang sentiasa mengamalkan sikap bersatu padu, hormat-menghormati dan saling faham-memahami, adalah merupakan asas yang penting bagi pembangunan negara.

Wawasan kita memanglah untuk melihat negara ini sentiasa selamat, aman dan makmur. Dalam makna, segala program kerajaan beta adalah menjurus ke arah ini.

Beta ingin melihat setiap rakyat dan penduduk berdaya maju dan berdikari. Kerajaan adalah berperanan untuk menyediakan iklim dan prasarana, manakala rakyat pula mestilah memanfaatkannya dengan menggunakan usaha membangun menurut peraturan-peraturan yang ada.

Menyentuh mengenai pembangunan, sudah nyata bahawa kekuatan ekonomi adalah memainkan peranan yang utama untuk menajayakan proses pembangunan.

Era globalisasi dan perdagangan bebas serantau dan antarabangsa



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam sempena Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-57 pada hari Selasa, 15 Jamadilawal, 1424/15 Julai 2003 di Istana Nurul Iman.

Darussalam, sama ada di darat mahupun di laut, untuk kepentingan generasinya.

Adalah menjadi harapan, supaya sektor minyak dan gas sentiasa berkeupayaan untuk memberi sumbangan yang utama dalam perekonomian negara, di samping juga industri-industri bukan minyak dan gas yang sedang giat dimajukan.

Kerajaan beta juga terus peka terhadap keperluan tenaga manusia bagi pembangunan. Di antaranya ialah penyediaan tenaga dalam bidang teknologi infokomunikasi yakni ICT, sebagai ciri khusus untuk mewujudkan e-Kerajaan dan seterusnya bagi memanfaatkan era 'k-ekonomi' yang berasaskan pengetahuan.

Sebagai alat untuk menghadapi cabaran tersebut, sistem pendidikan kebangsaan perlulah menyediakan program-program pendidikan yang dinamik yang menjurus ke arah penghasilan ilmu serta kemahiran yang tinggi.

Kurikulum pendidikan juga seharusnya mewujudkan budaya pendidikan sepanjang hayat bagi melahirkan masyarakat Brunei yang berilmu pada setiap peringkat umur.

Demi untuk mencapai matlamat e-Kerajaan, pihak Institut Perkhidmatan Awam telah pun diamanahkan untuk menjalankan program-program latihan ICT.

Selain tumpuan diberikan kepada bidang ICT, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi juga, dengan bantuan pakar yang berkaitan, telah melaksanakan satu kajian mengenai keperluan pembangunan dan pengurusan sumber manusia.

Kajian tersebut dijangka selesai dalam bulan September, di mana hasilnya akan digunakan untuk membantu kerajaan pada menentukan arah tuju pembangunan serta juga bentuk keperluan pengurusan sumber manusia bagi jangka sederhana dan panjang.

Pada bulan Ogos, Laporan Separu Penggal, yakni 'Mid-Term Review' bagi Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 akan dikeluarkan untuk membentangkan penilaian pelaksanaan rancangan tersebut bagi tempoh Januari 2001 hingga Jun 2003 dengan fokus kepada pencapaian permasalahan pelaksanaan.

BETA ingin melihat setiap rakyat dan penduduk berdaya maju dan berdikari. Kerajaan adalah berperanan untuk menyediakan iklim dan prasarana, manakala rakyat pula mestilah memanfaatkannya dengan menggandakan usaha membangun menurut peraturan-peraturan yang ada.

Persefahaman erat sentiasa terjalin antara Brunei - Perancis

BANDAR SERI BEGAWAN, 14 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Jacques Chirac, Presiden Republik Perancis dan Tuan Yang Terutama Jean Pierre Raffarin, Perdana Menteri Republik Perancis bersempena Hari Kebangsaan Republik Perancis.

Dalam perutusan itu baginda merakamkan perasaan gembira di atas hu-

bungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Perancis. Baginda percaya kedua-dua buah negara akan terus meningkatkan usaha dalam semua bidang kerjasama demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya dalam perutusan tersebut baginda berharap Tuan Yang Terutama Jacques Chirac, sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Republik

Perancis akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu di dalam perutusan kepada Tuan Yang Terutama Jean Pierre Raffarin, Perdana Menteri Republik Perancis, baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang Terutama dan kerajaan serta rakyat Republik Perancis sempena Hari Kebangsaan Republik Perancis.

Baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan

persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Perancis. Baginda seterusnya percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing. Seterusnya baginda berharap semoga Tuan Yang Terutama Jean Pierre Raffarin, Perdana Menteri Republik Perancis akan sentiasa menikmati kemakmuran dan sejahtera.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkliah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri mengalu-alukan ketibaan Timbalan Perdana Menteri Malaysia, sejurus sebelum mengadakan jamuan tengah hari di Balai Penghadapan Bukit Kayangan. - Gambar oleh Abdullah HAD.

Timbalan PM Malaysia diraikan di jamuan tengah hari

BANDAR SERI BEGAWAN, 8 Julai. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkliah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Teramat

**Oleh
Ak. Jefferi PD**

Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah telah berkenan mengadakan jamuan tengah hari bagi Yang

Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan Yang Amat Berbahagia Datin Seri Endon Dato Mahmood yang mengadakan rangka lawatan selama tiga hari di negara ini. Jamuan berlangsung di Balai Penghadapan Bukit Kayangan.

Juga turut hadir di jamuan tengah hari tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz, bersama perwakilan-perwakilan tertinggi daripada Kerajaan Negara Brunei Darussalam dan Malaysia serta negeri Sabah dan Sarawak.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkliah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah berkenan mengadakan jamuan tengah hari bagi Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan Yang Amat Berbahagia Datin Seri Endon Dato Mahmood. - Gambar oleh Abdullah HAD.

Santap tengah hari bagi Menteri HEL Ukraine

BANDAR SERI BEGAWAN, 10 Julai. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkliah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan mengadakan jamuan tengah hari bagi Tuan Yang Terutama Antadly Zlenko, Menteri Hal Ehwal Luar Republik Ukraine di Balai Penghadapan Bukit Kayangan.

**Oleh
Samle HJ**

berada di negara ini bagi lawatan tiga hari sebagai sebahagian daripada lawatan ke beberapa buah negara Asia Tenggara.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkliah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan meraikan TYT Antadly Zlenko, Menteri Hal Ehwal Luar Republik Ukraine di jamuan tengah hari di Balai Penghadapan Bukit Kayangan. - Gambar oleh Masri Osman.

Dua Timbalan SUT baru dilantik

BANDAR SERI BEGAWAN, 9 Julai. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bokiah Mu'iz-

zaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Perdana Menteri,

memaklumkan bahawa baginda telah memperkenankan supaya:-

Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail, Pegawai Tugus-Tugas Khas Kanan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Awang Haji Ishaq bin Haji Abdullah, Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Islam Iran, dilantik menjadi Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Pendidikan.

Kedua-dua lantikan tersebut berkuat kuasa mulai 10 Julai 2003.



Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail.



Awang Haji Ishaq bin Haji Abdullah.

DYTM berkenan hantar perutusan tahniah

BANDAR SERI BEGAWAN, 4 Julai. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkliah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Colin L. Powell, Setiausaha Negara Amerika Syarikat, kerajaan dan rakyat negara tersebut bersempena Hari Kemer-

deka Amerika Syarikat.

Dalam sabda perutusan tersebut, Duli Yang Teramat Mulia menghargai perhubungan yang dimainkan di antara kedua-dua buah negara terutama di bidang kerjasama pertahanan dan memerangi keganasan.

Duli Yang Teramat Mulia mengambil kesempatan kepada Tuan Yang Terutama dan rakan-rakan sejawatannya di seba-

gian negara antarabangsa dalam tanggungjawab penting dalam proses damai Timur Tengah.

Sementara itu pada 7 Julai lepas Duli Yang Teramat Mulia juga menghantar perutusan tahniah kepada Perdana Menteri dan Menteri Luar Nepal Tuan Yang Terutama Surya Bahadur Thapa, kerajaan dan rakyat Nepal sempena ulang tahun Hari Keputeraan Raja Gyanendra Birbikram Shah Dev, Raja Nepal.

Tuan Yang Terutama

Beri tumpuan serius kepada program pensejajaran

Dari muka 2

Laporan ini akan juga mencadangkan perubahan-perubahan dasar dan strategi perancangan, berasaskan kepada faktor-faktor dalaman dan luaran yang telah dan sedang dialami, demi semata-mata untuk mensejajarkan keperluan pembangunan negara.

Menjurus kepada Perkhidmatan Awam, kerajaan beta akan sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan perkhidmatannya ke tahap yang membawanya mampu untuk memenuhi kehendak-kehendak pelanggan dengan lebih memuaskan.

Di antara usaha yang telah pun diperkenalkan baru-baru ini, ialah program pensejajaran, yakni 'alignment', di mana setiap Kementerian dan jabatan kerajaan perlu menyediakan perancangan strategi organisasi masing-masing supaya usaha-usaha yang dilaksanakan oleh organisasi-organisasi berkenaan akan dapat diselaraskan dengan hasrat, wawasan dan aspirasi negara yang telah digariskan.

Beta berharap semua agensi kerajaan akan memberi tumpuan yang serius kepada program ini.

Adalah menjadi hasrat beta supaya agensi-agensi kerajaan memastikan Tekad Pemedulian Orang Ramai yakni TPOR akan terus diperhatikan dan dilaksanakan.

Di dalam tempoh yang terdekat, satu inisiatif baru dalam Perkhidmatan Awam akan diperkenalkan, iaitu pen-

MATLAMAT utama projek ini ialah bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan TPOR di Kementerian dan jabatan, di samping sebagai satu cara untuk memantau, sejauh manakah komitmen agensi-agensi kerajaan terhadap program ini.

gaudit terhadap pelaksanaan terhadap Tekad Pemedulian Orang Ramai.

Matlamat utama projek ini ialah bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan TPOR di Kementerian dan jabatan, di samping sebagai satu cara untuk memantau, sejauh manakah komitmen agensi-agensi kerajaan terhadap program ini.

Usaha yang akan dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Pengurusan ini dijangka akan dapat membantu setiap Kementerian dan jabatan dalam mengenal pasti atau mengatasi kelemahan-kelemahan, sekiranya ada, oleh agensi-agensi berkenaan.

Usaha tidaklah pernah dihentikan bagi mengemas dan melicinkan jentera pentadbiran kerajaan, supaya kesejahteraan dan mutu kehidupan rakyat dapat dikedalikan.

Dalam perkara kesihatan, kemunculan wabak penyakit SARS telah menimbulkan kebimbangan dan cabaran.

Namun alhamdulillah, langkah-langkah tegas lagi komprehensif dapat kita ambil berupa pencegahan, pengawalan dan pemantauan, dengan melalui cara kita sendiri dan juga usaha sama dengan pihak-pihak kesihatan serantau dan Pertubuhan Kesihat-

an Sedunia. Cara kita sendiri itu termasuklah munajat kepada Yang Maha Berkuasa, dengan Sembahyang Hajat dan berdoa kepada-Nya, semoga kita dan negara diselamatkan daripada wabak yang mengerikan ini.

Kita amat bersyukur kerana doa kita telah dimakbulkan oleh Allah Subhanahu Wataala.

Kerajaan beta akan terus memberikan keutamaan dalam perkara kesihatan ini. Konsep kita adalah mendahulukan pencegahan terhadap sebarang penyakit daripada merawatnya. Kita tidak menunggu penyakit menyerang kemudian merawat, tetapi sedaya mungkin mengenal pasti punca-punca penyakit sebagai langkah pencegahan. Sebagai contoh, apabila dikenal pasti bahaya rokok kepada kesihatan, maka kerajaan dengan tegasnya mengambil langkah-langkah ke hadapan yang munasabah, termasuklah turut menyuarakan pendapat-pendapatnya di dalam forum-forum atau persidangan antarabangsa.

dangan-persidangan peringkat antarabangsa.

Dalam usaha untuk memperolehi tahap rawatan kesihatan yang lebih selesa dan sesuai, kerajaan beta juga telah menandatangani satu perjanjian 'Joint Venture' di antara Pusat Perubatan Jerudong Park dengan sebuah kumpulan perubahan luar negeri yang mempunyai reputasi tinggi, untuk menubuhkan satu pusat jantung di negara ini.

Perjanjian ini telah membolehkan pesakit-pesakit untuk menerima rawatan penyakit jantung di dalam negeri di semua peringkat penjagaan termasuk rawatan 'angioplasty' dan pembedahan 'Open Heart', yang sebelum ini hanya dapat diperolehi di luar negeri.

Beta percaya usaha sedemikian ini dapat memberikan banyak manfaat, termasuk boleh meringankan bebanan perbelanjaan yang terpaksa ditanggung oleh keluarga para pesakit.

Pusat jantung ini juga diharap akan menjadi

sebuah pusat yang bereputasi tinggi yang akan turut menarik pesakit-pesakit dari luar negeri, bukan sahaja dari rantau ini malahan juga dari luar rantau, di samping dengan kehadirannya itu dapat pula menyumbang kepada ekonomi negara.

Beta sukacita mengambil perhatian mengenai mereka yang memohon untuk mendapatkan taraf sebagai rakyat beta, khususnya, terhadap golongan pemohon yang kurang mendapat peluang persekolahan yang mencukupi, terutamanya mereka yang berumur 50 tahun ke atas dan dianggap sebagai 'buta huruf'.

Untuk mereka yang sedemikian, beta telah bersetuju supaya dibolehkan menjalani ujian bahasa Melayu secara lisan, di samping dapat memenuhi syarat-syarat yang lain yang juga dikehendaki.

Perkara ini tidaklah bercanggah dengan undang-undang yang ada, di mana setiap pemohon untuk menjadi rakyat beta, mestilah boleh bertutur dalam bahasa Melayu dengan fasih. Beta berharap langkah ini akan memberi peluang lebih adil kepada pemohon-pemohon yang mempunyai tahap pelajaran yang tidak mengizinkan mereka untuk menjalani ujian secara bertulis.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah di Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam.

Mudah-mudahan segala usaha ini akan diberkati oleh Allah Subhanahu Wataala, amin.

Akhirnya, beta tidak lupa merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada segenap lapisan rakyat dan penduduk yang telah memberikan kerjasama dan sokongan mereka kepada kerajaan beta, dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing.

Kepada seluruh rakyat dan penduduk, termasuk semua peringkat dalam perkhidmatan awam kerajaan, pasukan-pasukan keselamatan serta mereka yang ber-

khidmat di sektor swasta, beta tidak lupa merakamkan penghargaan di atas usaha mereka yang ikhlas di dalam melaksanakan segala tugas dan tanggungjawab mereka.

Beta juga tidak lupa merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Perayaan sama ada di peringkat kebangsaan mahupun daerah, di atas usaha-usaha mereka pada menyusun dan melaksanakan rancangan-rancangan perayaan.

Sekian, Wabillahir Taufiq Walhidayah, Wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai -. Kebawah Duli Yang Maha Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah bahawa era globalisasi dan perdagangan bebas serantau dan antara-bangsa serta pembukaan pasaran perdagangan dalam negeri menjadi wadah yang amat mencah.

Dalam waktu yang sama, titah baginda, kekukuhan ekonomi memainkan peranan yang utama untuk menjayakan proses pembangunan. Dari itu baginda ingin melihat setiap rakyat dan penduduk berdaya maju dan berdikari.

"Kerajaan berperanan untuk menyediakan iklim dan prasarana manakala rakyat pula mestilah memanfaatkannya dengan mengandakkan usaha membangun menurut peraturan-peraturan yang ada," titah baginda di Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam Sempena Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-57 yang berlangsung di Istana Nurul Iman di sini.

Baginda seterusnya bertitah bahawa untuk memastikan para pengusaha tempatan dapat bersaing dalam pasaran eksport terbuka, kerajaan baginda terus memberikan perhatian terhadap penghasilan produk tem-

Kekukuhan ekonomi jayakan proses pembangunan

Oleh
Abd. Karim HAB
dan **Dk. Hjh. Saidah PHOA**

patan yang berkeupayaan untuk memenuhi keperluan mutu dan piawaian antarabangsa.

Sebagai langkah permulaan bagi mencapai pengiktirafan kualiti produk tempatan, titah baginda, Kementerian Perindustrian dan Sumber

Sumber Utama telah pun melaksanakan program piawaian dan amalan pengurusan kualiti untuk pengusaha-pengusaha tempatan.

Program tersebut titah baginda akan membolehkan pengusaha tempatan mendapatkan sijil pengiktirafan kualiti yang diperakui di peringkat antara-bangsa, di samping itu pihak berkenaan juga telah melaksanakan satu kajian bagi kemungkinan menubuhkan satu Institusi

Akreditasi dan Piawaian Kebangsaan.

Dalam pada itu titah baginda lagi, keperluan pengusaha kecil dan sederhana terus diutamakan oleh kerajaan baginda terutama dari segi sumber kewangan di mana kerajaan baginda sedang memeliti untuk melartakan lagi dua skim pinjaman dengan dua bank tempatan yang sudah sedia ada kepada bank dan institusi kewangan tempatan yang lain.

Langkah tersebut titah baginda diharapkan dapat memberikan pilihan tambahan kepada mereka sambil menggalakkan persaingan di antara bank-bank untuk menyediakan perkhidmatan pinjaman yang lebih menarik.

Menyentuh mengenai Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 (RKN 8) baginda bertitah bahawa Laporan Separa Penggal (Mid-Term Review) akan dikeluarkan pada bulan Ogos bagi membentangkan penilaian perlaksa-

naan rancangan tersebut bagi tempoh Januari 2001 hingga Jun 2003 dengan fokus kepada pencapaian permasalahan pelaksanaan.

Titah baginda laporan berkenaan akan juga mencadangkan perubahan dasar dan strategi perancangan berasaskan kepada faktor dalaman dan luaran yang telah dan sedang dialami demi semata-mata untuk mensejajarkan keperluan pembangunan negara.

Kesihatan terus diberi keutamaan

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah bahawa kerajaan baginda akan terus memberi keutamaan dalam perkara kesihatan.

"Konsep kita adalah mendahulukan pencegahan terhadap sebarang penyakit daripada merawatnya. Kita tidak menunggu penyakit menyerang kemudian merawat tetapi sedaya mungkin mengenal pasti punca-punca penyakit sebagai langkah pencegahan. Sebagai contoh, apabila dikenal pasti bahawa rokok kepada kesihatan, maka kerajaan dengan tegasnya mengambil langkah-langkah ke hadapan yang munasabah termasuklah turut menyuarakan pendapat-pendapatnya di dalam forum-forum atau persidangan peringkat antarabangsa," titah baginda.

Baginda bertitah menekankan perkara itu semasa Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam Sempena Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-57, di Istana Nurul Iman hari ini.

Menurut baginda, dalam usaha untuk memperoleh tahap rawatan kesihatan yang lebih selesa dan sesuai, kerajaan baginda juga telah menandatangani satu perjanjian usaha sama antara Pusat Perubatan Jerudong Park dengan sebuah kumpulan perubatan luar negeri yang bereputasi tinggi untuk menubuhkan sebuah pusat jantung di negara ini.

Perjanjian itu, jelas

Laporan Abd. Karim HAB dan Dayangku Hajah Saidah PHOA

baginda, telah membolehkan para pesakit untuk menerima rawatan penyakit jantung di dalam negeri di semua peringkat penjagaan termasuk rawatan 'angioplasty' dan pembedahan 'Open Heart' yang sebelum ini hanya dapat diperolehi di luar negeri.

Baginda-percaya usaha sedemikian dapat memberikan banyak manfaat termasuk boleh meringankan beban perbelanjaan yang terpaksa ditanggung oleh keluarga para pesakit.

"Pusat jantung ini juga diharap akan menjadi sebuah pusat yang bereputasi tinggi yang akan turut menarik pesakit-pesakit dari luar negeri, bukan sahaja dari rantau ini malah juga dari luar rantau

di samping dengan kehadirannya itu dapat pula menyumbang kepada ekonomi negara," titah baginda.

Baginda juga menyenutuh mengenai wabak SARS berlaku baru-baru ini.

Kemunculan wabak itu, titah baginda, telah menimbulkan kebimbangan dan cabaran namun alhamdulillah, langkah-langkah tegas lagi komprehensif dapat kita ambil yang berupa pencegahan, pengawalan dan pemantauan melalui cara kita sendiri dan usaha sama dengan pihak-pihak kesihatan serantau dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia.

"Cara kita sendiri itu termasuklah munajat kepada Yang Maha Berkuas dengan Sembahyang Hajat dan berdoa kepada-Nya semoga kita dan negara diselamatkan daripada wabak yang mengerikan ini. Kita amat bersyukur kerana doa kita telah dimakbulkan oleh Allah Subhanahu Wataala," titah baginda.

Kebawah DYMM rakamkan penghargaan, terima kasih

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada segenap lapisan rakyat dan penduduk yang telah memberikan kerjasama dan sokongan kepada kerajaan baginda dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing.

"Kepada seluruh rakyat dan penduduk termasuk semua peringkat dalam perkhidmatan awam kerajaan, pasukan-pasukan keselamatan serta mereka yang

berkhidmat di sektor swasta, beta tidak lupa merakamkan penghargaan di atas usaha mereka yang ikhlas dalam melaksanakan segala tugas dan tanggungjawab mereka," titah baginda semasa Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam sempena Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda yang ke-57, di Istana Nurul Iman hari ini.

Di samping itu, baginda juga merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada ahli-ahli jawatankuasa perayaan sama ada di peringkat kebangsaan mahupun daerah di atas usaha-usaha mereka pada menyusun dan melaksanakan rancangan-rancangan perayaan.

Pengurniaan bintang-bintang kebesaran

Oleh Haji Ahmad HS

Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Haji Awang Halbi bin Haji Md. Yusof yang membawa gelaran Dato Paduka Seri.

Sementara penerima Bintang Kebesaran Darjah Seri Ugama Islam Negara Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Kedua (D.S.S.U.B.) yang membawa gelaran Dato Seri Setia kepada Pengiran Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman.

Kemudian diikuti penerima Bintang Kebesaran Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa

Darjah Kedua (D.S.L.J.) yang membawa gelaran Dato Seri Laila Jasa kepada Pakar Perundangan Islam, Profesor Dr. Anwarullah Shafiuallah.

Manakala 11 orang menerima Bintang Kebesaran Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Kedua (D.P.M.B.) yang membawa gelaran Dato Paduka kepada Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Haji Abdul Hamid bin Pengiran Haji Md. Yassin; Yang Dimuliakan Pehin Datu Singamanteri Kolonel (L) Haji Awang Mohd. Yasmin bin Haji Umar; Pengarah Telekom Brunei, Awang Buntar bin Osman; Pemerintah Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei, 78

Kolonel Haji Abdu'r Rahmani bin Dato Paduka Haji Basir; Pengawal Kastam dan Eksais Diraja Brunei, Awang Mohd. Eusoff Agaki bin Haji Ismail; Pengarah Institut Teknologi Brunei, Awang Haji Mohd. Yusra bin Haji Abdul Halim, S/Supt Sheikh Haji Abdul Ghani bin Sheikh Abdullah, Dr. Awang Haji Serudin bin Datu Setiawan Haji Tinggal, Dr. Lim Meng Keang dan Dayang Hajah Suraya Noridah binti Abdullah.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga berkenan mengurniakan Bintang Kebesaran Darjah Seri Ugama Islam Negara Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Ketiga (S.S.U.B.) kepada Awang Haji Md. Lazim bin Haji Matali, Awang Haji Naidi bin Haji Mohd. Noor, Awang Haji Zaini bin Hashim, Awang Haji Suhaile bin Ibrahim, Dayang Hajah Norhani binti Haji Baha, Dayang Hajah Aminah binti Haji Abd. Manaf dan dua orang pegawai kanan dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei menerima Bintang Kebesaran Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Ketiga (S.N.B.) iaitu Pemerintah Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei, 117 Kolonel (U) Haji Mahmud bin Haji Saidin dan Pemerintah Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei, 123 Kolonel (L) Haji Joharie bin Haji Matussin.



DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, DYTM Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, DYTM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, putera-puteri Kebawah Duli Yang Maha Mulia berangkat ke Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam sempena Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Ke-57 (atas kanan dan kiri). Sementara gambar kanan dan kiri, para tetamu khas Kebawah DYMM dari luar negara dan para pembesar negara yang hadir di Istiadat tersebut.



DAHULU dan sekarang, kalau ditakrifkan kepada perubahan, maka ia samalah seperti keadaan pantai yang tidak akan kekal keadaannya melainkan tetap berubah setiap kali ombak melandanya. Barangkali, demikian jugalah agaknya tentang hidup dan setiap sesuatu yang pada fizikalnya tidak berupaya untuk kekal seperti pada asalnya. Termasuk tentang sikap dan perangai, seseorang itu akan tumbuh bersama dengan keadaan yang melingkunginya. Semuanya akan menjadi pengalaman tidak kira tentang yang baik-baik malah juga yang buruk-buruk.

Bahkan yang buruk-buruk itu akan bertahan lebih lama dalam ingatan seseorang berbanding dengan pengalaman yang baik-baik. Kerana naluri yang buruk itu biasanya akan memberi bekas dan kesan serta parut yang lebih mendalam di biduk-biduk ingatan. Juga tidak mustahil jika ada orang yang tidak mudah melupakan sesuatu yang memberi bekas yang dalam, dalam dirinya, jiwanya dan ingatanannya lalu menjadikannya berhadapan dengan kesukaran atau ketidaklancaran dalam mengendalikan hidupnya.

Sementara yang baik-baik itu pula amat mudah lupa, baik ia sengaja dilupakan mahupun yang tidak sengaja atau memang dikesih-daki untuk dilupakan sahaja, katahlah berkaitan dengan budi yang lebih diertikan sebagai sedekah yang tidak dikehendaki untuk dikenang seperti maksud perumpamaan: "...apabila tangan kanan mengunjuk, tangan kiri hendaklah tidak melihat".

Demikian jugalah niat yang ada di sebalik maksud 'sedekah malim' yang sering berlaku di kalangan orang Brunei pada masa-masa yang silam itu. Ini adalah kemurnian yang nyata dan dipraktikkan oleh kebanyakan orang pada masa dahulu itu yang jarang berlaku pada masa ini.

Semua yang disebutkan di atas itu merupakan elemen-elemen yang dapat membantu pertumbuhan 'kedewasaan' anak-anak muda yang tidak semuanya dapat menduduki bangku sekolah disebabkan oleh keadaan yang kurang mengizinkan, yang secara umumnya ialah 'bersekolah itu belum lagi menjadi budaya orang dahulu'. Tetapi pengalaman hidup lingkungan mereka boleh membantu pertumbuhan yang positif seperti rasa bertanggungjawab, rajin, taat, takut salah, amanah, tih, lutan dan yang seumpamanya.

Elemen-elemen begini dapat membentuk arah fikir yang positif dalam menjalani kehidupan masing-masing mereka itu. Di sinilah, agak

MELIRIK MASA SILAM

(Haji Ahmad Arshad menulis ...)

ERTI DEWASA, AMANAH DIRI AMANAH ORANG

nampak lebih ketara lagi dalam soal cepat dewasa di segi 'akal dan fikir' walaupun pada fizikal mereka masih kelihatan dalam lingkungan anak-anak.

Ertinya mereka cepat matang akibat dari suasana yang ada dalam lingkungan mereka. Lagipun, kanak-kanak dahulu sejak seawal awal 'peumuran' boleh membuat kerja, tidak akan dibiarkan tanpa digunakan apa yang mereka mampu pada pendapat ibu bapa mereka. Umpamanya, si peramu kayu api akan membawa anak atau anak-anak mereka sebagai 'dangan' (teman) beramu kayu biarpun hanya setakat 'mendangani' berkayuh, menuangkan kopi dari puntian bata beramu atau sekadar 'dangan bakurap' semasa dalam pekayuhan.

Cara yang dilakukan oleh mereka itu adalah 'pendedahan' atau seperti kata mereka: 'biar mata kanak-kanak kitani itu cepai babuka tentang susah payahnya mengendalikan hidup'.

Anak-anak pengangkut batu pula akan berbuat yang sama iaitu akan selalu mengajak anak atau anak-anak mereka untuk 'mendangani' mereka bekerja. Dari sini, secara perlahan-lahan akan berlaku pemindahan pengalaman antara anak dan bapa itu tadi yang akhirnya anak-anak mereka itu akan meneruskan kerja-kerja bapa mereka. Kiranya anak-anak yang sudah tidak mempunyai bapa lagi tetapi masih ada ibu, jika ibu itu mempunyai pekerjaannya yang tersendiri untuk menyara hidup diri dan keluarganya, maka dengan sendirinya juga kerja-kerja untuk menyara hidup keluarga mereka itu akan juga dilakukan oleh anak atau anak-anak mereka.

Akhirnya, pekerjaan sendiri yang sudah seperti menjadi darah daging keluarga itu dengan secara automatik akan turun atau diwarisi oleh anak atau anak-anak mereka. Inilah yang biasanya berlaku di masa yang lalu itu. Budaya begini hanya mengalami perubahan apabila kanak-kanak Brunei mula didedahkan kepada pelajaran, apa lagi masalah buta huruf sudah dapat diatasi dengan jayanya biarpun tidak se-

ratus-peratus celik huruf.

Perkembangan ini rasanya sudah bermula dalam awal tahun-tahun 1950-an. Sebelum tahun-tahun tersebut, kanak-kanak di Kampong Ayer misalnya tidak ramai yang dihantar bersekolah yang antara sebab biasanya ialah kemahuan ibu bapa mereka supaya anak-anak mereka itu lebih baik dilatih bekerja dan mencari rezeki harian daripada bersekolah yang hanya dianggap sebagai membuang masa dan merugikan.

Di samping itu, ada juga yang ragu-ragu sama ada anak atau anak-anak mereka itu boleh belajar atau tidak. Ini berlaku bila mereka melihat anak-anak mereka itu sudah terlalu besar panjang dan dipandang lebih baik membuat kerja daripada bersekolah. 'Sudah bagak barukan sekolah. Kan bahapa!' Demikian antara rungutan yang biasa kita dengar bila ada nasihat untuk menyekolahkan anak atau anak-anak mereka itu.

Berkaitan dengan perkataan 'sudah bagak' ini, mungkin boleh saja diertikan sebagai ada persamaan dengan 'sudah dewasa'. Akan tetapi mungkin pula terdapat sedikit kelinan antara 'bagak' dan 'dewasa' - istilah lama dan istilah baru, jika dapat diterima. Beberapa orang lama yang kita temui menyarankan bahawa 'bagak' itu tidak bererti sama dengan 'dewasa' pada pandangan sekarang. Dahulu, 'bagak' adalah bererti besar atau sudah besar. Istilah lama yang lain adalah seperti yang dipanggil sebagai 'sudah bujang' yang juga ertinya sudah layak beristeri.

Bagak, tidak pula bererti sudah cukup akal dan demikian juga 'sudah bujang' itu. Namun, antara bagak dan sudah bujang itu memang dianggap sudah boleh kahwin apa lagi memang ramai yang dikahwinkan dalam usia terlalu muda pada zaman dahulu itu.

Tetapi ada kelinannya dengan erti 'dewasa' dalam konteks zaman sekarang ini. Secara umumnya, apabila disebut sahaja perkataan 'dewasa', maka ia sudah membawa erti badan sudah besar, sudah berakal, bersekolah, pemandai dan boleh membuat kerja. Selain dari semua itu, ia sudah dapat kahwin dan seumpamanya. Ini termasuklah

tentang cara berfikir yang semakin baik.

Satu hal yang ingin kita sebutkan tentang anak-anak yang dikatakan sudah 'bagak' pada masa silam itu iaitu dari segi taraf mereka. Mereka yang 'bagak' ini dianggap tidak lagi layak untuk bercampur dengan golongan kanak-kanak yang masih dianggap kecil baik pada susuk badan mahupun dari segi umur.

Selain daripada itu, kadang-kadang perkataan 'bagak' ini digunakan sebagai cemoohan kepada seseorang. Umpamanya perkataan: 'si-tua bagak, inda sadarkan diri' dan 'tua bagak sudah, lakat jua lului', dan 'tua bagak saja, alam jua berakal' dan lain-lain lagi. Ertinya, 'bagak' itu boleh saja merujuk kepada 'dewasa' yang statusnya agak tinggi daripada kanak-kanak.

Namun, dalam konteks hari ini ada juga yang memakai perkataan 'dewasa' itu dalam erti 'matang' iaitu 'kedewasaan' dan kematangan dalam berfikir' misalnya. Perkataan begini selalu kita jumpai dalam tulisan-tulisan. Demikianlah.

Tentang amanah diri dan amanah orang pula, kita pernah ditanyakan bagaimana orang dahulu menamai erti amanah itu. Banyak erti yang dibawa oleh kita sekarang ini. Namun pada masa silam itu, sebut sahaja perkataan 'amanah', sudah ramai yang takut. Takut itu adalah kerana kepercayaan sama ada boleh 'menamai' atau tidak. Sedangkan amanah untuk diri sahaja, seperti yang selalu diajarkan oleh orang dahulu itu, sudah terasa berat apalagi hendak menamai amanah orang.

Dalam konteks diri, untuk menyempurnakan amanah terhadap mata, telinga, mulut, tangan, kaki, jari-jemari semuanya dirasa amat terlalu susah oleh orang dahulu, apa lagi mahu menjaga perkara-perkara yang diamanahkan oleh orang. Sebab mereka beranggapan bahawa setiap mata terbuka (maksudnya bangun tidur), maka setiap saat yang dilalui oleh mata yang terbuka itu adalah juga terbuka dan terdedah kepada dosa. Bila ini berlaku, ertinya kita gagal memegang amanah. Demikianlah sebagai misalan sahaja.

Maka itu, bila sampai kepada amanah terhadap orang lain yang dipertanggungjawabkan kepada kita, apa lagi secara bersumpah mahupun tidak, biar sekadar tandatangan, sekadar mewakili dan diwakilkan serta ada unsur-unsur pertalian dengan amanah itu, cuba bayangkan akan tanggungannya. 'Bukan tanggung-tanggung helang, merasa berat dilepaskan', demikian orang dahulu berkata.

Perpustakaan masjid institusi penyebaran ilmu



BUNUT, 28 Jun.- Perpustakaan masjid memainkan peranan bukan saja sebagai institusi ilmu tetapi juga meliputi penyebaran ilmu dalam pe-

PEGAWAI Tugus-Tugus Khas Kementerian Kebudayaan, Bedia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Metussin menyatakan perkara tersebut di Pertandingan Membaca Syair, Sajak dan Cerita anjuran Jawatankuasa Bahagian Perpustakaan Masjid Kampong Bunut. (kiri) - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.

ngertian yang luas.

Pegawai Tugus-Tugus Khas Kementerian Kebudayaan, Bedia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Metussin menyatakan perkara tersebut di Pertandingan Membaca Syair, Sajak dan Cerita anjuran Jawatankuasa Bahagian Perpustakaan Masjid Kampong Bunut.

Katanya dengan adanya kemudahan pendidikan dan sumber mendapatkan

Oleh Abu Bakar HAR

maklumat, masjid kini menjadi kuat kepada ahli masyarakat yang tahu menghargai dan menilai ilmu untuk dimanfaatkan ke arah kebaikan di samping sebagai tempat melakukan ibadat mahupun sebagai pusat ilmu pengetahuan dan maklumat serta sebagai tempat bagi mengadakan kegiatan yang

berunsurkan pendidikan dan kemasyarakatan.

Walau bagaimanapun ada sebilangan masyarakat yang masih melihat peranan masjid dari kaca mata yang sempit dengan menganggap ia hanya sebagai tempat bersembahyang sahaja dan melupakan fungsinya dari segi penyebaran ilmu dan mengadakan kegiatan-kegiatan amal yang lain, tegasnya.

Ini pada pandangan

beliau menyebabkan adanya sebahagian masyarakat kita terutama belia dan remaja yang belum celik salat atau segan untuk masuk ke dalam masjid.

Oleh itu beliau mengesakan agar perasaan demikian dikikis sama sekali dan perlahan-lahan mengajak mereka ke dalam masjid untuk terlibat dan seterusnya menyertai kegiatan-kegiatan yang diungayahkan oleh pihak masjid sama ada yang berunsurkan kemasyara-

katan, pendidikan mahupun keagamaan.

Pertandingan yang disempenakan dengan Gerai Amal Tabung Rakyat Islam Kemboja bertujuan untuk memupuk khususnya kanak-kanak yang terlibat dalam pertandingan itu biasa bercakap di khalayak ramai.

Pertandingan yang bermula dengan sembahyang fardu Maghrib dan Isyak berjemaah diserikan lagi dengan persembahan nasyid oleh kumpulan nasyid negara jiran.

ORANG RAMAI DIPERSILAKAN DATANG

PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara menyeru supaya rakyat dan penduduk di Daerah Brunei dan Muara akan dapat menghadiri diri beramai-ramai semasa 'Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli dan Beramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Brunei dan Muara Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Yang Ke-57' yang akan diadakan

pada: Tarikh 20 Julai 2003 (Hari Ahad); jam: 7.30 pagi; Tempat: Kompleks Perdagangan, Sukan dan Rekreasi, Menjalim, Mukim Sungai Kebun.

Sehubungan itu, Jawatankuasa Keberangkatan Majlis Bercemar Duli dan Beramah Mesra akan menyediakan beberapa kemudahan pengangkutan pergi dan balik ke tempat berkenaan mulai jam 6.00 pagi seperti berikut:

i. Perahu-perahu akan menunggu di Jeti Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

dan seterusnya membawa ke Kompleks Perdagangan, Sukan dan Rekreasi, Menjalim, Mukim Sungai Kebun.

ii. Perkhidmatan 'Shuttle Bus' akan menunggu di Kawasan Letak Kereta Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampong Kiarong. Bas-bas berkenaan akan membawa ke Jeti Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

iii. Perkhidmatan 'Shuttle Bus' juga akan disediakan di sekitar hujung Jalan Kampong Sungai Kebun (berdekatan dengan Masjid Al-

Muhtadee Billah, Kampong Sungai Kebun). Bas-bas berkenaan akan membawa penduduk-penduduk yang meletakkan kereta di sepanjang jalan Kampong Sungai Kebun menuju ke Kompleks Perdagangan, Sukan dan Rekreasi Menjalim, Mukim Sungai Kebun.

Antara acara di Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli dan Beramah Mesra de-

ngan Rakyat dan Penduduk Daerah Brunei dan Muara dan 'Pameran Menyusur Tamadun Moden' yang mana akan diadakan selama tiga hari mulai 20 Julai 2003 (Ahad) - 2.00 petang hingga 4.00 petang; 21 Julai 2003 (Isnin) - 9.00 pagi hingga 4.00 petang dan 22 Julai 2003 (Selasa) - 9.00 pagi hingga 4.00 petang.

Pameran akan diadakan di bilik-bilik pameran Kompleks Perdagangan, Sukan Rekreasi Menjalim, Mukim Sungai Kebun.



DUA orang kanak-kanak yang menyertai Pertandingan Membaca Syair, Sajak dan Cerita anjuran Jawatankuasa Bahagian Perpustakaan Masjid Kampong Bunut. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.

Jangan hampakan harapan penduduk kampung

LABI, 6 Julai. - Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adanan, berkata penghulu mukim, ketua kampung dan ketua rumah panjang perlu mempunyai sikap terbuka serta bersedia mengorbankan masa dan tenaga, di samping menge-nepikan kepentingan peribadi demi tugas yang dipertanggungjawabkan.

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adanan menambah, untuk melaksanakan amanah dan tanggungjawab secara berkesan dan sempurna, mereka mestilah berpengetahuan serta mempunyai ciri-ciri murni atau etika kerja seperti berakhlak mulia, berdisiplin, komitmen yang tinggi, jujur, amanah, sabar, dedikasi, bersopan santun, pemedulian, bermuafakat dan

penuh tanggungjawab.

Dato Paduka juga berharap agar mereka sentiasa menjaga dan memelihara nama baik serta imej institusi penghulu mukim dan ketua kampung sebagai pemimpin akar umbi. Dato Paduka melahirkan harapan tersebut di Majlis Penyampaian Sijil Lantikan Penghulu Mukim Labi, Awang Haji Kamar @ Kamarhan bin Atma/Asma yang diadakan di rumah beliau.

"Penghulu mukim, ketua kampung dan ketua rumah panjang bukan saja dikehendaki untuk menjaga dan mempunyai akhlak yang terpuji, mematuhi peraturan dan undang-undang negara bahkan juga hendaklah memberikan contoh teladan yang baik, dapat bergaul dan menyelesaikan diri dengan semua lapisan masyarakat, ber-

Berita dan gambar-gambar oleh Dayangku Hajah Saidah PHOA

sikap pemedulian, bersopan santun, hormat-menghormati serta mempunyai sikap keterbukaan dan sentiasa bersedia untuk dijumpai oleh anak-anak kampung pada bila-bila masa diperlukan," jelas Dato Paduka.

Seterusnya Dato Paduka mengingatkan bahawa lantikan jawatan penghulu mukim bermakna kepercayaan dan amanah yang dipertanggungjawabkan oleh kerajaan untuk mengetuai, memimpin dan memeduli serta memata-matai hal-ehwal penduduk kampung dan mukim di bawah jajaannya.

Dato Paduka berkata, penduduk kampung dan

mukim menaruh harapan tinggi terhadap penghulu supaya dapat memimpin kehidupan mereka ke arah yang lebih baik dari segi pembangunan, perekonomian, kemasyarakatan dan pendidikan.

Dato Paduka seterusnya menerangkan di antara peranan, tugas dan tanggungjawab jawatan penghulu mukim sebagaimana yang telah digariskan dalam buku Skim Perkhidmatan Penghulu dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam 1998 antaranya memeduli kebajikan dan hal-ehwal penduduk mukim dengan memberikan perhatian dan masa sewajarnya.

Selain itu mereka juga



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adanan merasmikan Papan Tanda Rumah Penghulu Mukim Labi, Awang Haji Kamarhan bin Asma.

bertindak selaku penasihat, perantara, penyelarasan dan tempat tumpuan ketua-ketua kampung dan penduduk kampung dalam hal-ehwal mukim serta mengawasi dan bertanggungjawab dalam memelihara perpaduan kaum, di samping mencegah unsur perpecahan dan menggalak serta mewujudkan peranan hidup kejiwaan dalam masyarakat yang pemedulian dan bersefahaman.

Dato Paduka juga menyentuh mengenai Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) dan berharap agar penghulu dan ketua kampung bukan hanya menubuhkan MPMK pada nama tanpa bergerak aktif dan berfungsi tetapi mestilah dimanfaatkan bagi mencapai hasrat dan tujuan penubuhan MPMK.

Sehubungan itu Dato Paduka menyeru mereka supaya sentiasa mengadakan permuakatan, permuafakatan, permuafakatan serta kerjasama bersama ahli MPMK sama ada dalam menyelesaikan sebarang permasalahan yang dihadapi oleh anak-anak kampung mahupun dalam merancang dan melaksanakan apa jua aktiviti yang memberi kemanfaatan dan faedah kepada anak-anak kampung.

"Di samping itu penglibatan para belia dalam aktiviti sedemikian akan membantu mengisikan masa lapang mereka de-

ngan perkara yang berfaedah dan dalam masa yang sama akan dapat menghindarkan mereka dari terjerumus kepada perkara yang tidak diinginkan," ujar Dato Paduka.

Dato Paduka juga menyeru golongan pemimpin akar umbi, cendekiawan dan pegawai-pegawai kanan di sektor kerajaan dan swasta supaya akan menampilkan diri bagi menyumbangkan khidmat bakti, pengalaman, kepandaian, kepakaran mereka dalam MPMK ke arah yang lebih cemerlang.

Dalam menangani masalah sosial dan jenayah terutama yang melibatkan belia, Dato Paduka berpendapat perkara sedemikian tidak sepatutnya diserahkan sepenuhnya kepada pihak berwajib sahaja kerana masalah tersebut tidak akan dapat ditangani secara berkesan tanpa adanya kerjasama dan komitmen dari semua lapisan masyarakat.

Menurut Dato Paduka, penghulu mukim, ketua kampung dan penduduk kampung dan mukim selaku orang yang mengetahui mengenai keadaan kampung dan persekitaran mereka hendaklah sentiasa memberikan kerjasama yang padu dan bantuan kepada pihak keselamatan dan agensi penguat kuasa undang-undang dalam mengawasi dan memata-matai apa jua kegiatan jenayah yang mencurigakan

di dalam kawasan mereka.

Dato Paduka menasihatkan mereka mengenai sebarang perkara atau kegiatan yang tidak diinginkan yang didapati bertentangan dengan undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan di negara ini hendaklah melaporkannya segera kepada pihak berwajib.

"Kesedaran, rasa tanggungjawab dan kerjasama yang diberikan itu sangat diharapkan bagi sama-sama memelihara dan mengekalkan keselamatan, keamanan, ketenteraman dan kesejahteraan kampung dan mukim khususnya dan negara pada umumnya," ujar Dato Paduka.

Awang Haji Kamarhan dilantik sebagai Penghulu pada 23 Jun lalu. Mukim Labi terkenal dengan tanaman limau manisnya, mempunyai dua buah kampung iaitu Kampong Labi I dan Labi II dengan kera-maian penduduk lebih 1,800 orang terdiri berbilang bangsa dan kaum seperti Melayu, Belait, Dusun, Tutong, Murut, Kedayan, Brunei, Cina dan Iban. Seperti juga di kampung-kampung lain, kedua-dua kampung berkenaan tidak ketinggalan menikmati pelbagai kemudahan yang disediakan oleh kerajaan antaranya jalan raya, talian elektrik, air, sekolah, balai polis, pejabat pos, pejabat telekom dan klinik.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)		
JABATAN PERBENDAHARAAN, KEMENTERIAN KEWANGAN (BH.G. III)		
UNIT ELAUN CUTI DAN TAMBANG, BAHAGIAN PERAKAUNAN		
BIL.	PERKHIDMATAN	TPOR
1.	Menerima permohonan dan terus dimasukkan data ke dalam komputer mengikut bilangan folio	2 hari bekerja
2.	Permintaan fail persendirian (T-file) bagi pemohon	10 hari bekerja
3.	Memproses dan menyemak permohonan	4 hari bekerja
4.	Pegawai menyemak dan meluluskan permohonan	2 hari bekerja
5.	Masukkan baucer pembayaran ke dalam Buku Peruntukan (Vote Book)	1 hari bekerja
6.	Ketua Bahagian meluluskan baucer pembayaran	1 hari bekerja
7.	Mencatat baucer pembayaran ke dalam senarai dispetch sebelum dihantar ke Unit Pembayaran	1 hari bekerja
	Jumlah hari	21 hari bekerja
UNIT PINJAMAN RUMAH, BAHAGIAN PERAKAUNAN		
BIL.	PERKHIDMATAN	TPOR
1.	Proses kebenaran permohonan pinjaman	2 hari
2.	Proses tuntutan kontraktor	14 hari

Lebih 1,000 peserta sertai perarakan

KUALA BELAIT, 7 Julai. - Persiapan bagi sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-57 kini sedang rancang dijalankan.

Pelbagai persiapan telah disediakan oleh jawatankuasa-jawatankuasa setiap acara yang akan diadakan nanti. Sementara itu raptai bagi keberangkatan baginda ke daerah ini hampir diadakan setiap hari. Acara kemuncak keberangkatan baginda ke daerah ini ialah Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat yang akan diadakan

di Taman Jubli Perak, Jalan Maulana pada 19 Julai ini.

Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat merupakan acara yang pasti dinantikan setiap tahun oleh setiap rakyat dan penduduk di daerah ini khususnya dan negara ini umumnya bagi menyebarkan ucapan selamat dan junjung ziarah ke hadapan majlis baginda.

Latihan persembahan bagi acara tersebut kini sedang rancang dijalankan di kawasan berkenaan. Hadir bagi menyaksikan latihan tersebut, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adanan. Lebih 1,000 orang menyertai persembahan

tersebut terdiri daripada mukim, sekolah rendah dan menengah, sekolah vokasional dan teknikal, persatuan belia dan pertubuhan beruniform serta sektor awam.

Sambutan di daerah ini bertemakan 'Perarakan Warna-Warni Rakyat Mesra Riang Ria'. Selain acara persembahan jawatankuasa tertinggi sambutan di daerah ini juga mengadakan beberapa pertandingan sempena hari keputeraan baginda tahun ini antaranya pertandingan di air, pertandingan masak-masakan, kanak-kanak sihat dan pertandingan kebersihan dan landskap, bertujuan bagi menyema-

kan lagi sambutan yang dianggap sebagai salah satu yang bersejarah.

Selain itu jalan-jalan utama, sekolah-sekolah dan jabatan-jabatan kerajaan dan sektor swasta turut dihiasi dengan pintu-pintu gerbang manakala bendera kebangsaan juga dikibarkan serta lampu warna-warni dipasang di bangunan-bangunan kerajaan, syarikat swasta, komersil dan persendirian.

Manakala gerai-gerai jualan yang menyajikan pelbagai juadah dan pentas perayaan juga disediakan di Kawasan Tudung Saji di sini. Gerai-gerai berkenaan dijangka mula beroperasi pada 15 Julai.



MERIAH Para peserta giat menjalani latihan bagi sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Daerah Belait.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Yang Teramat Mulia Putera Mahkota Alexander II (kiri) dan Tuan Yang Terutama Dato Seri Setia Al-Syed Walid Ismail Al-Kurdi dari Jordan.



MENE MEN TETA TETA KHAS NEGA



BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima mengadap tetamu-tetamu khas luar negeri yang berada di negara ini bagi menghadiri Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-57, di Istana Nurul Iman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima mengadap Ketua Menteri Sarawak, Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Haji Abdul Taib (atas kiri) dan Timbalan Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Korn Dabbaransi (atas kanan).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima mengadap Yang Teramat Mulia Puteri Katherine dari Yugoslavia (kiri) dan Yang Teramat Mulia Puteri Basma binti Talal dari Jordan (kanan).



Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri mula-mula menerima mengadap Yang Teramat Mulia Puteri Mahkota Alexander II dan Yang Teramat Mulia Puteri Katherine serta Yang Teramat Mulia Puteri Alexander dari Belgrade, Yugoslavia.

Seterusnya baginda berdua menerima mengadap Yang Teramat Mulia Puteri Basma binti Talal dan Tuan Yang Terutama Dato Seri Setia Al-Syed Walid Ismail Al-Kurdi dari Jordan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima mengadap Datin Patinggi Laila Taib, Isteri Ketua Menteri Sarawak (kiri sekali) dan Datin Patinggi Laila Taib, Isteri Ketua Menteri Sarawak (kanan) dan gambar atas kanan, baginda menerima mengadap Yang Teramat Mulia Puteri Katherine dari Yugoslavia dan Yang Teramat Mulia Puteri Basma binti Talal dari Jordan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan menerima mengadap Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Ukraine, Tuan Yang Terutama Anatoly Zlenko.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Hara Satoshi.

Kebawah DYMM menerima mengadap Menteri Luar Ukraine, diplomat asing

Oleh
Abd. Karim HAB
Gambar-gambar
oleh Harun HR dan
Pengiran Rafee
PDPHM

BERAKAS, 10 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berkenan menerima mengadap secara berasingan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Ukraine dan dua diplomat asing yang akan menamatkan perkhidmatan di negara ini.

Baginda mula-mula berkenan menerima mengadap Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Ukraine, Tuan Yang Terutama Anatoly Zlenko yang berada di negara ini bagi lawatan rasmi.

Menurut siaran akhbar Jabatan Perdana Menteri dalam majlis yang berlangsung di Istana Nurul Iman, baginda dan Tuan Yang Terutama telah membincangkan isu-isu dua



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Sosialis Viet Nam ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Tran Tien Vinh.

hala dan kepentingan bersama.

Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa; Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah dan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar

Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Lim Jock Seng juga hadir di majlis itu.

Setelah itu baginda berkenan pula menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Hara Satoshi.

Baginda juga berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Sosialis Viet Nam ke Negara Brunei

Darussalam, Tuan Yang Terutama Tran Tien Vinh.

Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa dan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah juga hadir di majlis itu yang juga berlangsung di Istana Nurul Iman.

DPMM berkenan terima mengadap dua perwakilan asing

BANDAR SERI BEGAWAN, 10 Julai. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, hari ini berkenan menerima mengadap secara berasingan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam yang akan menamatkan perkhidmatan dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam yang baru.

Dalam majlis yang berlangsung di Istana Nurul Iman, Duli Yang Teramat Mulia mula-mula menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Hara

Oleh
Abd. Karim HAB

Satoshi.

Setelah itu, Duli Yang Teramat Mulia berkenan pula menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Tan Sri Mohd. Jamil Johari.

Tuan Yang Terutama Tan Sri Mohd. Jamil Johari menyampaikan surat tauliah perantaraan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 4 Jun 2003.

Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah juga hadir di majlis tersebut.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah semasa berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Hara Satoshi yang akan menamatkan perkhidmatan (kiri). Sementara gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulia semasa berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Tan Sri Mohd. Jamil Johari.



Sastera dan Budaya

سستردان بودايا

BAHAGIAN KEDUA

INTISARI SYAIR

PA yang ingin penulis jelaskan di sini ialah bahawa dengan pengalaman pahit dan situasi yang sedemikian inilah yang mendorong Pengiran Syahbandar menciptakan syairnya. Beliau memulakan syairnya dengan keluh sebagai orang buangan. Madahnya:

Bismillah itu mula karangan
Gurindam bayu nama timangan
Kesah rencana dagang buangan
Nestapa lara gunung larangan.

Di gunung larangan asmara guna
Menyamar jadi papa kelana
Segenap desa pantai sajanja
Membawa nasib tiada berguna.

Penulis melihat dalam syair ini, Pengiran Syahbandar telah mencurahkan segala-galanya: pemikirannya, perasaannya, jiwanya, pengalamannya, pendidikannya, pandangan jauhnya, nasihatnya, asuhan agama yang diterimanya, peribadi dan akhlaknya dan lain-lain yang merupakan unsur-unsur positif khasnya dalam konteks pembangunan sesuatu bangsa yang bermaruah dan berwibawa.

Penulis tidak melihat adanya unsur-unsur negatif dalam syairnya seperti sifat dengki dan iri hati, tamak, angkuh, menentang pemerintah dan seumpamanya.

Pengiran Syahbandar dalam melahirkan karyanya tidak terbagi di awang-awangan atau di alam khayalan, tetapi berpijak di bumi nyata. Sebagai seorang nasionalis, beliau tidak senang dan merasa cemburu dengan kedatangan orang-orang Barat ke tanah airnya. Beliau sedar bahawa di sebalik tangan persahabatan yang diuhurkan oleh mereka sebenarnya ada maksud yang tertentu (ada udang di sebalik batu).

Hal ini telah dibuktikan oleh pengalaman beliau sendiri semasa berada di Sarawak bila mana kedatangan James Brooke ke Sarawak bukan sahaja membawa akibat buruk kepada beliau sendiri malah yang lebih merugikan ialah ianya menggugat kuasa politik Kesultanan Brunei dalam jangka masa yang pendek dan panjang.

Apabila beliau mendengar Brunei menjalin persahabatan dengan pihak British dan apabila Pulau Labuan menjadi pertaruhan-nya dalam menjalin persahabatan tersebut, beliau terus melontarkan pandangannya:

Khalifah bertitah sangat majalis
Khabarnya bersahabat dengan Inggeris
Tercap surat dua belas rakis
Dengan Queen perjanjian habis.
Pulau Labuan diminta segera
Akan tempat tiang bendera
Di sana tempat berkira-kira
Dari Sarawak ke Singapura.

Dagang tercengang mendengarkan titah
Hati di dalam sangat gelabah
Labuan itu bukannya mudah
Alamat Negeri di bawah perintah.
Berdatang sembah dagang asmara
Kebawah Duli Seri Betara
Bukannya mudah di bawah bendera
Jikalau kurang-kurang juhara.

Jikalau kita merujuk kepada fakta-fakta sejarah, memang benar adanya perjanjian yang disebutkan dalam bait syair di atas yang dibuat antara Kerajaan Brunei dengan pihak British.

Perjanjian tersebut ditandatangani oleh Sultan Brunei sendiri dan Kapten Mundy yang mewakili pihak Kerajaan British dalam bulan Disember 1846.²⁹ Kerajaan Brunei meminta supaya pampasan dibayar bersabit dari penyerahan tersebut, tetapi Kapten Mundy telah menolak permintaan itu kerana kononnya tidak menderima arahan sedemikian. Di sini sudah nampak tipu helah yang dilakukan oleh pihak British ke atas Brunei. Perjanjian yang dimaksudkan mengandungi tiga perkara berikut iaitu: ³⁰

Pertama: Keamanan, persahabatan, persefahaman yang baik hendaklah wujud selama-lamanya di antara baginda Ratu Great Britain dan Ireland dengan Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei dan waris-warisan dan pengganti-penganti mereka masing-masing;

Kedua: Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei dengan ini menyerahkan hak Pulau Labuan dan jajahan takluknya iaitu pulau-pulau kecil yang berhampiran di situ dengan kedaulatan dan harta benda yang sepenuhnya kepada Ratu Great Britain dan Ireland, waris-warisan dan pengganti-penganti untuk selama-lamanya;

Ketiga: Kerajaan baginda Ratu Great Britain dan Ireland dengan ini berjanji sebagai balasan kepada penyerahan hak yang tersebut di atas, menggunakan usaha-usaha yang paling baik untuk menghamkan kegiatan lanun dan melindungi perdagangan yang sah di sisi undang-undang dan Sultan Brunei. Menteri-menterinya berjanji memberikan setiap bantuan kepada pihak berkuasa British.

Dengan jatuhnya Labuan ke tangan British, Pengiran Syahbandar merasa amat bimbang yang Brunei akan menghadapi zaman gerhananya kerana pada jangkaan beliau Labuan bukan sahaja akan dijadikan tempat persinggahan kapal-kapal perdagangan di

SYAIR RAKIS KARYA PENGIRAN SYAHBANDAR MUHAMMAD SALLEH: SATU KAJIAN KEMUNCULANNYA

OLEH PG. DR. HAJI MOHAMMAD BIN PG. HAJI ABD. RAHMAN

kawasan ini, bahkan akan menjadi titik permulaan kepada penaklukan wilayah Brunei yang besar itu. Pandangannya itu dinyatakan oleh beliau:³¹

Azrang itu orang Inggeris
Fahamkan akal dua belas rakis
Di dalam sekolah tetap menulis
Mencari rundingan fikir majlis.

Inggeris datang dari England
Pulau Labuan jadi pangkalan
Kalau Juhari kurang handalan
Di sanalah ia berbuat jalan.

Itulah akal diputar balik
Negeri yang besar hendak dimiliki
Jikalau tiada biasa henderik
Soal dan jawab yang amat cerdik.

Selain dengan pihak British yang mana perjanjian dengannya sudah pun dimeterai, Pengiran Syahbandar juga bimbang dengan sebuah lagi negeri Barat iaitu Amerika yang ingin mendekati Brunei dengan musuhih yang sama bagi kepentingan diri sendiri. Ini dijelaskan oleh Pengiran Syahbandar seperti madahnya:³²

Tuan ku baik fikir sedikit
Supaya tahu nyaman dan sakit
Dengan Inggeris sudah berakit
Merican lagi akan memipit.

Sebenarnya jika kita rujuk kepada fakta sejarah, perkara ini juga memang wujud. Kerajaan Amerika pernah menawarkan perlindungan kepada Brunei pada tahun 1845 dan pada tahun 1850 hubungan tersebut dipertingkatkan lagi oleh Joseph Balestier, wakil Kerajaan Amerika. Oleh kerana Amerika lebih mengutamakan kepentingannya di tempat lain, maka hanya 15 tahun kemudiannya (1865) barulah Amerika muncul lagi di Brunei.³³

Pengiran Syahbandar, tidak sahaja bercakap mengenai apa yang ada di hadapannya malah beliau juga nampaknya mempunyai pengetahuan dan maklumat yang luas mengenai apa yang berlaku di tempat-tempat lain atau di negeri-negeri yang jauh kedudukannya dari Brunei seperti Singapura, Johor, Mataram, Palembang dan lain-lain supaya diambil iktibar dan contoh teladan. Katanya:

i. Tiadalah Tuan ku mendengar warta
Sultan Mataram punya berita
Sebab tiada pandai berkata
Dibuang kompeni dari atas takhta³⁴

ii. Ayuhai Tuan ku wajah gemilang
Mendengarkan Tuanku Sultan Palembang
Sebab daripada rundingan abang
Di negeri Ceylon baginda terbuang³⁵

iii. Ayuhai Tuan ku Seri Betara
Yamtuan Besar di Singapura
Sebab terkurang budi bicara
Akhir kemudian tiada terkira.

Memakai rundingan seorang tambu
Anak Keling dengan Banggali
Memakai hukuman yang buta tuli
Rajanya lalai tiada peduli.

Dahulu kala dapat kesenangan
Dengan Inggeris dapat tolongan
Rial dan suku sangat pandangan
Menjadi jatuh dari julangan³⁶

iii. Dahulu dagang mendengar warta
Yamtuan Riau di atas takhta
Dari Si Guntang pancirnya nyata
Di negeri Johor dengannya serta.

Raja Riau Yamtuan Muda
Saudara sepupu dengan baginda
Di negeri Pahang duli baginda
Di Singapura paduka kanda.

Yamtuan Muda sangat masyhor
Diangkat Hollanda di negeri Johor
Tertulis di pintu polis dan kantor
Adil dan murah sangatlah makmur.

Muafakat dengan kekanda baginda
Ungku Bendahara di Pahang ada
Merunding negeri lalai tiada
Dapat keterangan dari Hollanda.

Mengambil ufti sekian jajahan
Pulau Sumbia dengan Timbalan
Pulau Laut sampai Serasan
Menghantar hasil setiap bulan.

Itulah memberi negerinya aman
Raja Arif lagi budiman
Muafakat dengan wazir sekalian
Diangkat Hollanda di tanah England.

Hollanda itu sangat arifin
Mengkaji kitab Tajus-Salatin
Akalnya besar lagi setiatin
Di negeri Betawi jadi Gobermen³⁷

Dengan ini jelas bahawa Pengiran Syahbandar tidak bermain dengan kata-kata yang kosong atau mengolah bunga-bunga bahasa yang meleret-leret seperti yang kita dapati pada kebanyakan syair klasik. Sebaliknya syairnya banyak mengandungi maklumat yang berhubung dengan keadaan politik dan corak pemerintahan di negeri-negeri lain.

Beliau juga dapat menganalisa sebab-sebab kejatuhan dan sebab-sebab ketahanan sesebuah pemerintahan itu. Jika demikian halnya, adalah tepat pendapat James Brooke terhadap Pengiran Syahbandar bahawa beliau adalah seorang yang bijak dan pintar.³⁸

Dalam syairnya kita dapat melihat kebijaksanaan dan kepintarannya itu. James Brooke sudah dapat mengesan ketokohnya lebih awal lagi, sebab itu agaknya ia cepat-cepat disingkirkan supaya pihak British dapat menjalankan jurumnya yang berbisnis tanpa gangguan. Sayangnya kebanyakan para pembesar Brunei pada masa itu tidak dapat melihat keadaan ini dengan perspektif yang betul sehingga akibatnya berlaku perpecahan dan persengketaan sesama sendiri yang memang diingini oleh pihak musuh.

Bercakap mengenai pegangan terhadap ajaran dan akidah Islam pada masa itu, melalui syair ini kita dapat melihat bahawa:

Negeri ini apa rundingnya
Syarak dan resam andang hukumnya³⁹

Maksud 'negeri ini' tentulah Negeri Brunei Darussalam. Maksud 'syarak' ialah hukum Islam, dan maksud 'andang' (perkataan Brunei) ialah suatu perkara yang sudah menjadi kelaziman digunakan atau diamalkan sejak lama.

Jadi pengertian yang dapat diambil dari bait syair ini ialah Negeri Brunei seperti yang disaksikannya sendiri pada masa itu ditadbirkan mengikut hukum syarak dan resam seperti yang terdapat dalam Hukum Kanun Brunei. Bait ini disokong oleh bait-bait yang lain. Pengiran Syahbandar menulis:

i. Menjadi kufur tiada berani
Mengalahkan syarak Tuhan yang ghani⁴⁰

ii. Benar pun syarak hukum ter'ala
Hukum berdiri syaraknya pula⁴¹

i. Syarak dan resam kian terdiri
Masing-masing oleh Jauhari⁴²

Beliau juga menulis perihal perlunya pegawai-pegawai yang menjalankan syarak itu, dan betapa pentingnya dijalin kerjasama yang erat antara mereka dengan pegawai-pegawai lain dari berbagai profesion demi untuk memelihara keutuhan agama, kekuatan umat, bangsa dan negara.

Madahnya:
Mesyuarat dengan ceteria menteri
Serta imam khatib dan haji⁴³

Ini bermakna kedudukan 'imam dan khatib' yang merupakan golongan ulama pada masa itu dipandang tinggi dan dihormati.

Dalam mesyuarat yang dihadiri oleh para 'ceteria dan menteri' yang merupakan golongan elit dan atasan, maka imam dan khatib juga dijemput sama yang bermakna kehadiran dan pemikiran mereka adalah diam-

bil kira dalam membuat dasar atau keputusan penting negara.

Lagi katanya:⁴⁴

Dengarkan ibarat dagang yang bodoh
Harapkan ampun bersungguh-sungguh
Empat perkara jalannya teguh
Boleh menjadi pekerjaan kukuh.

Pertama kadi yang bijaksana
Kedua doktor yang arifana
Ketiga lasykar pilihan sempurna
Keempat saudagar arif teruna.

Tatkala duduk di dalam pekerjaan
Keempat itu jangan bersalah-salahan
Di dalam aturan badis dan firman
Supaya negeri mendapat aman.

Bait-bait ini menjelaskan bahawa untuk mendirikan sebuah kerajaan yang kukuh maka empat faktor perlu ada. Pengiran Syahbandar meletakkan 'kadi' yang adil lagi bijaksana pada faktor yang pertama. Ini bermakna ia meletakkan agama di tempat yang teratas, termasuk yang dimaksudkan dengan 'kadi' itu ialah pemimpin yang bijaksana lagi memahami akan kehendak-kehendak rakyat dan negara serta memerintah dengan adil.

Kedua ialah mengadakan 'doktor' bagi merawat dan menjaga kesihatan orang ramai iaitu suatu aset penting untuk mencapai kemajuan dan pembangunan. Ketiga ialah mengadakan 'askar' yang cukup terlatih yang berkeupayaan untuk mempertahankan tanah air dan faktor yang terakhir ialah mengadakan kumpulan 'saudagar' atau usahawan yang menceburkan diri dalam bidang perniagaan untuk menguatkan kedudukan ekonomi negara.

Jika kita renungi dengan fikiran yang rasional keempat-empat faktor yang disebutkan itu nescaya kita tidak akan dapat menolak kebenarannya. Terbitya juga mengikut keutamaan. Didahulukannya keperluan agama berbanding dengan yang lainnya. Jika sekiranya kita letakkan faktor yang keempat menjadi faktor yang pertama dan sebaliknya faktor yang pertama menjadi faktor yang ketiga, nescaya susunannya tidak menurut keutamaan.

Jadi ini menampakkan ketajaman pemikiran pengarang ini sendiri. Beliau juga mahu supaya keempat golongan ini dapat saling tolong-menolong dan bekerjasama antara satu sama lain. Sebaliknya menjaui segala bentuk perbalahan dan persengketaan. Dengan berpandukan Al-Quran dan Al-Hadis, insya-Allah negara dan masyarakat akan menjalani kehidupan yang aman dan tenteram.

Dalam pada itu Pengiran Syahbandar yang dikatakan pernah bersekolah di Betawi (Jakarta) dan sesetengah riwayat lagi mengatakan beliau itu pernah melanjutkan pelajarannya ke negeri Belanda tetapi dalam syairnya itu nampak sekali jiwa keagamaannya di samping semangat patriotismenya.

Banyak sekali perkataan Arab yang digunakan seperti Malik al-Din, waraq, satar, mu'tamad, khalifah, mu'tabar, jauhar, syarak, waraqatul-ikhlas, wa tahfutal-ajnas, fuad al-insan, azzawajalla, qusi, taqsiirya, mantiq, bayan, arifin, tamthil, ba'dah, nazam, alhamdulillah, bismillah dan lain-lain.

Hal ini menunjukkan kecenderungan kepada Bahasa Arab dan agama. Malahan tidak mustahil beliau mengerti sebanyak sedikit bahasa ini, kalau tidak, bagaimanakah beliau boleh menggunakannya dan sesuai pada tempatnya?

Pegangan Brunei terhadap agama pada masa itu dapat dilihat dari tulisan seorang Eropah yang melawat Brunei pada tahun 1871 iaitu W.H. Treacher yang datang dengan sebuah kapal perang dan berlabuh di Sungai Brunei.

Beberapa orang pencuri telah berjaya memasuki kapal tersebut lalu mencuri sebuah jam tangan dan selaras senapang. Peristiwa buruk ini telah disebarkan oleh Treacher kepada Sultan Brunei. Beberapa hari kemudian semasa Treacher berada di Labuan barang-barangnya yang dimaksudkan itu telah dikembalikan kepadanya dengan sepucuk surat dari sultan yang mengatakan bahawa pencuri-pencuri berkenaan telah ditangkap dan hukuman potong tangan telah dijatuhkan ke atas para pesalah.⁴⁶

MARILAH kita mendekatkan diri ke hadirat Allah Subhanahu Wataala dengan melaksanakan segala perintah dan menjauhi apa-apa jua larangan-Nya, mudah-mudahan kita beroleh rahmat, amiin.


Kita bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala kerana sekali lagi kita dapat meraikan Hari Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-57 tahun pada 15 Julai ini.

Hari tersebut adalah hari yang ditunggu-tunggu kedatangannya oleh semua lapisan rakyat dan penduduk di negara ini dengan penuh perasaan gembira. Ini menunjukkan betapa eratnya hubungan raja dan rakyat di negara ini di mana raja mendapat sokongan dari rakyat dan rakyat pula mendapat limpah dan nikmat yang dikurniakan Allah Subhanahu Wataala di atas ketaatan kepada raja yang dikasihi.

Hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam riwayat Imam Muslim yang maksudnya:

"Dari Auf bin Malik, dari Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: *Sebaik-baik pemimpin kamu ialah orang yang kamu kasihi dan pemimpin itu pula mengasihi kamu, kamu mendoakan mereka itu dan mereka pula mendoakan kamu.*"

Selaku rakyat dan penduduk di negara ini, kita amat beruntung kerana mempunyai pemimpin yang bijaksana lagi berwibawa. Semenjak baginda menaiki takhta,



Negara Brunei Darussalam telah mengalami perubahan, seiring dengan era kemajuan dan era kemodenan sejagat. Namun demikian, negara tetap menjunjung dan mempertahankan ke-aulatan agama Islam, penghayatan ajaran-ajaran Islam tetap menjadi landasan pentadbiran negara dan menjadi amal-

an dalam kehidupan seharian.

Sepanjang sejarah pemerintahan beraja di negara kita, sejak beberapa kurun yang lalu, ternyata rakyat dapat hidup dengan aman dan bahagia dan bersatu padu di bawah pemerintahan raja yang datang silih berganti. Dalam konteks negara kita,

perpaduan dapat dikukuhkan dan diwujudkan melalui sistem pemerintahan beraja, di mana raja merupakan tunggak utama dan berkuasa penuh, malah juga menjadi ketua agama yang berkewajipan untuk memelihara kesucian agama Islam di negara ini.

Kita patut bersyukur

dan berbangga kerana mempunyai seorang raja yang bijaksana dan berwibawa yang mampu membawa ke arah kece-merlangan dan kemak-muran negara. Inilah nikmat yang dikurniakan Allah Subhanahu Wataala kepada kita dengan mengurniakan seorang raja yang salih dan taat ber-agama, yang bukan sahaja akan memancarkan rahmat, kebahagiaan dan keberkatan, tetapi juga akan menjadi satu jamin-an bahawa negara kita akan selamat dari se-barang anasir buruk dan pengaruh yang negatif.

Kita selaku rakyat yang terlindung di bawah pemerintahan baginda dan selaku penduduk yang bernaung di bumi Negara Brunei Darussalam ini, hendaklah melahirkan ketaatan dan ke-setiaan yang tiada berbelah bahagi kepada pimpinan raja kita, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah An-Nisaa' ayat 59 yang tafsirnya:

"Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kepada Rasulullah dan kepada ulil amri (orang-orang yang berkuasa dari kalangan kamu)."

Raja atau kepala negara adalah termasuk sebagai ulil amri, perintah ketua wajib dipatuhi dan dilaksanakan selagi bukan perintah ke arah dosa dan maksiat.

Sebagaimana hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam riwayat Abu Daud yang maksudnya:

"Dari Abdullah, dari Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sung-guhnya Baginda ber-sabda: *Seorang Muslim itu wajib taat dan men-dengar perintah ketua atau pemimpin sama ada rela atau tidak, selagi ia tidak menyuruh berbuat maksiat.*"

Ketaatan kepada raja bererti mendukung dan menyokong segala usaha-usaha pembangunan yang dirancang untuk faedah dan kebajikan bersama. Taat kepada undang-undang negara semata-mata untuk kehidupan bermasyarakat dan bernegara dalam keadaan aman damai dan harmoni, sehingga dengan keadaan seperti itu kita akan dapat melaksanakan perintah Allah Subhanahu Wataala dengan lebih sempurna.

Selaku rakyat yang beragama Islam, marilah kita hadir beramai-ramai pada petang hari Isnin 14 Julai ke masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat seluruh negara, untuk sembahyang Maghrib dan Isyak berje-

maah serta membaca tahlil sempena Majlis Kesyukuran Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kita pohonkan kepada Allah Subhanahu Wataala supaya raja kita sentiasa dilindungi dan dirahmati serta dapat memimpin rakyat dengan adil menurut petunjuk Allah Subhanahu Wataala dan semoga rakyat akan terus menikmati kesejahteraan, kerukunan dan keberkatan sepanjang hayat.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah An-Nisaa' ayat 59 yang tafsirnya:

"Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kepada Rasulullah dan kepada ulil amri (orang-orang yang berkuasa dari kalangan kamu) kemudian jika kamu berbantah-bantah berselisih dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada Kitab Allah (Al-Quran) dan Sunnah Rasul-Nya jika kamu benar beriman kepada Allah dan Hari Akhirat. Yang demikian adalah lebih baik bagimu dan lebih elok pula kesudahannya."

KETAATAN kepada raja bererti mendukung dan menyokong segala usaha-usaha pembangunan yang dirancang untuk faedah dan kebajikan bersama. Taat kepada undang-undang negara semata-mata untuk kehidupan bermasyarakat dan bernegara dalam keadaan aman damai dan harmoni, sehingga dengan keadaan seperti itu kita akan dapat melaksanakan perintah-perintah Allah Subhanahu Wataala dengan lebih sempurna.

وقت سمبھيخ، امساك، شوروق دان ضحي

وقت سمبھيخ، امساك، شوروق دان ضحي باگي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رايو، 16 جادي الاول، 1424 برسان دغن 16 جولي، 2003 هيغك كهاري ثلاث، 22 جادي الاول، 1424 برسان دغن 22 جولي، 2003 اداله سفرت دباوه اين :-

هجرة	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساك	صبح	شوروق	ضحي	مسيحي
جادي الاول									جولي
16	12.27	3.52	6.38	7.53	4.41	4.51	6.14	6.39	16
17	12.28	3.52	6.38	7.52	4.41	4.51	6.14	6.39	17
18	12.28	3.52	6.38	7.52	4.42	4.52	6.14	6.39	18
19	12.28	3.52	6.38	7.52	4.42	4.52	6.15	6.39	19
20	12.28	3.52	6.38	7.52	4.42	4.53	6.15	6.39	20
21	12.28	3.51	6.38	7.52	4.43	4.53	6.15	6.39	21
22	12.28	3.51	6.38	7.52	4.43	4.53	6.15	6.40	22

وقت سمبھيخ باگي دائره توتوغ دھيه ساتو مينيت دان دائره بلايت دھيه تيگ مينيت، سمبھيخ فرض جمعة دسلوروه نكارا بروني دارالسلام دمولاي دري فوكل 12.45 نغھاري.

VARIASI AKHLAK YANG MEMBINA KEKUATAN DAN MEROSAK PERSAUDARAAN DALAM ISLAM

BISMILLAH, WALHAMDULILLAH WASSALAMU 'ALA RASULILLAH, WA'ALAA ALIHIE WASABIHIE WAMAN WALAH.

P EMBENTUKAN dan pembinaan kekuatan tali persaudaraan sesama Islam bukan sahaja terjalin melalui hubungan darah kekeluargaan atau keturunan, akan tetapi Islam juga melihat bahawa ikatan persaudaraan itu melewati batasan tersebut dan merangkumi ikatan yang lebih global atas dasar kesatuan aqidah, di mana orang-orang Islam yang tidak ada pertalian darah kekeluargaan di antara sesama mereka masih tidak terputus hubungan persaudaraan, bahkan mereka itu tetap bersaudara kerana adanya ikatan melalui agama, iaitu agama Islam.

Al-Quran telah menyifatkan bahawa ikatan persaudaraan di kalangan sesama Islam merupakan sebahagian daripada sebesar-besar nikmat kurniaan Allah Subhanahu Wataala. Ini jelas sebagaimana terungkap melalui firman Allah Taala yang tafsirnya:

"Dan kenangkanlah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan (semasa jahiliyah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara." (Surah Ali 'Imran, ayat 103).

DALIL-DALIL YANG MENEGASKAN MENGENAI PERSAUDARAAN

Terdapat beberapa jumlah dalil yang terdiri daripada nash Al-Quran dan hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang dapat dikemukakan sebagai sandaran bagi menyokong tuntutan Islam betapa pentingnya memelihara jalinan persaudaraan dalam Islam itu, antaranya ialah:

1. Firman Allah Taala yang tafsirnya:

"Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu yang bertelingkah itu; dan bertawakal kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat." (Surah Al-Hujurat, ayat 10).

2. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"Seorang Muslim itu adalah saudara bagi seorang Muslim (yang lain) tidak boleh menganiaya dan membiarkannya dianiaya." (Hadis riwayat Al-Bukhari dan Muslim).

3. Diriwayatkan daripada An-Nu'man bin Basyeer Radiallahuanhu, beliau berkata: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Perumpamaan orang-orang yang beriman dalam saling mencintai, menyayangi dan bertolong-tolongan di kalangan mereka umpama satu jasad, apabila satu anggota jasadnya akan terasak sakit, kesakitan akan dirasakan oleh seluruh anggota (yang lain) sehinggalah tidak dapat tidur malam dan demam." (Hadis riwayat Al-Bukhari dan Muslim).

Bilangan 161 Bahagian Pertama

4. Diriwayatkan daripada Anas Radiallahuanhu daripada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, Baginda bersabda yang maksudnya:

"Tidak sempurna iman seorang daripada kamu sehingga dia mencintai terhadap saudaranya apa yang dia cintai untuk dirinya." (Hadis riwayat Al-Bukhari dan Muslim).

Keseluruhan dalil-dalil yang dikemukakan di atas memberi petunjuk dan penjelasan yang nyata bahawa setiap orang Islam itu adalah bersaudara tanpa dibatasi oleh darah keturunan, warna kulit, asal usul bangsa, bahasa dan sebagainya. Oleh itu, tidak lain dan tidak bukan pertalian itu hanyalah terjalin melalui ikatan keimanan kepada Allah Subhanahu Wataala dan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam itu pula pesuruh Allah.

CONTOH IDEAL DALAM PERSAUDARAAN ISLAM

Di zaman permulaan Islam di Madinah, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah mempersaudarakan tiap-tiap seorang dari kalangan Muhajirin (orang-orang yang berhijrah dari Makkah ke Madinah) dengan seorang yang lain dari kaum Anshar (penduduk Madinah). Ianya merupakan satu contoh yang ideal dalam suasana persaudaraan Islam. Al-Quran telah memaparkan mengenai persaudaraan ini dengan gambaran yang elok, di mana Allah Subhanahu Wataala memuji sikap orang-orang Anshar terhadap orang-orang Muhajirin sebagaimana yang digambarkan oleh ayat di atas, mereka membela dan menolong Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan saudara-saudara mereka yang berhijrah dalam keadaan kemiskinan. Orang-orang Anshar amat kasih dan tidak ada rasa benci terhadap saudara-saudara mereka yang baru datang berhijrah ke tempat mereka. Malahan mereka menaruh belas kasihan dan lebih mengutamakan saudara-saudara mereka yang baru datang sungguhpun mereka sendiri (orang-orang Anshar) berada dalam kesulitan.

taala memuji sikap orang-orang Anshar terhadap saudara-saudara mereka yang berhijrah ke Madinah. Allah Subhanahu Wataala berfirman yang tafsirnya:

"Dan orang-orang (Anshar) yang mendiami negeri (Madinah) serta beriman sebelum mereka, mengasihi orang-orang yang berhijrah ke negeri mereka, dan tidak ada pula dalam hati mereka perasaan berkecenderungan kepada apa yang telah diberikan kepada orang-orang yang berhijrah itu; dan mereka juga mengutamakan orang-orang yang berhijrah itu lebih daripada diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam keadaan kekurangan dan sangat-sangat berhajat. Dan (ingatlah!) sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka merekalah orang-orang yang berjaya." (Surah Al-Hashr, ayat 9).

Begitulah sikap orang-orang Anshar terhadap orang-orang Muhajirin sebagaimana yang digambarkan oleh ayat di atas, mereka membela dan menolong Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan saudara-saudara mereka yang berhijrah dalam keadaan kemiskinan. Orang-orang Anshar amat kasih dan tidak ada rasa benci terhadap saudara-saudara mereka yang baru datang berhijrah ke tempat mereka. Malahan mereka menaruh belas kasihan dan lebih mengutamakan saudara-saudara mereka yang baru datang sungguhpun mereka sendiri (orang-orang Anshar) berada dalam kesulitan.

Diriwayatkan di dalam

hadis yang shahih oleh Al-Imam Al-Bukhari dan Imam Muslim daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa seorang lelaki datang berjumpa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam kerana kelaparan untuk meminta makanan. Lalu Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam mengutus lelaki itu kepada isteri-isteri Baginda untuk meminta makanan. Isteri-isteri Baginda berkata: "Yang ada pada kami hanyalah air." Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

"Siapakah yang akan menjamu orang ini?" Seorang laki-laki Anshar menjawab: "Saya." Kemudian dia membawa pergi kepada isterinya, lalu berkata: "Mulaikanlah tetamu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam." Isterinya menjawab: "Yang ada pada kita hanyalah makanan anak-anakku."

Si suami berkata lagi: "Sediakanlah makanan, nyatakanlah lampu dan tidurkanlah anak-anakmu jika mereka hendak makan malam." Lalu si isteri pun menyediakan makanan, menyalakan lampu dan menidurkan anak-anaknya. Selepas itu, si isteri bangun berdiri seolah-olah dia memperbaiki lampunya dan memadamkannya. Dengan demikian kedua-dua suami isteri itu dapat meyakinkan tetamu dari seolah-olah kedua-dua mereka sudah makan. Padahal kedua-dua mereka dalam keadaan lapar.

Pada waktu paginya, mereka berdua datang berjumpa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, lalu Baginda bersabda: "Semalam Allah meredai perbuatan kamu berdua."



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail: mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

Lalu Allah Taala menurunkan ayat yang tafsirnya:

"Dan mereka juga mengutamakan orang-orang yang berhijrah itu lebih daripada diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam keadaan kekurangan dan sangat-sangat berhajat. Dan (ingatlah!) sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka merekalah orang-orang yang berjaya."

Sejarah juga telah mencatatkan betapa ketulusan dan kemurnian persaudaraan di antara mereka. Di antaranya sebagaimana yang diriwayatkan daripada Ibrahim bin Sa'd daripada bapanya yang meriwayatkan daripada dia, beliau berkata yang maksudnya:

"Ketika mereka (Muhajirin) tiba di Kota Madinah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mempersaudarakan di antara Abdurrahman (bin 'Auf) dan Sa'd bin Rabee."

(Sa'd) berkata kepada Abdurrahman: "Sesungguhnya aku adalah golongan Anshar yang terbanyak harta, maka aku membahagi hartaku dua bahagian, dan aku mem-

punyai dua isteri, lihatlah yang mana engkau lebih tertarik daripada keduanya, lalu sebutkan namanya kepadaku, maka aku akan menceraikannya. Kemudian jika sudah habis 'iddahnya maka kahwinilah dia."

Abdurrahman berkata: "Semoga Allah memberkati keluargamu dan hartamu. (akan tetapi) di manakah pasar kamu?"

Mereka menunjukkan pasar Bani Qainuqa'... (Hadis riwayat Al-Bukhari).

Sikap mendahulukan kepentingan orang lain dan kecintaan yang ditunjukkan oleh golongan Anshar terhadap saudara mereka golongan Muhajirin itu mencerminkan ketulusan dan keikhlasan mereka dalam menghubungkan dan mengukuhkan tali persaudaraan sesama Islam yang jarang terdapat dan susah ditemui pada dunia zaman sekarang. Inilah perwatakan masyarakat Islam yang dibimbing dan dibangun oleh Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam semasa di Madinah yang boleh dianggap sebagai model terbaik bagi masyarakat Islam sendiri dan masyarakat lain.

Bersambung

BILA disebut perkataan 'susah' memangnya semua orang tahu malah sedaya upaya untuk mengelaknya. Tetapi, bagaimana licih sekalipun untuk mengelaknya, 'susah' itu tetap juga mengenai kerana perkara itu sudah menjadi azali kepada semua makhluk seperti manusia, binatang, tumbuh-tumbuhan dan seumpamanya untuk tidak dapat lari darinya. Cuma, kesudahan yang dialami oleh setiap hamba Allah itu berbeza-beza dan mengikut masa, ada kalanya susah sedikit (ringan) dan ada yang berat malah ada yang terlalu berat sekali. Begitu juga halnya jangka masa mengalami susah ada yang pendek, ada juga jangka panjang bahkan berpanjangan. Bila terjadi susah kepada diri hamba Allah tentulah ia merasakan kesusahan dan himpitan kesusahan itu yang boleh pula menimbulkan perasaan yang kadangkala tidak terkawal. Bila terjadi keadaan seperti ini cepat-cepatlah mengingati pengajaran agama kita (agama Islam) bahawa itu adalah ujian dan cubaan dari Allah semata-mata, malah sebaliknya fahamilah pula bahawa dalam kesusahan tersebut ada tersimpan suatu yang berharga iaitu 'hikmah' sebagai nikmat dan hadiah yang amat berharga daripada Allah Subhanahu Wataala. Mengapakah bila kita fikirkan dan sukar difahami mengapa kesusahan boleh menjadi suatu hadiah dan nikmat sedangkan kesusahan bagi setiap hamba Allah adalah suatu bebanan dan paling tidak disukai? Persoalan ini akan terjawab menerusi maksud firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah An-Nisa' ayat 19 tafsirannya:

"Boleh jadi kamu tidak menyukai sesuatu padahal Allah menjadikan padanya kebaikan."

Biasanya salah satu di antara 'sesuatu' yang tidak disukai seperti dalam maksud firman tersebut adalah 'kesudahan' dan menurut penjelasan selanjutnya perkara ini telah ada kebaikan yang disediakan. Adalah menjadi sesuatu yang luar biasa jika perkara yang berupa 'kesudahan' tidak disukai. Keadaan ini lebih jelas apabila kita rujuk kepada maksud firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Baqarah ayat 216 tafsirannya:

"Boleh jadi kamu membenci sesuatu, padahal ia amat baik bagi kamu, dan boleh jadi pula kamu menyukai sesuatu, padahal ia amat buruk bagi kamu. Allah Maha Mengetahui sedang kamu tidak mengetahui."

Menerusi maksud kedua-dua firman ini iaitu sesuatu yang disukai itu biasanya berupa 'perkara-perkara kesudahan' dan penjelasan lanjutnya menyatakan perkara ini amat buruk kepada penerimanya. Sebagai contoh, salah satu di antara perkara amat buruk itu ialah jika penerimanya salah terima atau salah gunakan misalnya menjadi alpa kerananya.

Mengenal dengan kedua-dua perkara ini, iaitu sama ada 'kesudahan' apakah lagi 'kesudahan' untuk dapat diterima kenikmatannya dengan sempurna. Kita telah diberi petunjuk dan penjelasan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menerusi hadis Baginda yang diriwayatkan oleh Muslim yang maksudnya:

"Demikian Allah, Allah tidak menetapkan suatu qadq bagi orang mukmin melainkan itu bersyukur, maka itu merupakan

Dalam kesusahan ada hikmah

من جوك ريسان الله
Menuju Keredaan Allah
كلوان قوسه اسلاميه

kebaikan baginya, dan jika ditimpa penderitaan, dia bersabar, maka itu merupakan kebaikan baginya."

Dengan memahami maksud firman-firman dan hadis tersebut dapatlah menjadi pertahanan yang kukuh kepada kita kerana terutamanya dalam hal kesusahan yang dialami oleh setiap hamba Allah memang bermacam-macam dan dalam hal ini terulanglah kepada takdir Allah Subhanahu Wataala menentukan-Nya. Bagaimanapun untuk menerima takdir daripada-Nya yang berupa 'kesudahan' memang sukar untuk diterima, difahami dan apatah lagi untuk disyukuri oleh sebahagian hamba Allah yang kurang mengerti untuk apa Allah Subhanahu Wataala mendatangkan penderitaan dan musibah tersebut. Padahal apabila keadaan ini diterima dengan penuh kesabaran dan ketawaan kepada-Nya, gambaran dan hikmah yang besar daripada-Nya akan diperolehi seperti maksud firman-Nya yang diuraikan dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Al-Hakim yang berbunyi: Berkata Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa-Nya Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda: Allah telah berfirman: "Apabila aku memin-pakan bala ke atas hamba-Ku yang mukmin lalu ia bersabar (atas penderitaan itu), tidak ia mengadu atau mengeluh kepada pengikut-pengikutnya, nescaya akan aku lepaskan dia dari tahannuk (penderitaan itu). Kemudian akan aku tukarkan dagangnya dengan daging yang lebih baik, dan darahnya dengan darah yang lebih baik, sehingga ia dapat bekerja semula (yakni: setelah semua dosa dan kesalahannya yang lalu Tuhan ampunkan semuanya)."

Memang pada hakikatnya setiap hamba Allah menginginkan hidup berpanjangan di dunia tanpa sebarang kesusahan. Dari sebab itu naluri yang ada pada diri seseorang tidak tahan menen-

rima sesuatu yang menyusahkan biasa saja akan merungut malah tidak kurang yang bertindak lebih dari itu yang menyebabkan kurang pertimbangan dalam segala hal. Kadangkala terbit salah sangka yang bukan-bukan terhadap kurniaan Allah sehingga memikirkan yang tidak patut seperti menyangka bahawa Allah Subhanahu Wataala hendak menyusahkan dan memberi nasib yang buruk kepada hamba-Nya, sedangkan hamba Allah sendiri tidak tahu hikmah di sebalik kurniaan-Nya, dan tidak dapat menjangkau dengan fikiran, perasaan dan tidak mendalam tujuan hakikat yang sebenarnya yang tersirat di dalamnya. Sesungguhnya setiap hamba Allah bersifat serba kekurangan, maknanya dari hakikat inilah setiap hamba Allah itu harus pula mencari jalan memperlempangkan diri dengan ilmu pengetahuan, khususnya dalam bidang pengetahuan agama Islam agar setiap kurniaan Allah tidak disalahertikan.

Susah dan senang memang menjadi asam garam kehidupan setiap hamba Allah. Biasanya bila menyebut saja mengenai kesusahan, tentu sekali dibayangkan perkara yang bukan-bukan terjadi yang boleh membawa nasib buruk. Tanggapan serupa ini adalah salah sebab dari perkara yang besar hingga membawa kepada kejadian yang kecil pun sudah dikira kesusahan yang ada hikmahnya; umpamanya seorang yang turun dari tangga lalu terjatuh dan luka sedikit di kakinya tentu saja mengeluh kesakitan. Kejadian yang menimpa sedemikian ini adalah sebagai ujian yang ada hikmahnya menyuruh supaya berhati-hati dalam perbuatan. Apatah lagi dalam hal yang besar misal gagal dalam mengejar cita-cita dalam peperiksaan, pekerjaan dan seumpamanya mengandungi hikmah yang tertentu. Pendek kata apa jua terjadi haruslah jangan menimbulkan prasangka yang tidak baik, bahkan ada baiknya banyak-banyak bersyukur atas kurniaan Allah Subhanahu Wataala kerana setiap yang terjadi boleh menginsafkan kita dari kelalaian, kecuai dan mungkin saja balasan dari dosa yang terlanjur dilakukan sama ada secara sengaja mahupun

sebaliknya.

Penyakit adalah antara ujian yang besar dalam kehidupan yang penuh dengan hikmah. Sesungguhnya barangsiapa yang sabar dan tidak putus asa berusaha akan menerima balasan yang baik sama ada di dunia mahupun di akhirat. Malahan hasil dari kesembuhan dari sebarang penyakit akan dapat menolong dan mengajar seseorang hamba Allah untuk lebih hati-hati dalam menjaga kesihatan. Selain itu dengan hati yang tabah, sabar, berusaha dan bertawakal akan melatih diri kita mensyukuri kurniaan Allah di samping menambah ketawaan kepada-Nya. Dan dengan menaruh harapan sepenuhnya, Allah akan memberi rahmat dan kesembuhan yang di luar dugaan kita, insya-Allah. Dari itu, wajilah kita berikhtiar untuk menyembuhkan penyakit dengan jalan mencari ubatnya supaya kesihatan rohani dan jasmani dapat dipulihkan dengan segera. Tuntutan ini merupakan saranan yang baik dan memberi hikmah yang disarankan sebagaimana hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh At-Tirmizi yang bermaksud:

"Berubatalah kamu, sesungguhnya Allah Subhanahu Wataala tidak mendatangkan penyakit kecuali mendatangkan juga ubatnya selain dari satu penyakit yang tidak ada ubatnya iaitu mati."

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadisnya yang diriwayatkan oleh An-Nasaie bermaksud:

"Sesungguhnya Allah tidak menurunkan penyakit melainkan menurunkan pula ubatnya. Maka berubatalah."

Jelas hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tersebut memberi iktibar kepada setiap hamba Allah supaya tekun dan tidak jemu-jemu berusaha gigih ke arah kesembuhan penyakit yang mengandungi hikmah yang tersembunyi. Menerusi kenyataan-kenyataan yang terpapar di atas amat nyata setiap sesuatu yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wataala itu telah disertakan dengan hikmah (nikmat-Nya).



YANG Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi berangkat di Majlis Makan Tengah Hari yang diberikan oleh Pengarah Urusan Jebel Ali Free Zone Authority, Dubai untuk para peserta Forum Asia-Inc. - Gambar oleh Abdullah HAD.

Pengusaha harus teroka ke peringkat serantau, global

Oleh
Samle HJ

Bagi Brunei Darussalam di sini, pagi tadi.

Katanya, perkembangan industri di Brunei adalah melalui kelompok dan jika kita melaksanakan projek-projek khusus untuk domestik itu saja akan membuat kita selama-lamanya dalam peringkat domestik.

Sehubungan dengan itu, kita juga harus bersiap bahawa apa pun yang harus kita buat mestilah berdaya saing dan perlu menumpukan bagi menghadapi cabaran-cabaran yang dihadapi melalui proses globalisasi.

Beliau menjelaskan, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah mengambil langkah yang bersesuaian, antaranya telah meluluskan akta untuk mendukung dan meningkatkan daya saing perusahaan di Negara Brunei Darussalam dengan memberi beberapa intensif dan bantuan-bantuan kewangan.

"Langkah itu adalah bagi memastikan perusahaan-perusahaan di negara ini dapat dibesarkan, dikembangkan dan mereka ini berupaya menghasilkan produk dan berdaya saing sehingga akhirnya akan dapat mencerminkan sesuatu imej yang baik bagi negara untuk berkembang dan menembusi pasaran yang lebih luas di luar daripada negara," ujarnya.

Beliau menerangkan sebagai satu komuniti dalam ASEAN, Negara Brunei Darussalam perlu sama-sama merebut peluang dari kira-kira 500 juta pasaran dalam rantau ini menyediakan pelbagai peluang yang besar.

"Jadi fokus kita bukan saja kepada domestik tetapi mengaut hasil kepada 'regional' dan kerajaan menerusi Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama terus menumpukan bagi melahirkan usahawan yang berdaya saing dan bagi memastikan mampu untuk berdaya saing," ujarnya.

Beliau yakin jika strategi itu dapat dilaksanakan, industri tempatan di negara ini akan terus meningkat kepada satu tahap di mana kita boleh bermain di satu padang dengan negara-negara lain dan bersaing.

Sementara itu, KPSSU telah mengenal pasti kaedah untuk menyusun langkah bagi memastikan projek tumpuan itu berjalan dengan baik seperti menyediakan latihan untuk meningkatkan pengetahuan, menyediakan konsep inkubator akan diserapkan menerusi 'in-house training'.

Bagi memastikan penghasilan produk yang bermutu kerajaan sudah memperuntukkan \$100 juta dalam RKN Ke-8 untuk per-

kembangan berkenaan.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Arkitek Idris, Awang Haji Idris bin Haji Abas pula berharap menerusi forum itu akan membuka minda dan langkah bagi menyusun strategi untuk mengimplemenasikan pelbagai rancangan bagi kemajuan industri sekali gus menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara.

Katanya, keterlibatan sektor korporat yang besar dalam pelbagai projek mega kerajaan boleh membantu sektor perusahaan kecil dan sederhana untuk meningkatkan hasil.

"Sebagai contoh, kerajaan telah menyediakan \$1 bilion bagi menyediakan perumahan dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 bagi kira-kira 6,000 rumah dan di sana juga terdapat peluang-peluang kepada perusahaan SME untuk terlibat sama dalam pelbagai cara seperti menjadi rakan kongsi," katanya.

Ekonomi Brunei yang masih bergantung pada sumber pendapatan minyak dan gas masih tidak dapat menyelesaikan masalah pengangguran yang pada masa ini dianggarkan di sekitar lima peratus.

Pengerusi Eksekutif Asia-Inc., Awang Timothy Ong pula menjelaskan Brunei berhadapan dengan cabaran dan ekonomi yang memerlukan suatu peralihan bagi mempunyai asas lebih kukuh dan dapat menyediakan peluang lebih besar, bukan dari segi perniagaan tetapi bagi anak tempatan mencari pekerjaan.

Melihat senario di negara ini, Awang Timothy menjelaskan cabaran yang dihadapi Brunei pada masa ini ialah jurang persaingan iaitu daya saing tinggi sebagai sebuah negara yang kaya berbanding sebagai sebuah ekonomi yang mempunyai daya saing rendah.

Cabaran kedua ialah jurang pelaksanaan yang merujuk kepada pelaksanaan rancangan dan aspirasi yang tinggi berbanding dengan keupayaan untuk melaksanakan rancangan, sementara cabaran ketiga ialah jurang pengangguran yang semakin meruncing antara harapan remaja tempatan untuk mendapatkan pekerjaan berbanding peluang pekerjaan sebenar yang menanti mereka.

Beliau juga menjelaskan cabaran jurang yang wujud antara keperluan untuk mendapatkan pelaburan asing yang dapat menggerakkan sektor swasta dan keupayaan negara memenuhi hasrat supaya pelabur asing melabur di negara ini.

Beliau menjelaskan adalah penting bagi agensi pembangunan dan pertumbuhan ekonomi bekerja lebih keras dalam memastikan hasrat tersebut tercapai kerana kegagalan menarik pelaburan asing akan menjejaskan lagi jurang yang sedia ada.

Delegasi Persidangan Forum Asia-Inc diraikan

JERUDONG, 2 Julai. - Para peserta dan delegasi Persidangan Forum Asia Inc. Peluang-peluang Ekonomi Bagi Negara Brunei Darussalam telah diraikan dalam Majlis Jamuan Makan Tengah Hari yang diberikan oleh Pengarah Urusan Jebel Ali Free Zone Authority, Dubai berlangsung di Empire Hotel and Country Club di sini.

Oleh
Aliddin HM

Berangkat ke majlis itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi.

Juga hadir Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria.

Persidangan itu antara lain membincangkan peluang-peluang untuk meningkatkan lagi ekonomi Negara Brunei Darussalam di samping mewujudkan keperluan untuk mendapatkan pelaburan asing yang dapat menggerakkan sektor swasta dan keupayaan negara memenuhi hasrat supaya pelabur asing melabur di negara ini.



SEKTOR korporat boleh bantu SME tempatan dalam projek besar negara, jelas Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Arkitek Idris, Awang Haji Idris. - Gambar oleh Abdullah HAD.



PERUSAHAAN Brunei perlu memajukan perniagaan ke peringkat global, jelas Pengarah Bahagian Kemajuan Keusahawanan dan Promosi KPSSU, Awang Haji Abdul Rahman. - Gambar oleh Abdullah HAD.

Pengangguran mencapai 5.6 peratus

JERUDONG, 2 Julai. - Masalah pengangguran yang mencapai 5.6 peratus di negara ini jika tidak ditangani dengan bijak dan cepat mungkin akan menjadi masalah yang besar kepada kerajaan walaupun bukan di paras buruk.

Setiap tahun hampir 5,000 orang memerlukan pekerjaan terdiri dari lepasan universiti dalam dan luar negeri, lepasan institut, maktab teknik dan lepasan sekolah dari tingkatan enam, lima malahan ada yang dari tingkatan tiga.

Terdapat beberapa sebab mengapa terjadinya pengangguran di negara ini, salah satunya ialah tidak kesesuaian satu-satu jenis kerja yang ditawarkan kepada si pencari, sistem pensaraan, koluluan yang tidak sesuai dengan kerja yang ditawarkan dan banyaknya permohonan sedangkan kekosongan hanya satu atau dua orang saja.

Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam meluahkan pandangannya ketika membincangkan tajuk 'Tackling Unemployment Effectively' sempena Fo-

Oleh
Abdullah Agar

rum Peluang-peluang Ekonomi Bagi Brunei Darussalam yang diadakan petang tadi di Empire Hotel and Country Club di sini.

Menurutnya, sesetengah yang lulus dalam pelbagai bidang juga sukar mendapat kerja di sektor awam mahupun swasta bukannya kerana tiada kekosongan tetapi sering terjadi kelulusan yang tidak sesuai untuk mengisi jawatan yang ada.

Katanya, pernah terdapat beberapa kes melibatkan lepasan kejuruteraan dan pengurusan pelancongan yang gagal mendapatkan pekerjaan dan akhirnya terpaksa menjadi guru bagi mereka yang boleh ditawarkan sebagai seorang guru dengan memberikan kursus tertentu.

Jelasnya, dengan meneliti beberapa perkara banyak pihak perlu memikirkan sesuatu bagaimana mengisikan mereka itu ke dalam industri pekerjaan baik di sektor awam mahupun swasta atau perlukah

mereka mencari peluang mendapatkan pekerjaan di luar negeri atau kerajaan perlu mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang lebih terbuka di tengah-tengah keadaan sekarang.

Seterusnya, Pengiran Datin Paduka menyeru kepada pihak-pihak yang bersangkutan untuk sama-sama turun tangan dalam mengatasi masalah pengangguran di negara ini, memandang tahun-tahun akan

datang jumlah lepasan universiti dalam dan luar negeri akan terus bertambah.

Maka katanya, pihak-pihak tertentu harus segera bertindak dalam menangani perkara tersebut kerana dikhuatirkan perkara kecil akan menjadi besar atau sukar untuk diatasi.

Forum dua hari itu melibatkan hampir 300 peserta dari dalam dan luar negara yang diundang besar mendengar peluang-peluang

ekonomi yang ada di negara ini.

Selain itu pelbagai pihak termasuk pegawai-pegawai kerajaan, swasta dan pembentag kertas kerja luar negara juga telah diundang memberikan pelbagai pandangan dan cadangan yang boleh diguna pakai dalam banyak hal.

Persidangan itu dianjurkan oleh Forum Asia-Inc, yang beribu pejabat di Republik Singapura.



SEORANG ahli panel ketika memberi penjelasan dalam Forum 'Economic Opportunities For Brunei Darussalam.'

MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

Peluang rakyat beramah mesra

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Amalkan Budaya Bersopan Santun Dalam Kehidupan Bermasyarakat'. Tarikh tutup 17 Julai 2003.
2. 'Kebersihan Sebahagian Daripada Iman'. Tarikh tutup 24 Julai 2003.
3. 'Terapkan Budaya Membaca'. Tarikh tutup 31 Julai 2003.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,

Minda Pembaca,

Unit Pelita Brunei,

Jabatan Penerangan,

Lapangan Terbang Lama, Berakas,

Bandar Seri Begawan, BB 3510,

Negara Brunei Darussalam.

<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm>

email: pelita@brunet.bn

PERPADUAN merupakan komponen yang amat penting dan perlu ada dalam sesebuah kelompok masyarakat. Pelbagai cara dan aktiviti dapat dilaksanakan bagi mewujudkan perpaduan yang dengannya dapat menjana suasana keamanan, keselamatan dan kesejahteraan. Begitulah dengan Majlis Bersama Rakyat yang diadakan sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang dapat mengeratkan perpaduan yang sangat tinggi dan perlu dikekalkan.

Sebagai antara acara tahunan yang sering mengambil tempat, Majlis Bersama Rakyat melibatkan seorang pemimpin negara dan seorang raja untuk turut beramah mesra dengan rakyatnya yang dikasihi. Selain daripada itu ianya juga turut diserikan dengan pelbagai aktiviti dan persembahan untuk

menambah suasana kemegahan, kemeriahan, keharmonian serta penuh gilang-gemilang. Sebagai acara kemuncak bagi setiap daerah, persiapan-persiapan awal sudah tentunya telah dirancang dengan begitu rapi, semua yang terlibat untuk menyumbang dan mengambil bahagian masing-masing. Ianya dapat mewujudkan semangat bersatu padu, bekerjasama dan bertanggungjawab untuk dapat mempersembahkan acara dan aktiviti yang terbaik untuk raja yang dikasihi.

Melalui Majlis Bersama Rakyat yang semanginya mendapat liputan media yang meluas, peluang beramah mesra dan menatap wajah Kebawah Duli Yang Maha Mulia secara dekat akan menjadi semacam peluang keemasan yang tidak boleh ditinggalkan. Perpaduan dalam konteks ini melalui keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bercemar duli akan dapat terus diwujudkan dan ditingkatkan melalui hubungan akrab di antara rakyat dan pemimpin. Me-

nyedari hakikat ini, usaha-usaha kemajuan dan pembangunan negara dapat diketahui dan dirancang dengan lebih tepat mengikut keperluan dan kepentingan rakyat dan negara.

Dengan penglibatan dan sikap pemedulian Kebawah Duli Yang Maha Mulia sendiri untuk bercemar duli melalui Majlis Bersama Rakyat atau lain-lain aktiviti seperti lawatan-lawatan rasmi akan menjadi langkah terbaik untuk mewujudkan kesedaran dalam sama-sama memikul tanggungjawab memaju dan meningkatkan imej masyarakat, agama, bangsa dan negara. Peluang bersama rakyat juga memperlihatkan betapa baginda ingin melihat kesejahteraan rakyat, selain nikmat kemakmuran, keamanan dan kemajuan dapat dikecapi bersama. Peluang-peluang berinteraksi secara langsung akan menambahkan lagi rasa berbesar hati, taat dan semangat bersatu padu di kalangan rakyat dan penduduk di negara ini.

Majlis Bersama Rakyat juga menampilkan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk melibatkan diri dalam seluruh aspek kehidupan rakyat selain untuk dapat mengetahui segala masalah dan keperluan kemajuan dan pembangunan bagi sebuah negara dan raja yang dikasihi. Peranan sektor perkhidmatan awam dan swasta juga dapat diperlihatkan untuk mempertingkatkan perpaduan melalui penglibatan dalam usaha-usaha kemajuan sosial, ekonomi dan bentuk perancangan yang perlu dilaksanakan. Melalui Majlis Bersama Rakyat, usaha-usaha menonjolkan kebudayaan sebuah masyarakat dan bangsa dipertunjukkan. Selain itu, usaha menjalin hubungan yang lebih luas dan akrab dapat dibuat sesama ahli masyarakat melibatkan warga kota dan desa untuk sama-sama mengambil bahagian. Usaha-usaha yang bersepadu dalam memberi idea-idea baru, kreatif dan menarik atau pelaksanaan aktiviti akan mencerminkan budaya sebuah masyarakat.

rakat, bangsa yang bersatu padu dan maju.

Penglibatan semua pihak untuk menjayakan apa juga bentuk aktiviti seperti Majlis Bersama Rakyat adalah sumbangan terbaik yang dapat dijadikan ristan dan asas menunjukkan tanda kasih sayang dan ketataan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia selain kesempatan beramah mesra secara langsung bersama baginda. Perpaduan dan hubungan yang baik antara pemimpin dan rakyat yang ditunjukkan akan seterusnya dapat dikekalkan untuk melihat kesinambungan kemakmuran, keamanan dan kesejahteraan hidup di bawah kebijaksanaan dan keadilan kepimpinan baginda, seterusnya bagi kemajuan Negara Brunei Darussalam di peringkat nasional mahupun antarabangsa.

Abdul Wahab bin Haji Abdullah,
No. 21G, Kampong
Brung Pingai Ayer,
BM 1126.
No. k/p: 00-058132

Rakyat perlu bersyukur

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan bukan sahaja seorang raja yang adil lagi saksama malahan juga seorang raja yang bertanggungjawab dan bersikap pemedulian memerintah negeri. Di sinilah terjerusnya perpaduan yang erat bersama rakyat yang sentiasa taat setia.

Baginda adalah sultan yang sangat dikasihi oleh rakyat dan penduduk di negara ini. Baginda sentiasa meluahkan masa untuk membuat hubungan muhibah bersama rakyat dan penduduk yang baginda kasihi. Baginda sering membuat lawatan ke mukim dan kampung-kampung bersama rakyat apatah lagi sempena hari keputeraan baginda. Ini bertujuan untuk memastikan kesejahteraan, sambil beramah mesra bersama rakyat dan penduduk di samping mengeratkan lagi hubungan muhibah dan perasaan kasih sayang. Selain daripada itu, baginda juga dapat melihat perkembangan dan kemajuan yang telah dibuat oleh kerajaan baginda sambil mengetahui permasalahan yang dihadapi oleh rakyat dan penduduk di negara ini.

Sebagai seorang raja yang beragama Islam, baginda amat mengambil berat mengenai perkembangan syair Islam. Baginda turut hadir bersama rakyat di dalam mendirikan sembahyang Jumaat, Hari Raya Aidilfitri dan Aidiladha serta hari-hari perayaan yang lain secara berjemaah.

Kita sebagai rakyat dan penduduk di negara ini haruslah merasa bersyukur dan beruntung kerana telah dikurniakan seorang raja dan pemimpin yang benar-benar berjiwa rakyat. Kasih sayang dan pemedulian baginda semakin terserlah apabila baginda turut mengurniakan kunci-kunci rumah kediaman melalui Rancangan Perumahan Negara dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati sekali gus mengenakan bayaran yang cukup menepati pendapatan setiap penduduk di negara ini. Pengurniaan sebegini bukan sahaja mengembirakan penghuninya malahan turut merasakan kesenangan dan kesejahteraan yang dihasratkan oleh baginda dan kerajaan baginda.

Dari sinilah hubungan baginda semakin bertambah erat di mana keharmonian dan perpaduan itu semakin terserlah mana yang diimpikan selama ini, kita yakin dengan kepimpinan bijaksana baginda Negara Brunei Darussalam akan terus bertambah maju.

Norazlina binti Asmalee,
No. 114, Simpang 359-20,
Jalan Kecil Kampong Sungai Bakong, KC 2935.
No. k/p: 00-292873

Bersama Rakyat tingkatan perpaduan dan kerjasama

TRADISI Ramah Mesra Bersama Rakyat merupakan acara kemuncak pada setiap tahun sempena Sambutan Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Majlis ini adalah suatu yang sangat ditunggu-tunggu oleh segenap lapisan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam. Secara realitinya, Majlis Bersama Rakyat suatu wadah antara pemimpin dengan yang dipimpin.

Sesungguhnya, acara berkenaan yang diadakan di keempat-empat daerah memberi peluang segenap lapisan rakyat untuk sama-sama memeriahkan lagi sambutan perayaan hari keputeraan raja yang amat dikasihi, di samping bertujuan untuk meneguhkan dan memantapkan lagi rasa taat setia yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis baginda. Yang jelas dan penting, pancaran acara ini juga akan terus memantapkan dan meningkatkan perpaduan dan kerjasama di kalangan rakyat jelata, di samping dapat mempertahankan-

kan konsep bergotong-royong dan memuncak-mucang di kalangan masyarakat pelbagai kaum.

Acara yang diunkayahkan dan dijalankan lebih mirip ke arah perpaduan yang sejati, di mana semua pihak agensi-agensi kerajaan, pihak swasta, NGO, persatuan-persatuan belia, para penduduk mukim dan kampung, institusi-institusi pendidikan termasuk kanak-kanak sekolah berpadu tenaga bagi menghasilkan sesuatu persembahan yang menarik. Acara besar seperti ini lebih mengutamakan semangat bergotong-royong dan memuncak-mucang untuk melancarkan dan melicinkan bagi setiap agenda yang disusun. Yang jelas majlis seumpama itu telah dapat membentuk kesatuan yang kukuh dan padu. Dalam erti kata yang lain, tanpa adanya penglibatan dan sokongan semua pihak yang terlibat, sudah barang tentu acara besar seumpama itu tidak dapat dilaksanakan dengan jayanya. Itulah manisnya semangat perpaduan yang masih kekal dan tebal bertapak dan bersamburi di kalangan rakyat dan penduduk negara ini sejak zaman-berzaman.

Majlis Bersama rakyat akan meninggalkan seribu kenangan manis yang tetap akan menjadi ristan dan bahan sejarah negara di masa mendatang. Rakyat dari semua golongan dan peringkat dari dewasa membawa kepada kanak-kanak berpeluang menjunjung ziarah, beramah mesra dengan berinteraksi secara bersemuka bersama baginda. Bahkan yang menariknya rakyat tidak melepaskan peluang untuk merakamkan gambar-gambar bersama seorang raja yang berjiwa rakyat dan amat dikasihi dan dinanti-nanti kerana ianya berlaku dalam setahun hanya sekali iaitu semasa musim perayaan hari keputeraan baginda yang banyak memberikan ruang dan peluang kepada rakyat untuk menatap wajah baginda yang menjadi kesayangan rakyat jelata. Sebagai rakyat, kita janganlah melepaskan peluang ini untuk menghadirkan diri bagi bersama-sama memeriahkan lagi suasana perayaan.

Bagi baginda sendiri, majlis tersebut memberi peluang dan kesempatan yang bermakna kepada baginda untuk bersemuka dan beramah mesra bersama rakyat

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Bersama Rakyat Eratkan Perpaduan'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

yang baginda kasihi. Di samping itu baginda dapat berinteraksi, sambil berpeluang melihat secara dekat aktiviti-aktiviti harian yang dipersembahkan oleh para penduduk yang sententunya memberikan gambaran yang jelas kehidupan rakyat baginda. Inilah sebenarnya intipati dapat dirasakan melalui Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat. Tidak syak lagi baginda adalah seorang raja yang sentiasa pengasih dan penyayang kepada rakyatnya, dapat disifatkan 'Raja Berdaulat Negara Sejahtera'.

Sememangnya acara yang indah permai itu merupakan satu-satunya manifestasi negara yang dapat mewujudkan dan mengeratkan lagi institusi raja dan rakyat yang sekian lama

bersemi di bumi bertuah ini. Melalui majlis itu, segenap lapisan rakyat dan penduduk yang bernaung di bawah payung baginda dapat membuktikan semangat bersatu padu dan bekerjasama serta menumpukan taat setia kepada raja dan pemimpin yang banyak membawa kecemerlangan dan kegemilangan kepada bumi darussalam ini. Selain itu keberangkatan baginda bercemar duli di keempat-empat daerah menunjukkan kepada kita betapa kasih dan sayangnya baginda kepada rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam.

Muhammad Noor Firdaus bin Haji Jaafar,
Sekolah Menengah Berakas.
No. k/p : 00-303101

REMAJA

MENGASIHI RAJA

OLEH H. A. MANAP

SEMALAM 15 Julai genaplah usia 57 tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Sepanjang pemerintahan baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia tidak pernah kendur-kendurnya dalam memeduli hal-ehwal rakyat dalam semua aspek. Dan perkara ini tidak terkecuali golongan belia remaja yang sering menjadi perhatian khusus baginda. Tidak siapa yang dapat menafikan pelbagai kemudahan telah disediakan bagi memastikan bahawa pembinaan belia remaja di negara ini, adalah dipeduli dan diberikan kemudahan tertentu untuk membolehkan mereka berkembang maju.

Kemudahan-kemudahan pendidikan tinggi, vokasional, pusat riadah, perkembangan ilmu dan bermacam lagi sudah diusahakan dan dilaksanakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Selain dari itu pembinaan kerohanian dan pembinaan akhlak yang mulia dan luhur terus dipertingkatkan dengan pelbagai pendekatan. Hampir kesemua sektor kerajaan dan bukan kerajaan berperanan dalam melaksanakan hasrat dan aspirasi baginda untuk mewujudkan generasi belia remaja yang berguna dan berpengalaman tinggi.

Hasrat baginda juga ingin melihat bahawa generasi belia remaja yang ada di negara ini merupakan kelompok masyarakat yang mampu bersaing dan tahan uji. Meskipun pada waktu yang sama kita menghadapi fenomena sosial mengenai belia remaja, akan tetapi di atas kebijaksanaan baginda, sekurang-kurangnya kita mampu untuk menangkis segala ancaman dan

pencerobohan yang ingin mewujudkan suatu keadaan di mana belia remaja kita berada di dalam keadaan yang tidak produktif dan lesu. Kita amat beruntung dengan kebijaksanaan dan pemeduliaan baginda kita dapat menikmati pelbagai kemudahan dan mampu untuk menangkis segala ancaman serta pengaruh yang akan boleh merosakkan dan mengubah corak dan kelompok masyarakat belia remaja kita.

Sekarang adalah menjadi tanggungjawab kita sebagai belia remaja pula, untuk berperanan dalam sama-sama menandai dan mempergunakan segala kemudahan yang disediakan. Umpamanya kita perlu menghargai dan mempergunakan peluang pendidikan ke tahap yang kita mampu untuk mencapainya, kita perlu menjaga dan mengawal keharmonian dan kesejahteraan hidup bermasyarakat, kita perlu bergerak aktif dan maju untuk membantu pertumbuhan dan perkembangan ekonomi dan kita perlu lebih bertanggungjawab untuk menjaga dan mengawal segala bentuk kemudahan awam yang disediakan oleh pihak kerajaan dengan sebaiknya. Yang pa-

ling penting sebagai belia remaja kita hendaklah sentiasa peka supaya tidak akan mudah dipengaruhi oleh gejala-gejala negatif yang boleh merosakkan kehidupan belia remaja, masyarakat dan negara.

Kalau ini boleh kita tunaikan, peranan dan tanggungjawab dapat dilaksanakan tentulah ianya akan berbaloi dengan apa yang telah disediakan dan diberikan kepada kita sebagai anggota masyarakat belia dan remaja. Kita patut bersyukur melalui keprihatinan dan pemeduliaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, kita dapat menikmati kemudahan-kemudahan yang tidak dapat dinikmati oleh orang lain. Tidak lain yang kita kasihi, melainkan untuk melihat generasi belia remaja di negara kita akan dapat hidup dalam keadaan yang sempurna dengan kemudahan-kemudahan yang disediakan. Oleh kerana jumlah peratus golongan belia remaja di negara kita merupakan jumlah terbesar penduduknya, maka adalah penting untuk mewujudkan generasi belia yang sihat, sejahtera dan produktif yang akan dapat membantu mewujudkan corak kepemimpinan negara yang lebih dinamik dan produktif.

Selalu dilau-laungkan bahawa generasi belia remaja itu merupakan pewaris kepemimpinan negara di masa hadapan. Jika keadaan generasi belia di dalam sesebuah negara sihat, sejahtera, aktif, dinamik, teguh keimanan dan ketakwaannya dan berpelajaran tinggi sudah pasti akan menghasilkan satu barisan kepemimpinan yang akan dapat meneruskan kesinambungan untuk memimpin negara ke arah yang lebih cemerlang.

Jika sebaliknya yang terhasil, seperti wujud masalah belia remaja dengan isu-isu sosial yang berat sudah tentu akan menghasilkan beban dan kemungkinan juga akan melibatkan sejumlah perbelanjaan besar untuk menangani pelbagai perkara yang menyangkut isu-isu tersebut. Ke arah itu marilah kita sama-sama berganding bahu menggerakkan usaha agar aspirasi raja dan pemimpin negara yang kita kasihi yang ingin melihat generasi belia remaja yang dinamik dan proaktif di negara kita Brunei Darussalam ini akan tercapai dan terlaksana dengan cemerlangnya.

Sebagai anggota masyarakat dan rakyat di negara ini, marilah kita menadahkan tangan ke hadrat Allah untuk mendoakan kesejahteraan yang berterusan dan semoga Allah akan terus menolong kepada Raja yang kita kasihi dalam memimpin negara ini membawanya ke arah yang lebih cemerlang. Semoga Allah akan terus mengurniakan ketakwaannya yang mantap kepada baginda untuk meneruskan dan meningkatkan kecemerlangan syiar agama Islam di negara kita ini. Marilah kita bersama-sama setiap selesai salat untuk mendoakan kesejahteraan baginda dan kaum kerabat baginda secara berterusan. Semoga kita semua akan terus disirami rahmat dan kebahagiaan hidup di negara kita ini ... Amiin...

DAULAT KEBAWAH DULI TUAN PATIK

Peserta disaran kongsi pengetahuan

KIARONG, 3 Julai. - Peserta Kursus Tasawwur Islam diingatkan supaya mempraktikkan pengetahuan yang diperolehi serta mengongsikan pengetahuan mereka kepada orang lain seperti keluarga dan kawan-kawan.

Selain memperoleh ilmu dan menambah pengetahuan para peserta

Oleh
Abu Bakar HAR

yang mengikuti kursus ini juga mendapat manfaat terutama dalam menjalani kehidupan seharian terutama dalam melakukan kewajipan berumah tangga, zakat dan ibadah sembahyang.

Peringatan tersebut dibuat oleh Pemangku Penolong Pengarah Hal Ehwal Syariah, Dayang Hajah Noor di Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil kepada peserta yang mengikuti Kursus Tasawwur Islam di Jame' 'Asr Hassani Bolkiah di sini.

Program selama tiga hari yang berbentuk ceramah ini disertai oleh

hampir 40 orang dari pelbagai jabatan dan persatuan awam bertujuan untuk memberikan kefahaman berkeluarga menurut perspektif Islam kepada orang ramai serta memberikan penerangan cara penyelesaian krisis rumah tangga kepada orang awam.

Kursus yang menyalurkan aktiviti dan program yang berkaitan dengan hal-ehwal zakat kepada masyarakat Islam melalui masjid seterusnya akan dilaratkan ke masjid-masjid, surau dan balai-balai ibadat di negara ini.



PEMANGKU Penolong Pengarah Hal Ehwal Syariah, Dayang Hajah Noor menyampaikan sijil kepada seorang peserta Kursus Tasawwur Islam. - Gambar oleh Masri Osman.



PENGERUSI Pusat Ehsan, Pengiran Datin Hajah Noraini memberikan penerangan ringkas mengenai kegiatan yang dijalankan oleh penghuni pusat tersebut. - Gambar oleh Masri Osman.

Pusat Ehsan terima sumbangan

BENGKURONG, 4 Julai. - Pusat Ehsan hari ini menerima sumbangan derma berjumlah \$500.20 daripada Persatuan Angkatan Belia Burong Pingai Berakas (PERANGKAB).

Sumbangan derma disampaikan oleh ketua rombongan Persatuan PERANGKAB yang juga Ketua Kampong Burong Pingai Berakas, Awang

Oleh
Haji Ahmad HS

Haji Alimi bin Haji Mohd. Yusof kepada Pengerusi Pusat Ehsan, Pengiran Datin Hajah Noraini ketika mengadakan lawatan ke pusat berkenaan.

Selain sumbangan hasil kutipan daripada jogaton bertaja yang dikendalikan

oleh Persatuan PERANGKAB yang baru lalu. PERANGKAB juga menyumbangkan minuman kotak dan kuih kepada pusat tersebut.

Rombongan seramai 50 orang itu telah dibawa melawat ke kelas-kelas yang terdapat di pusat itu antaranya kelas pesakit jiwa, pembuatan keramik, pembuatan kad dan manik

dan pemeliharaan tanaman orkid.

Setakat ini Pusat Ehsan mempunyai 80 orang murid yang kurang upaya mengikuti program di pusat berkenaan setiap Isnin hingga Jumaat dengan 25 orang kakitangan dan 11 orang sukarelawan.

Pusat Ehsan telah dirasmikan bulan Oktober tahun 2000.

DATANGLAH BERAMAI-RAMAI KE MA

Bersama Rakyat Dan Penduduk Daerah Tutong

Majlis Ramah Mesra

Kawasan Dewan Kemasyarakatan, Tutong
17 Jamadilawal 1424 bersamaan 17 Julai 2003



DISTRIBUSI OLEH JABATAN PERKAWANAN, JABATAN PERKHIDMATAN MENTERI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Bersama Rakyat Dan Penduduk Daerah Belait

Persembahan Perarakan Warna-Warni Rakyat Mesra Riang Ria

Taman Jubli Perak, Kuala Belait
19 Jamadilawal 1424 bersamaan 19 Julai 2003



DISTRIBUSI OLEH JABATAN PERKAWANAN, JABATAN PERKHIDMATAN MENTERI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



**JABATAN
KEMAJUAN PERUMAHAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Bilangan Tawaran : JKP/16/2003

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berdaftar kelas VI Kategori 1 dan 2 sahaja untuk:

i. Projek : PROPOSED 96 UNITS OF TERRACE HOUSING AT KAMPONG MENTIRI RESETTLEMENT/HOUSING, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. Bilangan Tawaran : JKP/16/2003

Dokumen-dokumen tawaran dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kemajuan Perumahan, Bahagian Pentadbiran Kontrak, Tingkat 1, Bangunan Kemajuan Perumahan, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 10.00 pagi, hari Sabtu 19 Julai 2003.

Tawaran Buka : 2 Julai 2003 (Rabu)
Tarikh Tutup : 21 Julai 2003 (Isnin) tidak lewat jam 2.00 petang.
Tempat Tutup : Peti Lembaga Tawaran Negara, Kaunter Penyambut Tetamu, Level 1, Bangunan Kementerian Kewangan Simpang 259, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
Yuran Tawaran : \$500.00 (Tidak dikembalikan)
Yuran Dokumen dan Lukisan Tawaran : \$500.00

Bilangan Tawaran : JKP/17/2003

2. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berdaftar Kelas "III, IV atau V" Kategori 2 bagi:

[ii] Projek : RETENDER FOR PROPOSED COMPLETION OF 22 UNITS OF TERRACE HOUSING AT NATIONAL HOUSING SCHEME KAMPONG PANDAN (PACKAGE 1) CONTRACT H10B, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. Bilangan Tawaran : JKP / 17 / 2003

Dokumen-dokumen tawaran dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kemajuan Perumahan, Bahagian Pentadbiran Kontrak, Tingkat 1, Bangunan Kemajuan Perumahan, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 10.00 pagi hari Sabtu 19 Julai 2003.

Tawaran Buka : 2 Julai 2003 (Rabu)
Tarikh Tutup : 21 Julai 2003 (Isnin) tidak lewat jam 2.00 petang
Tempat Tutup : Lembaga Tawaran Negara, Peti Tawaran Level 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Simpang 259, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
Yuran Tawaran : \$ 500.00 [Tidak dikembalikan]
Yuran Dokumen & Lukisan : \$ 125.00 [Tidak dikembalikan]



**JABATAN PELABUHAN
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

Bilangan Tawaran : JP/TO N 3/2003

TAJUK TAWARAN : 'INVITATION FOR THE CONSULTANCY WORKS FOR COMPLIANCE TO THE 'INTERNATIONAL SHIPS AND PORT FACILITY SECURITY' (ISPS) CODE UNDER THE IMO SOLAS CONVENTION.'

OBJEKTIF : To Develop, Design, Deliver, Implement and Review the deliverables with regards to the requirements of and compliance to the ISPS Code. [Port Facility Security Part]

Syarat-Syarat Tawaran:

1. DOKUMEN-DOKUMEN dan keterangan-keterangan lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Pengarah Pelabuhan, Tingkat Dua (2), Bangunan Ibu Pejabat, Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan Muara BT 1728, Negara Brunei Darussalam semasa waktu bekerja bermula hari Khamis 17 Julai 2003.
2. Cadangan-cadangan tawaran hendaklah diadapakan dalam dua (2), salinan dalam sampul surat yang tertutup rapat (sealed) beserta Tajuk dan Bilangan Tawaran dengan tidak menyatakan nama atau identiti penawar.
3. Tawaran hendaklah dikembalikan dengan memasukkan ke dalam peti tawaran di alamat berikut: Pengerusi, Lembaga Tawaran Negara, Level 16, Bangunan Kementerian Kewangan, Simpang 259, Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat hari Isnin 4 Ogos 2003 jam 2.00 petang.
4. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

Bilangan Tawaran : JKP/19/2003

3. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berdaftar kelas VI Kategori 1 dan 2 bagi:

iii. Projek : PROPOSED INFRASTRUCTURE STAGE I CONTRACT 4 AND CONSTRUCTION OF 196 UNITS OF DETACHED HOUSES CONTRACT H1 & H2 AT KAMPONG MERA-GANG HOUSING SCHEME, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. Bilangan Tawaran : JKP/19/2003

Dokumen-dokumen tawaran dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kemajuan Perumahan, Bahagian Pentadbiran Kontrak, Tingkat 1, Bangunan Kemajuan Perumahan, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 10.00 pagi, hari Sabtu 2 Ogos 2003.

Tawaran Buka : 16 Julai 2003 (Hari Rabu)
Tarikh Tutup : 4 Ogos 2003 (Isnin) tidak lewat jam 2.00 petang.
Tempat Tutup : Peti Lembaga Tawaran Negara, Kaunter Penyambut Tetamu, Level 1, Bangunan Kementerian Kewangan Simpang 259, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
Yuran Tawaran : \$1,000.00 (Tidak dikembalikan)
Yuran Dokumen-e: \$30.00 (Tidak dikembalikan)

Syarat-Syarat Tawaran :-

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran mengikut alamat yang dinyatakan di dalam iklan.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah diadapakan dalam sampul yang tertutup rapi (sealed) yang disediakan oleh Jabatan dengan menyatakan Tajuk

dan Bilangan Projek serta alamat tempat menghantar, tanpa menunjukkan identiti penawar.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan lukisan-lukisan serta keterangan-keterangan yang lanjut bolehlah diperolehi daripada Jabatan Kemajuan Perumahan, Bahagian Pentadbiran Kontrak, Tingkat 1, Bangunan Jabatan Kemajuan Perumahan, Negara Brunei Darussalam.
5. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas dan kategori kerja yang ditetapkan.
6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
8. Tawaran akan dikira salah laku bagi tempoh 90 hari dari tarikh tutup menghantar tawaran.
9. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis panduan yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara rujukan : LTN/4(39/1997).
10. Wakil syarikat yang hadir mengambil dokumen tawaran hendaklah wakil yang dibenarkan oleh syarikat yang berkenaan dan hendaklah membawa bersama surat pengesahan dari Syarikat dan Kad Pengenaln wakil untuk rujukan Jabatan sebelum dokumen tawaran diserahkan.

JUALAN LELOG JUALAN LELOG JUALAN LELOG



**JABATAN
LEMBAGA MATAWANG BRUNEI
KEMENTERIAN KEWANGAN**

**JUALAN LELOG DUA BUAH KENDERAAN
LEMBAGA MATAWANG BRUNEI**

ADALAH dengan ini diberi notis bahawa jualan lelong bagi dua buah kenderaan kepunyaan Lembaga Matawang Brunei seperti keterangan di bawah akan diadakan pada hari **Selasa, 29 Julai 2003** jam 9.00 pagi. Syarat-syarat jualan lelong ini adalah seperti berikut:

1. Pembeli yang berjaya akan dikehendaki membayar secara tunai dan memindahkan kenderaan yang dibeli dengan serta merta.
2. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar cukai kastam jika diperlukan.
3. Kenderaan yang telah dibeli tetapi tidak dipindah dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh perolehan akan dirampas dan dilelong semula.

BIL	KETERANGAN	TEMPAT LELOGAN	TARIKH/MASA
1.	Mitsubishi L300 Van	Kawasan Bangunan Lembaga Matawang Brunei, Kompleks Kementerian Kewangan, Jalan Kebangsaan Lama	29 Julai 2003 jam 9.00 pagi (Hari Selasa)
2.	Mitsubishi Canter (Light Truck)		



**PASUKAN
POLIS DIRAJA BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

**JUALAN LELOG 31 BUAH
KENDERAAN DAN MOTORSIKAL**

ADALAH dengan ini diberi notis bahawa jualan lelong bagi 31 buah kenderaan dan motorsikal kepunyaan Pasukan Polis Diraja Brunei akan diadakan seperti keterangan di bawah:-

BIL	KETERANGAN	TEMPAT LELOGAN	TARIKH/MASA
1.	31 Buah Kenderaan dan Motorsikal	Kawasan Bengkel Kenderaan (Cawangan Lalulintas) Gadong	Hari Khamis, 31 Julai 2003 jam 9.00 pagi



**JABATAN
KESELAMATAN DALAM NEGERI
JABATAN PERDANA MENTERI**

JUALAN LELOG KELONGSONG PELURU

ADALAH dengan ini diberi notis bahawa jualan lelong barang yang tersebut di bawah akan diadakan pada hari Khamis 31 Julai 2003.

Lelong ini mengandungi beberapa syarat seperti berikut :

1. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar wang secara tunai dan memindahkan barang-barang yang dibeli tidak lewat tujuh (7) hari dari tarikh perolehan tersebut.
2. Barang-barang yang telah dibeli tetapi tidak dipindahkan dalam tempoh (7) hari dari tarikh perolehan di atas akan dirampas dan di lelong semula.

BIL	KETERANGAN	TEMPAT LELOGAN	TARIKH/MASA
1.	400 ke 450 KG. Kelongsong "Empty Case"	Pusat Tahanan dan Pemulihan, Jerudong	Hari Khamis, 31 Julai 2003 jam 9.30 pagi



**JABATAN
PERBENDAHARAAN
KEMENTERIAN KEWANGAN**

**JUALAN LELOG
KERETA SUZUKI VITARA BG 7510**

ADALAH dengan ini diberi notis bahawa jualan lelong bagi kenderaan kepunyaan Jabatan Perbendaharaan akan di adakan secara terbuka dengan harga permulaan sejumlah \$2,200.00. Keterangan lelong adalah seperti keterangan di bawah:-

BIL	KETERANGAN	TEMPAT LELOGAN	TARIKH/MASA
1.	SUZUKI VITARA BG 7510	Di belakang Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan	Hari Khamis, 24 Julai 2003 jam 9.00 pagi



DI DALAM MAHKAMAH MAJISTRET KUALA BELAIT

SAMAN BIL : 826 TAHUN 2003

DI ANTARA

KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA
SULTAN DAN YANG DI-PUERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
Plaintif

DAN

AWANG SEPAWI BIN DAUD Defendan

NOTIS MENURUT PERINTAH PENYAMPAIAN GANTI

KEPADA : Awang Sepawi bin Daud, alamat yang terakhir diketahui: Lot.
4382, No. 7, Jalan Pandan Satu, Kuala Belait KA 1931, Negara Brunei
Darussalam.

SILA ambil perhatian bahawa satu tindakan terhadap kamu dalam
Mahkamah di atas oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka
Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang
mana tuntutan Plaintiff ialah berkaitan dengan bayaran telefon seperti 1)
sebenyak \$9,732.26; 2) faedah pada kadar 6% setahun mulai dari tarikh
penghakiman hingga bayaran penuh; 3) kos; 4) sebarang pelepasan lain
yang mungkin dianggap patut dan wajar oleh Mahkamah ini dalam hal
keadaan tersebut dan bahawa diperintahkan supaya penyampaian Saman
dalam tindakan ini kepada kamu dilakukan melalui pemberitahuan ini di
PELITA BRUNEI dan bahawa penyampaian tersebut hendaklah dianggap
sebagai penyampaian yang sah dan mencukupi bagi prosiding ke atas kamu.

Tindakan tersebut akan didengar di Mahkamah Majistret Kuala Belait, pada
28 Ogos 2003 jam 9.00 pagi dan pada hari itu kamu hendaklah hadir dan jika
kamu tidak hadir sama ada sendiri atau melalui seorang wakil yang layak
untuk hadir bagi pihak kamu pada masa dan tempat yang disebutkan di atas,
perintah tersebut akan dibuat sebagaimana yang difikirkan patut oleh
Mahkamah. Bertarikh pada 10 Jun 2003.

DK MASNAH PENGIRAN BAHAR
Majistret

Notis Menurut Perintah menurut Perintah Penyampaian Ganti ini dikeluarkan
oleh Pejabat Peguam Negara, Peguambela dan Peguamcara bagi Plaintiff
yang dinamakan di atas, yang alamat penyampaiannya di Pejabat Peguam
Negara, Bangunan Undang-Undang, Bandar Seri Begawan BA 1910,
Negara Brunei Darussalam.



DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS BANDAR SERI BEGAWAN

No. LA/101/2003

BAHAHA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh
Salmah binti Mohd Jus kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka
yang dipunyai oleh Sulaiman bin Abdullah yang telah meninggal dunia
di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah balu
kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di
dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 22 Julai 2003 pada jam
9.30 pagi. Bertarikh 1 Julai 2003.

No. LA/127/2003

BAHAHA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Chua
Chai Onn kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai
oleh Lim Teck Hian yang telah meninggal dunia di Negara Brunei
Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah balu kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di
dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 22 Julai 2003 pada jam
9.30 pagi. Bertarikh 2 Julai 2003.

No. LA/111/2003

BAHAHA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Haji
Ahmad bin Bidin kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang

dipunyai oleh Hajah Hatmah binti Bidin yang telah meninggal dunia di
Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah adik-
beradik kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di
dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 22 Julai 2003 pada jam
9.30 pagi. Bertarikh 1 Julai 2003.

No. LA/79/2003

BAHAHA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Hajah
Dy. Damit binti Abd. Hamid dan Ak. Hishamuddin bin Pg. Haji Hashim
kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh
Pengiran Haji Hashim bin Pengiran Chuchu yang telah meninggal
dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah
balu dan anak kepada si mati.

Oleh dan anak itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan diden-
garkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 22 Julai 2003
pada jam 9.30 pagi. Bertarikh 1 Julai 2003.

No. LA/18/2003

BAHAHA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Haji
Yusof bin Pliut kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipu-
nyai oleh Haji Omar bin Haji Mohamad Yusoff yang telah meninggal
dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah
ayah kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di
dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 22 Julai 2003 pada jam
9.30 pagi. Bertarikh 1 Julai 2003.

No. LA/75/2003

BAHAHA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Abdul
Aziz bin Haji Omar kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang
dipunyai oleh Haji Omar bin Dollah yang telah meninggal dunia di Negara
Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si
mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di
dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 22 Julai 2003 pada jam
9.30 pagi. Bertarikh 1 Julai 2003.

No. LA/194/2002

BAHAHA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Luman
binti Sitali kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai
oleh Sitali bin Maraja yang telah meninggal dunia di Negara Brunei
Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di
dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 22 Julai 2003 pada jam
9.30 pagi. Bertarikh 1 Julai 2003.

No. LA/53/2003

BAHAHA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Haji
Bahar bin Karim kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang
dipunyai oleh Dnyang Hajah Jijah binti Puteh yang telah meninggal
dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah
anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di
dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 22 Julai 2003 pada jam
9.30 pagi. Bertarikh 1 Julai 2003.

No. LA/135/2003

BAHAHA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh
Ya'akub bin Haji Ibrahim kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka
yang dipunyai oleh Haji Ibrahim bin Abdul Rahman yang telah
meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si
pemohon ialah anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di
dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 22 Julai 2003 pada jam
9.30 pagi. Bertarikh 1 Julai 2003.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu di-
kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan
tempat yang tersebut di atas.

Sesapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah
menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris
- A) TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Kaunter Penyambut Tetamu, Level 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Simpang 259, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang, hari Isnin 14 Julai 2003. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran, Jabatan Kewangan dan Perbekalan, Blok 169, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison BB 3510, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada 11 Julai 2003 hari Isnin jam 10.30 pagi.

- a) Wang Bayaran Tawaran dan Yuran Dokumen hendaklah dibayar di Bahagian Kewangan, Jabatan Kewangan dan Perbekalan, Blok 169, Bolkiah Garison BB 3510, Kementerian Pertahanan, Negara Brunei Darussalam.

Waktu bagi menerima bayaran :

Isnin - Khamis : 8.00 pagi - 11.30 pagi dan 2.00 petang - 3.30 petang. Jumaat : 8.00 pagi - 10.30 pagi.

- b) Pembekal adalah dikehendaki membayar semua tawaran seperti yang diiklankan. Yuran Tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborongan sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender). Kadar yuran Tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

- c) Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

- d) Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur (non-bona-fidetender) dan tidak akan dilayan.

- e) Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama dengan menyerahkan butiran-butiran Syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemilih.

- f) Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis panduan yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

- g) Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatlah tarikh tutup tawaran itu seperti yang diiklankan.



**JABATAN PENTADBIRAN DAN
PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

Bilangan Tawaran : DA/K/SSP/214/DS/R/2003 DAN
DA/K/SSP/215/JPRM/2003

Syarat-Syarat Tawaran:-

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Pemohon-pemohon yang berkhidmat dengan Kerajaan atau Syarikat-Syarikat Swasta atau ada hubungan kaitnya dengan Kerajaan seperti Brunei Shell Petroleum (BSP), Cold Gas (LNG), Royal Brunei Airline (RBA) dan seumpamanya tidak akan diterima.
3. Bayaran Dokumen Tawaran dan Pentadbiran sebanyak \$25.00 bagi DA/K/SSP/ 214/DS/R/2003 dan \$30.00 bagi DA/K/SSP/215/JPRM/2003 (tidak dikembalikan) hendaklah dibayar di Bahagian Kewangan, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Tingkat 1, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam.
4. Setiap tawaran hendaklah dibayar dengan wang tunai di Bahagian Kewangan, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan Kementerian Pendidikan, Tingkat 1, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam.
5. Borang-borang tawaran boleh diperolehi di Unit Sebutarga Stor dan Perbekalan, di Blok A, Tingkat Satu (1), setelah membuat pembayaran.
6. Pemohon-pemohon mestilah membawa bersama Sijil Pendaftaran Perniagaan semasa melakukan pembayaran.
7. Bayaran Dokumen Tawaran dan Pentadbiran hendaklah dibayar dengan wang tunai.
8. Setiap borang tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah menyertakan salinan Tawaran dan Pentadbiran dan Sijil Pendaftaran Perniagaan dan salinan Resit Bayaran Dokumen hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa.
9. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis Bilangan Tawaran dan Tajuk seperti mana yang diiklankan serta tanpa menunjukkan identiti Pembekal/Pemborong dan ditujukan kepada:- Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Level 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Simpang 259, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat pada hari Isnin, 4 Ogos 2003 jam 2.00 petang.
10. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

Bilangan Tawaran	Keterangan	Bayaran Dokumen	Tarikh Tutup dan Waktu
DA/K/SSP/ 214/DS/R/ 2003	Membebel, Menghantar, Memasang dan Menguji Sofa Set untuk tetamu (10 set) ke Sekolah-sekolah Rendah Kerajaan, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam	\$25.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran (tidak dikembalikan))	4/8/2003 (tidak lewat jam 2.00 petang)
DA/K/SSP/ 215/JPRM/ 2003	Tawaran Rancangan Pemakanan bagi:- Sekolah Rendah Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddin, Kuala Belait, Daerah Belait bagi Tempoh 2 Tahun bagi Kod Blok : MK/16	\$30.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran (tidak dikembalikan))	4/8/2003 (tidak lewat jam 2.00 petang)

Waktu-waktu Penerimaan Wang Bayaran Dokumen dan Pentadbiran :
Isnin - Khamis : 8.00 pagi - 11.30 pagi. 1.30 petang hingga 2.30 petang.
Sabtu : 8.00 pagi hingga 10.00 pagi.



JABATAN PERTUBUHAN- PERTUBUHAN ANTARABANGSA KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

JAWATAN KOSONG DI PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU (PBB) Pengumuman National Competitive Examination (NCE) bagi Jawatan Junior Professional Level (P-1/P-2) di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)

1. PEPERIKSAAN untuk jawatan ini akan diadakan di dalam bidang-bidang yang tersebut di bawah:

Pentadbiran (Administration); Demografi (Demography); Teknologi Maklumat (Information Technology); Perpustakaan (Library); Hal Ehwal Politik (Political Affairs); Hal Ehwal Sosial (Social Affairs); Statistik (Statistics).

Syarat Asas untuk mengikuti Peperiksaan ini adalah seperti berikut:

1. Rakyat, Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam; dan
2. Sekurang-kurangnya mempunyai Ijazah Sarjana Muda di dalam bidang yang berkenaan.
3. Peperiksaan bertulis secara tentatif akan diadakan pada bulan Februari 2004 di tempat yang akan diumumkan kemudian nanti.
4. Para calon yang berkelayakan dari peperiksaan bertulis ini akan dipilih oleh pihak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk ditemuduga pada pertengahan tahun 2004.
5. Maklumat lanjut boleh diperolehi daripada Jabatan Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Jalan Subok, Bandar Seri Begawan, BD 2710; Negara Brunei Darussalam. Nombor Telefon : 02-261177 sambungan 296 No.Faks : 02-261703. E-Mel: dio@brunet.bn.
6. Tarikh tutup permohonan ialah pada 5 September 2003. Permohonan boleh dilakukan melalui internet (online registration) di mana borang permohonan serta maklumat lanjut boleh diperolehi daripada laman web berikut www.un.org/Depts/OHRM/examin.htm.

JAWATAN KOSONG DI URUSETIA KOMANWEL

CALON yang berkelayakan daripada negara-negara ahli Komanwel termasuk Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk mengisi jawatan kosong seperti berikut:-

Syarat Asas:-

1. Rakyat, Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam
2. Mempunyai kelulusan ijazah di bidang berkenaan.

Name of Post	Duty Station	Deadline for Nomination
Chief Programme Officer Commonwealth Service Abroad Programme (CSAP) - Grade CS5	Governance and Institutional Development Division	25 Julai 2003

Bagi maklumat lanjut mengenai jawatan kosong ini bolehlah diperolehi dengan berhubung terus kepada:- Jabatan Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Jalan Subok, Bandar Seri Begawan BD 2710, Negara Brunei Darussalam. Nombor Telefon : 2261177. No.Faks : 2261703.

Name of Post	Duty Station	Deadline for Nomination
Chief Programme Officer (Sustainable Development) - Grade CS 5	Economic Affairs Division (EAD), Urusetia Komanwel	25 Julai 2003

Syarat Asas:-

1. Rakyat, Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam
2. Mempunyai kelulusan ijazah di bidang berkenaan.

Bagi maklumat lanjut mengenai jawatan kosong ini bolehlah diperolehi dengan berhubung terus kepada:- Jabatan Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Jalan Subok, Bandar Seri Begawan BD 2710, Negara Brunei Darussalam. Nombor Telefon : 2261177 Sambungan 316/384. No.Faks : 2261703. E-mel : dio@brunet.bn.



JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran kepada alamat di bawah (kecuali ditetapkan alamat yang lain dalam iklan atau dokumen tawaran) seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran. Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Bahagian Kementerian Kewangan, Level 16, Bangunan Kementerian Kewangan, Simpang 259, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang telah ditetapkan.)
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa di alamat yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Bagi tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya Kuala Belait, dokumen itu bolehlah diperolehi dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.
5. Jumlah yuran adalah seperti berikut :

6. Yuran Tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender). Kadar Yuran Tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

Kelas Penender	I	II	III	IV	V	VI
Dokumen - Kertas	\$10.00	\$25.00	\$50.00	\$250.00	\$500.00	\$1,000.00
Dokumen - elektronik	-	-	-	\$155.00	\$280.00	\$530.00

7. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar dokumen tawaran itu seperti kadar yang ditetapkan di iklan tawaran.

8. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

DIBUKAKAN kepada pembekal-pembekal kereta yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran hari Sabtu, 19 Julai 2003. Tarikh tutup hari Isnin, 21 Julai 2003 hingga jam 2.00 petang. (Ditutup di Pejabat Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan).

BIL: JKR/DTS/SME/22/2003 - T/II : MEMBEKAL ENAM (6) BUAH KENDERAAN TANKER AIR BAGI JABATAN PERKHIDMATAN AIR. No. Projek : DTS/SME/08/03. Jumlah Yuran Tawaran : \$50.00 (Tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas V & VI kategori 1 sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran hari Sabtu, 12 Julai 2003. Tarikh tutup hari Isnin, 11 Ogos 2003 hingga jam 2.00 petang.

BIL: JKR/DOR/SRC 042/2003 : PEMBESARAN JALAN KAMPONG MASJID LAMA, SERASA. Yuran Tawaran : \$500.00 Yuran Dokumen : \$500.00 Jumlah Yuran \$1,000.00 (Tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas V & VI kategori 1 & 3 sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran hari Sabtu, 19 Julai 2003. Tarikh tutup hari Isnin, 21 Julai 2003 hingga jam 2.00 petang.

BIL: JKR/DOD/11/2003 (HSS) : SKIM TANAH KURNIA RAKYAT JATI KAMPONG SUNGAI BULO/TANAH JAMBU KANAN - INFRASTRUKTURE - PHASE 1. Nombor Projek : 6/JKR/HSS/308 L. Jumlah Yuran Tawaran : \$1,000.00 (Tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas IV, V & VI kategori 2 sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran hari Sabtu, 2 Ogos 2003. Tarikh tutup hari Isnin, 4 Ogos 2003 hingga jam 2.00 petang.

BIL: JKR/DOD/12/2003 (ABS/SED) : PEMBANGUNAN TAMAN NEGARA DI ULU TEMBURONG, PERINGKAT II PAKEJ A. Jumlah Yuran Tawaran : \$500.00 (Tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas V kategori 1 & 5(b) sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran hari Sabtu, 26 Julai 2003 hingga jam 2.00 petang.

Tarikh tutup hari Isnin, 28 Julai 2003 hingga jam 2.00 petang. (Ditutup di Pejabat Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan).

BIL: JKR/DTS/BKT/23/2003 - T/V: KERJA-KERJA TANAH BAGI KOMPLEKS PENYIARAN BARU RTB DI SUNGAI AKAR, JALAN PENGHUBUNG MENTIRI. Jumlah Yuran Tawaran : \$500.00 (Tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas II & III kategori 5h sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran hari Sabtu, 19 Julai 2003 hingga jam 10.00 pagi. Tarikh tutup hari Isnin, 21 Julai 2003.

BIL: JKR/DBSBM 029/2003 : KONTRAK PENGGAL BAGI MENGHAPUS ANAI-ANAI DI PERUMAHAN, SEKOLAH DAN PEJABAT KERAJAAN DI DAERAH BRUNEI/MUARA. Nombor Projek : 2003DBSBM/25015. Yuran Dokumen : \$25.00 (Tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas II & III kategori 3 sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran hari Sabtu, 5 Julai 2003 hingga jam 10.00 pagi. Tarikh tutup hari Isnin, 19 Julai 2003.

BIL: JKR/DWS/032/2003 - K : MENGGANTI PAIP A.C DENGAN PAIP BESI MULOR (FASA II) DARI BANGAR KE KAMPONG MENENGAH, TEMBURONG. Yuran Dokumen : \$25.00 (Tidak dikembalikan). Yuran Tawaran \$25.00 (Tidak dikembalikan). Jumlah Yuran \$50.00.

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas III (II, III & IV) kategori 3 sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran hari Sabtu, 19 Julai 2003 hingga jam 2.00 petang. Tarikh tutup hari Isnin, 21 Julai 2003.

BIL: JKR/DDS/035/2003 (SEW) - T. III: MENGGANTI "SLUDGE DIGESTOR" DI LOJI KUMBAHAN PINTU MALIM. No.Projek : 03/DDS/SEW 0930 Yuran Tawaran : \$25.00, Yuran Dokumen : \$25.00 Jumlah Yuran \$50.00 (Tidak dikembalikan).

Maklumat lanjut - Dokumen tawaran boleh dilihat dan didapati dari Unit Penyelidikan dan Perkembangan, Kementerian Pembangunan, Tingkat 2, Bangunan Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup bagi Bilangan Tawaran : KPN/EGOV/1/2003 dan KPN/EGOV/2/2003 - Hari Isnin, 21 Julai 2003 tidak lewat dari jam 2.00 petang. Sementara tarikh tutup bagi Bilangan Tawaran KPN/EGOV/3/2003 dilanjutkan dan 21 Julai 2003 kepada hari Isnin 4 Ogos 2003.

Penghantaran Tawaran - Kepada : Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Level 16, Bangunan Kementerian Kewangan, Simpang 259, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Yuran Tawaran : \$1,000.00 (tidak dikembalikan) bagi setiap satu tawaran di atas.



WASPADALAH KETIKA MEMANDU

LIS RAMAH MESRA BERSAMA RAKYAT

Bersama Rakyat Dan Penduduk Daerah Brunei Dan Muara

Menyusur Tamadun Moden

Kompleks Perdagangan, Sukan dan Rekreasi Menjalin, Mukim Sungai Kebun
20 Jamadilawal 1424 bersamaan 20 Julai 2003



Bersama Rakyat Dan Penduduk Daerah Temburong

Menjunjung Kasih

Padang Dewan Kemasyarakatan, Temburong
22 Jamadilawal 1424 bersamaan 22 Julai 2003



PGGMB beri sumbangan bermakna martabatkan profesion perguruan

Oleh
Aliddin HM

BANDAR SERI BEGAWAN, 6 Julai. - Peranan yang dimainkan oleh Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) dalam organisasi guru di peringkat serantau dan antarabangsa merupakan suatu sumbangan yang bermakna dalam memartabatkan profesion perguruan.

Dalam hubungan itu, adalah wajar bagi PGGMB untuk meningkatkan lagi imej guru-guru khususnya guru Melayu bukan sahaja dari segi ekonomi malahan juga dalam aspek-aspek profesionalisme.

Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Sheikh Haji Adnan bin Sheikh Mohammad berkata demikian di Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Perwakilan PGGMB Ke-53 Sesi 2002-2003 yang berlangsung di Dewan Serbaguna Bangunan PGGMB di sini.

Beliau menambah penglibatan PGGMB dalam bidang pendidikan di negara ini telah merangkumi perkhidmatan peringkat rendah dan menengah.

Beliau berharap PGGMB akan terus meningkatkan dan meluaskan lagi usahanya dalam perkhidmatan pendidikan bukan hanya setakat peringkat menengah tetapi sudah



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pendidikan, Sheikh Haji Adnan berucap merasmikan Mesyuarat Agung Perwakilan PGGMB Ke-53 Sesi 2002-2003. - Gambar oleh Pg Rafee PDPHM.

tiba masanya bagi persekutuan itu untuk melibatkan diri dalam bidang pendidikan teknikal dan vokasional seterusnya ke peringkat pendidikan tinggi atau 'tertiary education'.

PGGMB katanya merupakan ejen perubahan dan contoh model persekutuan sukarela yang telah berpengalaman melalui pelbagai corak zaman dan sebagai sebuah institusi, persekutuan itu bukan hanya menggambarkan semangat guru-guru Melayu sendiri bahkan boleh dikatakan mewakili semangat masyarakat Melayu.

"Inilah tanggungjawab dan harapan tinggi yang harus dijaga dan sentiasa diingati oleh seluruh anggota PGGMB sebagai suatu amanah yang berat lebih-lebih lagi kepada pemimpin-pemimpin



MESYUARAT Agung Perwakilan PGGMB Ke-53 Sesi 2002-2003 yang berlangsung di Dewan Serbaguna Bangunan PGGMB di ibu negara. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

persekutuan yang menerajui PGGMB pada masa ini dan seterusnya pada masa akan datang," jelasnya.

Oleh yang demikian katanya, adalah menjadi harapan kita semua agar PGGMB akan dapat terus relevan dan berkembang maju serta berjaya dalam mengatasi apa jua situasi dan rintangan dengan berlandaskan paksi yang kukuh yang telah dimantapkan oleh pengasas-pengasas dan pemimpin-pemimpin di sepanjang sejarah lebih se- paruh abad kerana kita melihat bahawa kewujudan PGGMB merupakan gambaran terhadap masyarakat Melayu, maka jika persekutuan itu maju berarti majulah orang Melayu.

Di samping itu juga tambahnya, PGGMB harus menyediakan pemimpin-pemimpin pelapis yang

akan menerajui persekutuan itu di masa-masa akan datang dan dengan adanya peluang-peluang kepimpinan sedemikian itu akan dapat membantu dalam memastikan survival dan keutuhan PGGMB.

Beliau menyarankan supaya persekutuan itu akan memikirkan kemungkinannya untuk menggubal Dasar Pelaburan Sosial yang boleh dijadikan garis panduan kepada PGGMB dalam sumbangannya di bidang-bidang pendidikan kemasyarakatan dan sosial.

Dengan adanya dasar tersebut, tambahnya, diharapkan persekutuan itu akan dapat memainkan fungsinya dengan lebih berkesan dalam bidang-bidang yang menjadi sasaran dan fokus penubuhannya.

Beliau melahirkan peng-

hargaan dan terima kasih Kementerian Pendidikan kepada PGGMB atas sumbangan dan keprihatinannya dalam sama-sama meningkatkan kemahiran dan kecakapan guru-guru di negara ini sama ada di kalangan ahli-ahli dan bukan ahli melalui kegiatan-kegiatan dan program-program yang dijalankan seperti seminar, bengkel dan sebagainya.

Beliau berharap agar kerjasama secara 'Smart Partnership' dalam bidang pendidikan akan diteruskan dalam skop yang lebih luas lagi terutama dalam menerokai perkara-perkara yang berseuaian dan diperlukan dalam bidang pendidikan oleh guru-guru termasuk mereka yang baru menceburi diri dalam profesion perguruan, pelajar-pelajar dan sekolah-

sekolah serta masyarakat.

Julai 2002.

Majlis diselenggarakan dengan penyampaian hadiah kepada para pelajar terbaik bagi tahun 2002 dalam peperiksaan PCE, PMB, BGCE Peringkat 'O' dan 'A' dan Majlis Penyampaian Sijil kepada pemenang Pertandingan Membaca Al-Quran Secara Murattal Ke-5 bagi anak dan cucu ahli PGGMB.

Selepas Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Perwakilan PGGMB Ke-53 Sesi 2002-2003 itu disebabkan petangnya diadakan mesyuarat berkenaan yang membincangkan beberapa agenda iaitu menyemak dan mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan PGGMB Ke-52 Sesi 2001-2002 yang diadakan pada 7

Mesyuarat juga membincangkan perkara berbangkit dari minit yang lepas dan pembentangan laporan daripada Setiausaha Agung PGGMB dan pembentangan laporan ringkas Lembaga Pemeriksa Kira-Kira PGGMB.

Selain itu ia juga diselenggarakan dengan pembentangan Laporan dan Penyata Kewangan 2002 bahagian-bahagian dan pembentangan laporan pengerusi, pengarah, setiausaha bahagian-bahagian serta pembentangan Laporan Setiausaha Cawangan (SUCA).

Mesyuarat juga membentangkan Pindaan Undang-undang SKS & BM dan usul serta cadangan dan hal-hal lain.

Hobi mengumpul setem bawa keuntungan

Oleh Aliddin HM

BERAKAS, 1 Julai. - Mengumpul setem boleh dijadikan sebagai hobi yang membawa keuntungan yang tinggi.

Ini terbukti apabila setem itu dijadikan sumber sejarah dan pernah digunakan untuk membayar hutang kerana pengiktirafan sebagai wang.

Ketua Pos Agung, Pengiran Haji Mohd. Yaakub berkata demikian di Majlis Taklimat Filatelik bagi guru-guru besar sekolah rendah di seluruh negara berlangsung di Dewan Amar Pahlawan, Kementerian Pehubungan di sini.

Beliau menjelaskan, setem-setem digunakan bagi acara-acara khas seperti majlis menandatangani perjanjian di negara ini.

Taklimat diadakan sebagai usaha berterusan Jabatan Perkhidmatan Pos untuk memberikan maklumat, mempromosikan dan mengembangkannya hobi

mengumpul setem di negara ini, di samping untuk memberikan peluang dan pendedahan kepada murid-murid dan penuntut-penuntut sekolah dalam menyertai 'Youth Philately' di pameran-pameran antarabangsa.

Tujuan taklimat diadakan untuk memberi pengetahuan

kepada para guru besar terhadap rancangan Jabatan Perkhidmatan Pos khususnya dalam bidang filatelik; mengetengahkan Persatuan Filatelik Kebangsaan Brunei Darussalam (PFKB); memupuk dan menanamkan minat mengumpul setem di kalangan murid-murid sekolah; menggalakkan penubuhan Kelab-kelab Setem serta memperkenalkan produk 'SODAKids' selain mewujudkan kerjasama dan 'Networking'.

Jabatan Perkhidmatan Pos dalam mencapai sasaran matlamatnya telah merancang dan mengatur pelbagai perancangan di antaranya dengan mengadakan taklimat kepada para guru besar di seluruh negara kerana nadi penggerak pewujudan Kelab Setem, pemudahcara, penye-laras di antara Jabatan

Perkhidmatan Pos dan Persatuan Filatelik Kebangsaan Brunei Darussalam dan pemangkin hobi mengumpul setem.

Jabatan Perkhidmatan Pos mengharapkan dan menyuarakan kepada para guru besar supaya memberikan kerjasama bagi merealisasikan hasrat jabatan itu supaya mewujudkan murid-murid sekolah meminati aktiviti mengumpul setem.



SEORANG pegawai Jabatan Perkhidmatan Pos memberikan taklimat Filatelik kepada guru-guru besar sekolah-sekolah rendah. - Gambar oleh Ramli HT.

HOTLINE JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN

JABATAN Bandaran Bandar Seri Begawan telah menyediakan dua 'Hotline' bagi kemudahan orang ramai berhubung terus dan membuat aduan kepada Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan.

Nombor 'Hotline' Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan adalah 2223455. Talian ini adalah dikhususkan bagi orang ramai membuat aduan atau masalah yang dihadapi mengenai kemudahan atau perkhidmatan yang disediakan oleh pihak jabatan.

Manakala nombor 'Hotline' 2223514 adalah dikhususkan bagi orang ramai yang ingin berurusan dengan Bahagian Percukaian Bangunan, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk menghubungi Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan melalui talian tersebut jika terdapat sebarang masalah atau pertanyaan mengenai perkhidmatan yang disediakan oleh Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan.

EGAWAI kerajaan sombong!"

"Jaga mulut kau tu kawan. Kau pun pernah menjadi orang kerajaan sebelum kau pencen."

"Benar. Dulu aku tak menyedari sama ada aku sombong atau tidak."

"Apa puncanya kau menuduh pegawai kerajaan sombong?"

Hamdi memandang sahabatnya Haji Kalusah yang berwajah serius. Misainya yang melintang bergerak-gerak. Matanya yang galak bersinar-sinar.

"Aku nak jumpa seorang pegawai. Adakah patut aku disuruh mengisi borang perjanjian."

"Mungkin itu satu peraturan. Kita mesti mematuhi peraturan yang ditetapkan."

"Peraturan, aku akur. Tapi adakah patut, bangsa lain cukup dengan memberi isyarat, sudah dibenarkan masuk. Tak ada dolak-dalik. Tak payah mengisi borang."

Hamdi termenung. Kepalanya berfikir tentang isu yang diceritakan oleh Haji Kalusah. Apakah benar ada pegawai kerajaan yang mementingkan orang luar dari orang tempatan? Apakah ada gejala pilih kasih? Tetapi kenapa? Apakah di sebalik pilih kasih itu?

"Mungkin mereka menerima songokan, bang."

"Sogokan? Maksud awak rasuah?" Hamdi memandang isterinya Maryani penuh minat. Makanan malam yang terhidang belum dijamah.

"Zaman ini ada orang kelabu mata oleh wang bang. Bila diberi wang, lupalah segalanya. Hatta salah pun tak diendahkan. Dibuang ke tepi."

"Sudahlah bang, mari kita makan. Tak ada gunanya kita bicarakan hal itu."

"Tak berguna kata awak? Perbuatan rasuah patut dibanteras."

"Biarkan saja pihak berkenaan bertindak, bang."

"Itu pendapat salah. Abang tak setuju. Abang hendak menyelidik."

"Jangan nak berangan-angan jadi James Bond bang. Awak itu dah tua. Tahun depan akan pencen."

Hamdi tak bersuara. Sebaliknya menjamah hidangan dengan memulakan kalimah Bismillah. Dalam diam dia akan menyahut cabaran isterinya. Biarlah dirinya dikata tua asalkan kudratnya mampu disumbangkan demi negara.

Memang sejak mengikuti kursus untuk bakal pesara dia mula bersemangat. Mula ada kesedaran baru dalam dirinya. Dia mahu mencurahkan secubit bakti kepada negara yang baru disedarinya banyak memberi peluang dan kesenangan. Dia ingin mengenang jasa, membalas budi.

Esok Hamdi sudah sampai di pejabat jam tujuh setengah pagi. Kawan-kawannya masih ramai yang belum nampak batang hidung. Bau minyak wangi pekerja wanita pun tak tercium. Hamdi tahu, masing-masing beralasan 'traffic jam', menghantar anak ke sekolahlah, menghantar binilah.

Hujah Haji Kalusah masih segar di telinganya. Dalam diam-diam dia mengakui kebenaran hujah rakannya itu. Pekerja sekarang ramai yang culas. Ramai yang curi tulang. Datang bagaikan kura-kura tetapi pulang macam ribut. Seminit pun tak mahu lambat.

"Tetapi mereka bukan sombong seperti yang dikata Haji Kalusah," Hamdi berhujah sendiri sambil membuka komputer peribadinya. Dia mahu memulakan kerja meskipun jam baru menunjukkan 7.40 minit pagi.

"Betul. Sombong itu ertinya tak hendak melayan orang ramai. Berdolok-dalik dalam berurusan dengan orang ramai."

"Tapi mengapa orang asing dilayan istimewa? Tak ada dolak-dalik? Tak payah isi borang? Cukup beri isyarat, sudah dilayan, sudah dibenarkan masuk?"

"Itulah berunding di balik kesombongan."

Ketika Hamdi membaca kertas kerja yang ditainya semalam, pintu biliknya diketuk. Belum sempat dia mengdongak, terdengar suara memberi salam. Pantas mulutnya menjawab salam. Dia merasa rugi kerana didahului memberi salam. Dia tahu ganjaran memberi salam.

"Hai awalnya kau membuat kerja? Berpadalah kawan. Kita akan pencen tahun depan. Buat apa kerja keras. Pangkat pasti tak dapat. Gaji dah top. Apa lagi yang kita harapkan?" Haji Sarbini, rakan sekerjanya duduk di sebuah kerusi. Ruang bilik yang memuatkan empat orang pegawai masih kosong.

"Jadi selama ini haji mengharap naik pangkat? Mengharap naik gaji saja?"

"Oi kawan, siapa yang tak mahu pangkat? Siapa yang tak mahu naik gaji?"

"Aku tahu semua orang mahu, tetapi sedarkah kita apa imbalan yang kita sumbangkan dari pangkat dan gaji yang diberikan?"

"Aku hairan dengan kau Hamdi. Makin nak pencen, makin rajin. Makin tekun."

"Aku nak menunaikan tanggungjawab yang dipikulkan ke bahu. Aku mahu menjaga prestasi dan memberi sumbangan kepada negara."

Haji Sarbini ketawa memanjang. Sinis sekali ketawanya itu.

"Sudahlah Hamdi. Mari kita keluar minum."

"Sorry. Aku sudah bersarapan berat di rumah tadi."

"Hai makin jauh perubahan kau Hamdi."

"Aku mahu berhijrah. Salahkah?"



ORANG PENCEN DAN ORANG NAK PENCEN

OLEH HAJI A. MOHAMMAD
HAJI TIMBANG

GERPEN

MEMANG sejak mengikuti kursus untuk bakal pesara dia mula bersemangat. Mula ada kesedaran baru dalam dirinya. Dia mahu mencurahkan secubit bakti kepada negara yang baru disedarinya banyak memberi peluang dan kesenangan. Dia ingin mengenang jasa, membalas budi.

"Oi apa yang salah? Siapa nak ikut aku keluar? Hari ini aku belanja," tiba-tiba saja Mujit muncul di muka pintu. Wajahnya ceria. Ucapannya disambut oleh Haji Sarbini sambil berdiri dan mengajak Mujit keluar. Dia berbisik-bisik di telinga Mujit. Berdekah-dekah mereka ketawa. Hamdi tahu, mereka mengata dirinya.

"Tak guna mengikuti kursus, langsung tak ada perubahan!"

Hamdi akur, bukan mudah untuk menjadi seorang pekerja yang jujur, yang bersih dan amanah. Cabaran ada di sekeliling terutama dari rakan setugas. Apa lagi bakal-bakal pesara yang ramai tak ada power dalam menjalankan tugas.

"Pakai speed dua saja," itulah perambahan ciptaan mereka.

"Lurus. Kalau speed empat, eksiden sudahnya," ucapan itu disambut dengan hilai tawa.

Pulang dari kerja, Hamdi berjoging. Badan yang sudah melalui setengah abad memang mudah dihindangi penyakit. Hamdi meskipun sudah berusia 54 tahun namun masih sihat. Masih cergas. Perawakan wajahnya pun masih kelihatan muda dari usia sebenarnya. Orang tak percaya usianya sudah hampir pencen.

Ketika dia berehat di sebuah bangku melepaskan penat, bahunya dicuit orang. Hampir terjatuh botol plastik berisi air putih yang baru dua kali diteguknya.

"Maaf," Haji Kalusah bersuara dan duduk di sisi Hamdi. Keduanya bersalam-an.

"Bagaimana dengan projek tuan aji?"

"Susah. Itulah yang membuat aku marah, pegawai kerajaan yang aku kata sombong itu tak bagi aku jumpa big boss-nya. Sebab dia tahu aku nak berbincang dan berhujah pasal parit yang mereka bina dekat tanah kebun aku. Dulu kawasan itu tak banjir."

Perbualan mereka terhenti bila dua orang perempuan muda melintasi mereka. Pakaian mereka, aduhai. Memang kepala ditutup tetapi baju dan seluar sendat mengalahkannya bungkus nangka. Lekak-lekuk di badan mereka terhidang habis. Mata lelaki mana nak lepas peluang! Kalau ikan panggang di depan mata, kucing mana tak melenting misai?

"Kau tahu, itulah salah satu daya tarikan orang untuk berjoging di sini."

"Maksud kau ada yang sengaja datang ke sini nak cuci mata?"

"Yes. Kau lihat di sekeliling, pakaian mereka rata-rata berjenama, ada kelas."

"Oi kau sindir akukah? Mentang-mentanglah aku beli pakaian di musim ada tawaran istimewa. Baju aku ini jenis ada jenama tiruan."

"Maaf, bukan maksud aku nak menyindir. Tapi kenyataan. Trend masa kini, bersukan pun ada udang di sebalik batu. Ia jadi alasan untuk lari dari orang rumah."

"Hai mata orang pencen ini terlalu sensitif!"

"Kau pun tak lama lagi akan pencen"

Lihat muka 13

PUISI

KITA MANUSIA

Manusia adalah satu hidupan
sebaik-baik makhluk ciptaan Tuhan
ada manusia yang suka kebaikan
ada juga suka membuat kejahatan
setiap manusia sama buatan
iman saja yang memberi perbezaan.

Manusia berbeza dengan haiwan
kerana kita diberi akal fikiran
kerana kita mempunyai kewajipan
kerana kita berilmu pengetahuan.

Kita adalah hamba Tuhan (Allah)
cuma sementara saja kehidupan
menyembah-Nya adalah satu kewajipan
yang wajib untuk kita lakukan.

Manusia sempurna dari makhluk lain
tapi hakikatnya manusia banyak kelemahan
banyak yang cuai dalam menunaikan
kewajipan
sedangkan nikmat Tuhan tidak lupa
curahkan.

Banyak manusia yang panas baran
sedangkan Tuhan Maha Pengampun
kesalahan
ternyata Tuhan berkuasa di seluruh alam
wahai manusia janganlah engkau sombong.

Bangunlah kita di tengah malam
bermunajat merintih kepada Tuhan
kita memohon pada-Nya kasih sayang
agar kita selamat sepanjang kehidupan.

Akeem-M-1711

PENYERAHAN PADAMU JUA

Di bawah segala kekuasaan-Mu
aku sujud dengan penyerahan
penuh gementar tangan menadiah
sengaja doa yang bernama kesyukuran
Ya Rabbi redai dan terimalah.

Ingin kumenghirup
air telaga yang mengalir
penuh air madu dan susu
untuk insan kamil
para sufi dan abid
terhindar dari cela dan dosa
Kau terimalah aku.

Fana asik dan inabah
ingin kusentuh khuda yang tercinta
di bawah segala kekuasaan-Mu
aku berserah cuma
kepada-Mu jua
Tuhan.

Redai dan terimalah
tiap kalimat istighfar
yang kulafazkan
penuh takwa dan khushuk
 demi memohon keampunan-Mu.

Oh, Tuhan yang menjadikan segala maya
dari kelimpahan yang Kau berikan
aku tetap bersyukur
dengan apa yang diterima
namun aku tetap berusaha
itulah adanya.

Entah sampai bila aku mesti berenang
sedang gelombang masih dalam penentuan
sepenuh jiwa raga dan sepenuh kejujuran
namun penyerahan hanya pada-Mu jua
wahai Tuhan aku pasrah.

Kesetiaan mengharap Syurga
keredaan yang dianugerahkan
itulah yang diharapkan.

Sabda Putera Brunei

MENATAP POTRET USANG

Bagai menatap wajah daun di pohon
hijau kuning koko
lembut keras kering
sehelai demi sehelai gugur
bertaburan di tanah
seharusnya
koko mendahului kuning
atau
kuning mendahului hijau
tetapi
kekadang hijau mendahului semua
menurut hukum azali
maha rahsia.

Menatap potret usang
bagai menatap diri lusuh
ada kerinduan terpendam
ada cinta tak kesampaian
ada luka yang tersimpan
sehelai demi sehelai
diari bertambah tebal
sehelai demi sehelai

kertas semakin lusuh
tiba-tiba
hilang satu demi satu
wajah-wajah yang kurindu
yang satu ketika muda
yang satu ketika sasa
Al-Faatihah buat mereka
yang kembali terlebih dahulu.

SI GADIS KECIL

Si gadis kecil itu
di birai jendela
meratapi kehancuran
di depan mata
kezaliman
kematian
dan penderitaan
jadi tontonan sepanjang masa.

Ayah ibu telah tiada
adik, abang, kakak
hilang entah ke mana
peperangan menghancurkan
peperangan menghukum
lalu terjadilah
perpisahan tanpa rela
di medan itu
nyawa bagai tiada harga.

Tujuh malam tujuh hari
siang malam silih berganti
tapi tiada siapa memahami
hanya air mata
jadi teman setia.

Bumi tercinta
terpaksa ditinggalkan
masa depan semakin kelam
kau pertaruhan kepahtian
penderitaan
kekecewaan dan kesedihan
terluka jiwa meronta
hendak melepas diri
dari kancang kehancuran.

Inafarina - 2811

MENJUNJUNG KASIH

Betapa bertuahnya
dilahirkan di bumi ini
inilah negaraku
idolaku
bumi Brunei Darussalam.

Di bawah payungnya
penuh sinaran kata muafakat
meniti ke taman penuh berkat
mengalirlah ketulan emas
kemajuan
di sepanjang kejernihan hati
yang jujur amanah
lebih dikagumi
kita punyai seorang
pemimpin
berjiwa rakyat.

Di kota di desa
diberi kemudahan
berganda-ganda
untuk kesejahteraan semua
apatah lagi yang susah
diberi bantuan segera
sama-sama rasa bahagia.

DAULAT KEBAWAH DULI TUAN PATIK
hamba-hambar duli tuan patik
sangat-sangat menjunjung kasih.

Enny Eng. S.

DALAM SENDU

Dalam sendu
kumenangis
kubersedih
kumenderita
kumerana.

Dalam sendu
kuberkata-kata
kuluarkan rasa
kugoreskan luka
kupadam kobaran membara
dengan simbah air mata
di reruntuhan hampa.

Kuluka
kukecewa
kuhampa
kulelah tak berdaya
semua dalam sendu
berbaur menjadi satu.

Bilakah akan berakhir
keperitan hidup ini
bagaimana harus kuatasi
sendu yang mendalam ini
kuberserah kepada Allah.

Vivi Niqi

Dari muka 12

juga. Nanti bila kau dah pencen, kau akan rasa tugas lain. Tugas yang tak pernah kita buat semasa bekerja di pejabat."

"Aku rasa tidaklah. Aku nak relaks. Tak nak bisnis. Wang pencen setiap bulan aku rasa sudah cukup."

"Kau belum pencen. Manalah kau tahu. Sepatutnya orang nak pencen macam kau, dari sekarang dah buat persiapan."

"Persiapan apa? Aku dah kata tadi, aku tak nak bisnis."

"Itu kata kau sekarang. Nanti dah pencen lain ceritanya. Aku dah memikul berbagai-bagai tugas."

"Jangan bergurau. Kau cuma ada kebun."

"Betul. Tapi aku ada banyak tugas sampingan."

"Jangan nak temberanglah."

"Aku jadi DC. Kadang-kadang jadi DA. Ada pula ketikanya jadi DB."

"Eh apa bendanya yang kau cakap ni Ji. Aku tak fahamlah?"

"DC ertinya driver cucu. DA ertinya driver anak. DB pula ertinya driver bini. Itu baru tugas sebagai driver. Belum termasuk tugas sampingan yang lain."

Hamdi ketawa sendirian bila mengingat istilah yang diberikan oleh Haji Kalusah. Memang dia sering mendengar beberapa istilah mengenai orang pencen seperti RTM, RTB.

"Hamdi, kau boleh tolong aku tak?"

Khayalan Hamdi terbantut. Kedatangan Haji Sarbini membantutkan khayalannya.

"Sekejap lagi aku ada mesyuarat dengan second boss. Aku ada urusan lain. Aku nak ke Pejabat Buruh, nak menguruskan hal pekerja ladang. Kau tolong gantikan aku."

"Mesyuarat itu bukan melibatkan tugas aku. Tapi tugas kau. Minta maaf lah."

"Ala tolonglah. Kau bukan tak tahu, aku paling tak suka mesyuarat. Apa lagi bila dah nak pencen ini," tiba-tiba sebuah fail diletakkan di hadapan Hamdi.

Haji Sarbini berlalu tanpa suara. Hamdi memandangnya dengan pandangan meluat. Dia bosan melihat telatah rakannya sejak kebelakangan ini. Paling culas dan pandai curi tulang. Tugasnya banyak disiapkan oleh orang lain terutama oleh pegawai baru.

"Cik Hamdi. Tuan Pengurus mengajak Cik Hamdi hadir mesyuarat untuk membincangkan rang perbelanjaan tahunan. Katanya mesyuarat itu terpaksa diadakan mendadak. Ada yang perlu dibincangkan dan diteliti mengenai rang perbelanjaan pejabat," setiausaha big boss Hamdi tiba-tiba muncul dan menyampaikan tugas baru. Senyuman setiausaha big boss memukau.

HAMDHI hanya membisu.

Dia bekerja bukan nak mengerjakan pangkat.

Cuma menunaikan kewajipan dan tanggungjawab yang dipikulkan ke bahunya.

Biarlah rezekinya seratus peratus halal.

Tidak ada shubhah.

Yang paling dielaknya mengampu.



Memang di jabatan itu dia menjadi idola. Wajahnya cantik, kulitnya putih kuning, potongan badan, aduhai, suara mengalahkan DJ radio. Paling mengancam, dia masih bujang!

Mata nakal Hamdi tidak lepas peluang mengiringi langkah setiausaha big boss yang bernama Marsini. Lenggangnya cukup mengasyikkan. Fail yang ditinggalkan oleh Haji Sarbini dije-lingnya. Dia menggaru-garu kepala.

"Biarkanlah. Bukan tugas aku. Biar second big boss tahu perangai dan tabiatnya."

Malam itu Hamdi terpaksa membuat kerja pejabat di rumah. Banyak yang mesti diselesaikannya. Big boss mahukan laporan secepat mungkin.

Ketika Hamdi berehat sambil mencuci kaca matanya, Mahani muncul sambil menatang sebuah gelas berisi air jernih.

"Haji Sarbini saya lihat shopping sakan di shopping complex tadi bang. Dia cutikah?"

Hamdi hampir tersedak mendengar hujah isterinya. Dia hanya mendiamkan diri. Dia tahu tembelang Haji Sarbini. Sejak kebelakangan ini dia pandai ponteng kerja.

Mesyuarat, dia suruh orang jadi wakil. Semakin dekat nak pencen, power kerjanya makin longlai. Dia bukan lagi memakai speed dua, tapi sudah bertukar speed satu.

"Kita yang nak pencen, jangan diharap big boss nak pandang. Pangkat, jangan harap nak dibagi pada kita," tergiang-ngiang hasutan iblis dari mulut Haji Sarbini. Dia jauh berbeza dari cara bekerja ketika dulu, ketika masih jauh nak bersara. Semangat kerjanya menyala-nyala. Tak cukup buat kerja di pejabat, di rumah pun dia buat. Sekarang semua kerja jika boleh diserahkan kepada orang lain.

Haji Kalusah bercerita lagi pasal ladangnya. Kali ini katanya ladang itu sudah ketandusan air. Air parit sudah dipindahkan ke tempat lain. Sudahnya ladangnya kekeringan. Paip air jadi penampung untuk membasahi tanaman di ladang itu.

Haji Kalusah bersungut lagi. Katanya orang kerajaan som-bong. Idea dan kemahuannya tak dipakai, tak diendahkan.

Hamdi faham betul dengan sikap Haji Kalusah. Dia panas baran. Kedua, semua idea dan hujahnya mesti diikut. Jika tidak, mulutnya akan bising. Dulu dia pernah menulis surat layang bila orang atasan tidak memberikan dia jawatan yang diidam-idamkannya. Mulutnya bising. Tetapi bila dah dibagi, dia senyap malah tenaga kerjanya lidut.

Amat merugikan negara kerana membayar gajinya yang semakin besar sedangkan sumbangannya tiada. Nil.

"Kau lihat, pangkat yang aku katakan tempoh hari, sudah dibagi kepada orang baru. Orang lama macam kita siapa nak pandang? Jadi apa hasil yang kau dapat? Cuba kau ikut macam aku," Haji Sarbini melahirkan rasa kecewa dan andaian yang tepat.

Hamdi hanya membisu. Dia bekerja bukan nak mengejar pangkat. Cuma menunaikan kewajipan dan tanggungjawab yang dipikulkan ke bahunya. Biarlah rezekinya seratus peratus halal. Tidak ada shubhah. Yang paling dielaknya mengampu.

"Cik Hamdi. Tuan panggil ke biliknya," Marsini, setiausaha big boss menyampaikan hajat ketua mereka. Sekali lagi senyuman manjanya bermain di bibirnya. Hamdi terhibur menerima senyuman manja dan menggodanya. Apa lagi keayuan setiausaha yang menjadi idola pejabat mereka itu dapat dinikmatinya meskipun cuma seketika.

"Ini ada satu jawatan. Kalau awak berminat, isi borang dan hantar secepat mungkin," big boss memberikan borang bersama iklan satu jawatan.

Hamdi menatap sekeping kertas yang tertulis satu jawatan. Jawatan yang memang diimpikan oleh Haji Sarbini tetapi oleh sebab dia putus asa dan menganggap jawatan itu tak akan dibagi kepada mereka yang hendak berpencen, dia jadi culas.

Hamdi merenung wajah ketuanya. Ketuanya pula memandang wajah Hamdi. Hamdi tunduk. Dalam tunduk itu dia terbayang-bayang wajah masam Haji Sarbini.



سنتياس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسون رنچاغن تيليبيشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak
menukar mana-mana
jua rancangan

R A B U 16 JUL	PAGI	10.00	SIARAN TAMAT	5.00	GOLI GOLI BRUNEI - Siaran Langsung	7.20	LENSA PELAJAR	KEHORMATAN SEMPENA HARI KEPUTERAAN
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	PETANG	5.45	BERITA	7.53	AZAN ISYAK	KEBAWAH DUIL YANG MAHA MULIA PADUKA
	6.02	MUTIARA FIRMAN	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.00	8.00	BERITA NASIONAL	SERI BAGINDA SULTAN
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	4.02	MUTIARA FIRMAN	6.38	8.50	DRAMA - PICAYAKAH INDA?	DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI
	9.00	BERITA	4.12	SUSUNAN RANCANGAN	6.45	9.25	MERENTAS KENANGAN	DARUSSALAM YANG KE- 57 TAHUN - Ulangan
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.15	ANIMATION HOUR : 'The Adventure Of Marco Gina'	MALAM	10.00	NEWS AT 10	DOA DAN SIARAN TAMAT
				7.00	LIPUTAN SEMASA	10.30	PU CHU KANG	
						11.00	ISTIADAT PERBARISAN	

K H A M I S 17 JUL	PAGI		9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	6.45	FIQHUL MIRATS		Langsung
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT	4.15	ANIMATION HOUR: THE MAGICIAN/ FRACASSE		MALAM	10.00	NEWS AT 10
	6.02	MUTIARA FIRMAN	PETANG		5.00	ON THE BALL	7.00	SURAH-SURAH PILIHAN		DOKUMENTARI - 'Taman Rekreasi Hutan Bukit Patol'
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung			5.30	BALANCE NATURE	7.25	WARTA ISLAM		WAYANG PILIHAN - 'Mission Impossible'
	9.00	BERITA	4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.45	BERITA	8.00	BERITA NASIONAL	11.00	
			4.02	MUTIARA FIRMAN	6.38	AZAN MAGHRIB	8.50	AN-NUUR - Siaran	12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

J U M A A T 18 JUL	PAGI		11.15	SENI WARISAN MELAYU		BRUNEI - 'B' LEAGUE	5.45	BERITA	8.00	BERITA NASIONAL
			11.30	BERITA	2.30	KUIZ KENALI TANAH	6.00	BUDAYA KITANI	9.00	TABIR
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	11.40	JEJAK RASUL SR. 7 - Ulangan		AIRKU	6.38	AZAN MAGHRIB	9.30	DOKUMENTARI
	6.02	MUTIARA FIRMAN	12.15	BRUM	3.00	PANGGUNG BOLLY-	6.45	BICARA IMAN	10.00	NEWS AT 10
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	12.30	SEMBAHYANG FARDU		WOOD - 'Badhaai Ho			10.40	KHUTBAH JUMAAT
	9.00	BERITA		JUMAAT - Siaran Langsung		Badhaii"		MALAM	10.50	LIGA KEBANGSAAN
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan			3.52	AZAN ASAR				BRUNEI 2003 - 'B' LEAGUE
	10.00	SUSUNAN RANCANGAN			3.58	TAYANGAN GAMBAR	7.00	LIPUTAN SEMASA	11.30	TELEDRAMA -
	10.15	SESAME STREET	1.30	VISI SUCI		- Sambungan	7.20	WARNA-WARNI		'Mencari Diri'
			2.00	LIGA KEBANGSAAN	5.15	TOMORROW'S WORLD	7.52	AZAN ISYAK	12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

S A B T U 19 JUL	PAGI		10.10	ANIMATION HOUR: CLAMITY JANE/ STREET SHARKS	12.33	DOKUMENTARI - Sambungan	3.52 4.15	AZAN ASAR EXPLO MATHS 2003 - 'Grand Final'		MALAM
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	11.00	BIOLOGIC		PETANG		7.00	DUNIA ASIA	
	6.02	MUTIARA FIRMAN	11.30	BERITA			4.45	7.25	WILD FAMILY SECRETS - 'Grizzly Paradise'	
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.40	DRAMA - 'Antara Dua Hati' - Ulangan	1.00	PANGGUNG PETANG SABTU - 'Natural Lies'		7.53	AZAN ISYAK	
	9.00	BERITA				5.45	8.00	BERITA NASIONAL		
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	12.15	DOKUMENTARI : 'Islam Di Brunei'	2.30	KAMPUNG KITA - Ulangan	5.55	8.50	HIBURAN HUJUNG MINGGU	
					3.00	WEIRED TV	6.38	10.00	NEWS AT 10	
	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	12.28	AZAN ZUHUR	3.25	SMALLVILLE	6.45	10.30	TAYANGAN GAMBAR - 'Where The Truth Lies'	
								12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT	

A H A D 20 JUL	PAGI		10.10	SESAME STREET		TOUR BANGKOK, THAILAND - 'Men's Highlight'		Siaran Langsung	7.52	AZAN ISYAK
			11.15	PADA SUATU HARI SR. II				TOYOTA WORLD OF WILDLIFE	8.00	BERITA NASIONAL
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	11.30	BERITA			5.35		8.50	TIRAI KELUARGA - 'Awang Spanar'
			11.40	SUNDAY MATINEE - 'The Lost City Of Sawtooth Island'	2.40 3.25	ROSEWELL MASAK APA?	5.45	BERITA		
	6.02	MUTIARA FIRMAN			3.52	AZAN ASAR	6.15	THAT'S MY BABY	10.00	NEWS AT 10
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	12.28	AZAN ZUHUR	4.00	ANIMATION - 'The Wacky World Of Tex Avery'	6.38	AZAN MAGHRIB	10.30	TIRAI KELUARGA - Sambungan
	9.00	BERITA					6.45	AT TIBBUL ISLAM		
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	PETANG		4.30	YOUNG NTREPRER- NEURS INTERNATIONAL CONFERENCE 2003 - JUARA -	MALAM		11.00	GUINNESS RECORDS : PRIME TIME
	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	1.20 1.45	SPORT PAGE AVIVA ASIAN BOWLIN	5.00		7.00	BRUNEI SIUK	11.50	DOA DAN SIARAN TAMAT

I S N I N	PAGI		Sambungan	4.15	ANIMATION HOUR : CAR-	6.38	AZAN MAGHRIB	8.50	DRAMA - 'Kaca dan	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	10.00	SIARAN TAMAT		TOUCHE PRINCE OF THE	6.45	BIMBINGAN KELUARGA	Permata'	
		KEBANGSAAN				STREET/YOLANDA,			9.25	INFOSIHAT
	6.02	MUTIARA FIRMAN		PETANG		DAUGHTER OF THE	MALAM		10.00	NEWS AT 10
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran	4.00	LAGU KEBANGSAAN		BLACK CORSAIR	7.00	LIPUTAN SEMASA	10.30	SURVIVING DISASTER -
21 JUL		Langsung	4.02	MUTIARA FIRMAN	5.15	SUKAN GLOBAL	7.25	GELAGAT MENUMPAH	11.20	LAUGH YOURSELF SILLY
	9.00	BERITA	4.12	SUSUNAN	5.45	BERITA	7.52	AZAN ISYAK	11.50	DOA DAN SIARAN
	9.15	RAMPAI PAGI -		RANCANGAN	6.00	ENDANGERED	8.00	BERITA NASIONAL		TAMAT

S E L A S A 22 JUL	PAGI		9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.10 4.15	SUSUNAN RANCANGAN ANIMATION : 'UNDER NEPTUNE'S FLAG'	6.45	AL-ISLAM	8.50 9.20	TINJAUAN E2K - DUNIA KOPERASI - 'Koperasi Kg. Tanjong Maya'
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT	5.00	NATURAL HISTORY - 'Twenty Years With The Dolphins'	7.00	DRAMA - 'Meniti Benang Sutera' - Ulangan	10.00	NEWS AT 10
	6.02	MUTIARA FIRMAN	PETANG			BERITA		DOKUMENTARI	10.30	ER - 'Fight Of Fanky'
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.05	DRAMA - 'Nekad' - Ulangan	7.30 7.52		11.30	MDA - 'Quid Pro Quo'
	9.00	BERITA	4.02	MUTIARA FIRMAN	6.38	AZAN MAGHRIB	8.00	BERITA NASIONAL	12.20	DOA DAN SIARAN TAMAT

Dari muka 2

Ini membuktikan bahawa hukum syarak masih dijalankan di Brunei pada masa itu. Hukuman potong tangan bagi kesalahan mencuri termaktub di dalam Hukum Kanun Brunei yang berbunyi:

Adapun pada hukum Allah Taala orang mencuri tiada harus dibunuh melainkan dikudung tangannya jua.⁴⁷

Ini bertepatan dengan firman Allah Taala dalam Surah Al-Maa'idah ayat 38 tafsirannya:

"Dan orang lelaki yang mencuri dan orang perempuan yang mencuri maka (hukumnya) potonglah tangan mereka sebagai satu balasan dengan sebab apa yang mereka telah usahakan, (juga sebagai) suatu hukuman pencegah dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana."⁴⁸

W.H. Treacher juga pernah menyaksikan hukuman bunuh dijalankan ke atas seorang penjenayah di Brunei bernama Maidin. Ia adalah anak seorang pembesar yang disayangi oleh sultan tetapi disebabkan kesalahannya merompak, merampas harta benda orang dan membunuh, Maidin telah ditangkap dan dijatuhkan hukuman bunuh.⁴⁹

KESIMPULAN

Setelah mengikuti perbincangan dalam rencana ini pada keseluruhannya penulis dapat mengambil beberapa kesimpulan antaranya ialah:

1. Pengiran Syahbandar menguasai teknik penulisan syair. Dalam zaman di mana karya sastra sukar diperolehi, penulis kira kebolehan mengadun dan mengolah syairnya yang mempunyai keseimbangan antara isi dan bentuknya adalah cukup menarik. Kalimat syairnya dipilih bagi yang hampir tepat untuk menyampaikan maksudnya.

2. Pengiran Syahbandar dengan syairnya ini penulis kira telah mendahului zamannya, kerana bidang yang diceburinya tidak segera mempunyai kesinambungan. Untuk jangka masa hampir satu abad, tidak ada siapa yang segera mengikut jejaknya. Bagaimanapun kesunyian alam sastra Brunei berbentuk puisi akhirnya disikapi oleh Pehin Siraja Khatib Awang Abdul Razak bin Hasanuddin dengan "Syair Yang Dipertuan"nya, Al-Marhum Sultan Omar Ali Saifuddin dengan beberapa buah syairnya antaranya syair Nasihat, Syair Rajang Hari, Syair Jenaka, Syair Perlembagaan dan lain-lain. Selain dari kedua-dua tokoh di atas banyak lagi penyair-penyair dari Brunei muncul bagai cendawan di musim hujan.

3. Pengiran Syahbandar mempunyai pandangan yang jauh. Beliau dapat melihat apa yang tersirat melalui apa yang tersurat. Beliau dapat menyelami isi hati dan niat bangsa-bangsa lain yang datang ke Brunei walaupun pada zamannya manis tapi ada udang di sebalik batu.

Ramalan-ramalan beliau sendiri berlaku dan menjadi kenyataan selepas beliau mangkat di mana satu demi satu wilayah Brunei yang luas akhirnya terhakis dan terlepas dari genggaman Brunei sendiri. Puncaknya adalah satu iaitu kecederikan dan kebijaksanaan bangsa asing dalam berhujah, diplomasi mahupun ketenteraan. Ini kerana bangsa asing itu celik dan mempunyai pelajaran.

Sebab itu dalam mendekati mereka haruslah berhati-hati

dan waspada. Pengiran Syahbandar juga melihat pentingnya diadakan sistem pelajaran yang baik (sekolah), sistem perubatan yang baik (hospital), pasukan keselamatan yang baik (askar), perjalanan ekonomi yang baik dan lain-lain. Sedangkan perkara-perkara yang disebutkan itu belum pun wujud dalam zamannya. Ini menunjukkan beliau memandang jauh ke hadapan faktor-faktor yang boleh mengangkat martabat bangsa dan negara.

4. Melalui Syair Rakis ini, kita dapat merasakan jiwa nasionalisme yang tebal pada Pengiran Syahbandar. Kecintaannya kepada rajanya dan tanah airnya mengatasi segala-galanya. Pengiran Syahbandar mengingatkan para pembesar Brunei pada masa itu supaya jangan lalai dan leka dengan kesenangan dan kenikmatan yang diperolehi, sehingga menyebabkan urusan kenegaraan terabai yang mungkin akan diambil kesempatan oleh orang-orang yang berniat jahat atau musuh dalam selimut.

5. Walaupun karya sastra bukan catatan sejarah, tetapi karya Pengiran Syahbandar mengandungi beberapa fakta sejarah dalam zamannya, ini menunjukkan karyanya adalah jelas berpijak di bumi nyata, beliau menulis apa yang dilihat dan dirasanya di samping melontarkan falsafah, pandangan dan pemikirannya yang kritis dan mendalam.

6. Karya sastra seperti ini juga dapat menjadi sumber rujukan tambahan bagi melihat situasi dan kehidupan dalam zamannya. Kita yakin bahawa Pengiran Syahbandar menceritakan yang benar dan bukan khayalan atau rekaan semata-mata. Oleh sebab itu, keterangan-keterangan dalam syairnya berhubung dengan kedudukan ajaran Islam dan hukum-hakamnya yang berjalan di Brunei semasa hayatnya adalah keterangan yang dapat diterima.

7. Dalam syairnya ini juga Pengiran Syahbandar telah membuktikan kebenaran peribahasa Melayu bahawa 'jauh perjalanan banyak pengalaman, dan lama hidup banyak dirasa'. Ia telah menyebut perkembangan dan peristiwa yang berlaku di lain-lain tempat yang mungkin tidak diketahui oleh anak tempatan dalam zamannya. Sebagai seorang intelek dan seorang yang suka mengembara, hal yang sedemikian tidaklah menghairankan bahkan telah mengangakat lagi kedudukannya sebagai seorang yang berpengetahuan.

8. Melalui syairnya juga kita dapat melihat kecenderungan kepada agama. Ungkapan-ungkapan syairnya yang berunsur Islam dan pemilihan kata-kata dalam syairnya yang banyak diambil dari bahasa Arab adalah membuktikan perkara ini.

9. Akhirnya, berdasarkan fakta-fakta yang disebutkan tidak berlebihan rasanya kalau penulis katakan bahawa Pengiran Syahbandar merupakan perintis kesusasteraan Melayu Brunei. Sebelumnya tidak ada tokoh, dan selepasnya pula Brunei mengalami 'vacuum' yang panjang sehinggalah munculnya beberapa tokoh baru seperti yang disebutkan di atas sekitar tahun 1950-an.

NOTA Hujung

²⁶Setelah mangkat Sultan Omar Ali Saifuddin II, Pengiran Anak Abdul Momin kemudiannya menaiki takhta pada tahun 1852. Lihat ibid., hlm. 3. Panggilan tersebut dirakamkan oleh beliau dalam syairnya: Tiada berapa antara batak/ Tatkalat dagang di negeri Mukah/ Datanglah orang membawa warkah/ Titah dipanggil duli Khalifah. Lihat

ibid., hlm. 14.

²⁷Ibid., hlm. 14.

²⁸Ibid., hlm. 15.

²⁹Joan Rawlins, op.cit., hlm. 68.

³⁰Ibid.

³¹Ibid., hlm. 20.

³²Ibid., hlm. 21.

³³D.S. Ranjit Singh, Brunei 1839-1983, hlm. 65. Lihat juga Pengiran Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman, 'Kemasukkan dan Perkembangan Islam Di Borneo British Dengan Tumpuan Khas Ke Atas Brunei Darussalam (Abad 13-20 Masihi)', Tesis Ph. D (Universiti Malaya, 1991), hlm. 87.

³⁴Pengiran Syahbandar Muhammad Salleh, Syair Rakis, hlm. 17.

³⁵Ibid.

³⁶Ibid., hlm. 21.

³⁷Ibid., hlm. 23.

³⁸Sabihah binti Osman, op.cit., hlm. 16.

³⁹Pengiran Syahbandar Muhammad Salleh, Syair Rakis, hlm. 19.

⁴⁰Ibid., hlm. 19. Perkataan 'ghani' dalam bait ini diambil dari bahasa Arab yang bererti 'maha kaya'.

⁴¹Ibid. Perkataan 'ter'ala' atau 'ter'ula' dalam bait ini juga diambil dari bahasa Arab yang bererti 'tertinggi'.

⁴²Ibid., hlm. 19.

⁴³Ibid.

⁴⁴Ibid., hlm. 19.

⁴⁵Ibid., hlm. 1.

⁴⁶W.H. Treacher, 'British Borneo: Sketch of Brunei, Sarawak, Labuan and North Borneo', dlm. Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society, Vol. 20, (1880), hlm. 31-40.

⁴⁷Pehin Dato (Dr.) Haji Mohd. Jamil Al-Sufri, Catatan Sejarah Perwira-Perwira dan Pembesar-Pembesar Brunei (Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1973), hlm. 118. Hukum Kanun Brunei yang mengandungi 47 fasal itu, sekurang-kurangnya 29 fasal atau lebih separuh daripadanya adalah mengandungi unsur-unsur Islam. Lihat Pengiran Haji Mohammad, op.cit., hlm. 250-252. Contohnya antara lain, hukuman bagi orang yang mencuri dipotong tangan dan hukuman bagi orang yang membunuh dibalas bunuh (qisas) yang mana hukuman-hukuman tersebut adalah mengikut syariat Islam, terdapat dalam Hukum Kanun Brunei. Kitab ini juga menerima pengaruh yang banyak dari Hukum Kanun Melaka.

⁴⁸Sheikh Abdullah Basmeih, Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1988), hlm. 257.

⁴⁹W.H. Treacher, op.cit., hlm. 41.

RUJUKAN

1. Pengiran Syahbandar Muhammad Salleh Ibn Pengiran Syarmayuda, Syair Rakis. Penyusun: Dato Paduka Haji Mohd. Jamil. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1965.

2. H. Keppel, The Expedition to Borneo H.M.S. Dido for Suppressions of Piracy, Vol. 1., 3rd Edition. London: Chapman & Hall, 1946.

3. Dr. J. Kathirithamby-Wells, 'Sarawak dan Sabah: Asal Usulnya', dlm. Sejarah Malaysia Sepintas Lalu.

Penyusun: Prof. Datuk Zainal Abidin Wahid. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1983.

4. Joan Rawlin, Sarawak 1839-1969. London: Macmillan, 1969.

5. Hugh Low, Sarawak: Its Inhabitants and Productions. London: Fank Cass, 1968.

6. Graham Irwin, Borneo Abad Ke Sembilan Belas: Kajian Mengenai Persaingan Diplomati. Terjemahan: Mohd. Noor Ghani dan Noraini Ismail. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986.

7. D.S. Ranjit Singh, 'The Development of Native Administration in Sabah 1877-1946', dlm. Commemorative History of Sabah 1881-1981 edited by Anwar Sullivan and Cecilia Leong, Sabah State Government, 1981.

8. D.E. Brown, Brunei: The Structure and History of A Bornean Malay Sultanate. Monograph of the Brunei Museum Journal. VI. 2., No. 2, 1970.

9. P. Lays, 'Observations on the Brunei Political System 1883-85', dlm. Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society, XLI, Pt. 2, December, 1968.

10. Haji Buyong Adil, Sejarah Sarawak. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1973.

11. Sabihah binti Osman, 'Malay-Muslim Political Participation in Sarawak and Sabah 1841-1951', Ph. D Thesis. England: The University of Hull, 1983.

12. P.L. Amin Sweeney, 'Silsilah Raja-Raja Brunei', dlm. Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society, Vol. 41, Pt. 2, 1968.

13. G.C. Jacob, The Rajahs of Sarawak. Vol. 1. London: Macmillan, 1876.

14. E. Hann, James Brookes of Sarawak. London: Arthur Barker, 1953.

15. St. John, The Life of Sir James Brooke, Rajah of Sarawak. Edinburgh: W. Blackwood, 1879.

16. Nicholas Tarling, British, The Brookes and Brunei. Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971.

17. D.S. Ranjit Singh, Brunei 1839-1983: The Problems of Political Survival. Singapore: Oxford University Press, 1984.

18. Gilbert Khoo dan Dorothy Lo, Asia Dalam Perubahan. Kuala Lumpur: Heineman Educational Books, 1986.

19. Pengiran Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman, 'Kemasukan dan Perkembangan Islam di Borneo British Dengan Tumpuan Khas Ke Atas Negara Brunei Darussalam (Abad 13 - 20 Masihi)', Tesis Ph. D Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1991.

20. Pehin Dato (Dr.) Haji Mohd. Jamil Al-Sufri, Catatan Sejarah Perwira-Perwira dan Pembesar-Pembesar Brunei. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1973.

21. Sheikh Abdullah Basmeih, Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1988.

22. W.H. Treacher, 'British Borneo: Sketch of Brunei, Sarawak, Labuan and North Borneo', dlm. Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society, Vol. 20, (1880).

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soalan tercatat.

1. Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah memperkenalkan penubuhan sebuah Jawatankuasa Kebangsaan Tabung Bantuan Kemanusiaan Rakyat Iraq. Bilakah serangan tentera bersekutu ke atas Iraq bermula?

- a) 20 Mac
- b) 21 Mac
- c) 22 Mac

2. Pada temasya Pesta Sukan Kkebangsaan Ke-VI yang lalu, Daerah Brunei dan Muara mengekalkan kejuaraan dengan pungutan pingat berjumlah?

- a) 40 emas 28 perak 88 gangsa
- b) 41 emas 29 perak 89 gangsa
- c) 42 emas 27 perak 90 gangsa

3. Apakah tema Hari Kesihatan Sedunia tahun ini?

.....

.....

.....

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN

ALAI PINTAR

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya dihadkan untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang menjawab dengan tepat.
2. PELITA BRUNEI menyediakan hadiah-hadiah menarik seperti alat tulis atau buku-buku.

TARIKH TUTUP

1. Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.
- Jawapan Alai Pintar keluaran 25 Jun 2003.
1. A. 2. B. 3. 'Bentuk kehidupan masa depan persekitaran sihat untuk kanak-kanak'.

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 590

Nama :

.....

.....

Umur :

.....

Alamat :

.....

.....

Telefon rumah (jika ada) :

.....

Sekolah :

.....

Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai Pintar, 590,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

PEMENANG ALAI PINTAR KELUARAN 25 JUN 2003

MUHD. NURFAKHRI BIN SHAMSUL,
NO. 113, SPG. 637-84-127,
STKRJ, KG. LAMBAK KIRI,
BB 1114.
UMUR : 6 TAHUN
SEKOLAH PGGMB LAMBAK

AIDA MAJDAH BINTI HAJI MOHAMMAD,
NO. 11 SPG. 66-109,
KG. BENGKURONG,
BF1920.
UMUR : 7 TAHUN
SEKOLAH RENDAH AMAR PAHLAWAN

DZULAZRI BIN AZMAN,
NO. 48, KAMPONG SURAN,
TUTONG TA 1741.
UMUR : 6 TAHUN
SEKOLAH RENDAH MUDA HASHIM,
TUTONG.

Tabung Kemanusiaan Kemboja terus terima sumbangan

BERAKAS, 2 Julai. - Pusat Da'wah Islamiah selaku Urusetia bagi Tabung Kemanusiaan Rakyat Islam Kemboja terus menerima sumbangan derma yang sangat menggalakkan daripada orang ramai dan syarikat-syarikat.

Sehubungan dengan itu Pusat Da'wah Islamiah selaku Urusetia bagi tabung berkenaan hari ini telah menerima tiga sumbangan derma Koperasi Persatuan TIBA, Syarikat Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusof dan Anak-Anak dan orang perseorangan.

Sumbangan Koperasi Persatuan TIBA ialah sekeping cek yang bernilai \$2,000.00 yang disampaikan oleh Pengerusinya, Dato Paduka Awang Haji Yaakub bin Haji Ahmad, manakala Sumbangan Syarikat Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusof dan Anak-Anak berupa sekeping cek yang bernilai \$3,250.00 dan 200 buah Mushaf serta 16 kotak pakaian yang disampaikan oleh Awang Haji Yaakub bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof.

Sementara sumbangan orang perseorangan dari Kampong Lambak berupa 13 gulung karpet sejad dan 50 helai telekung yang disampaikan oleh Dk. Hajah Norul Azidah binti Pg. Haji Omarali.

Ketiga-tiga sumbangan derma itu telah diterima oleh Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Dato Seri Setia Ustaz Haji Adam bin Haji Ahmad dan Timbalannya, Dayang Hajah Zasia binti Sirin berlangsung di Pusat Da'wah Islamiah di sini.

Menurut kenyataan Pusat Da'wah Islamiah selaku Urusetia Tabung Kemanusiaan Rakyat Islam

Oleh
Aliddin HM

Kemboja di mana penghantaran pertama sebanyak 1,000 buah Mushaf Brunei dan 35 kotak pakaian serta keperluan sembahyang telah dilaksanakan pada 18 Februari 2003 dan penghantaran kali keduanya dijangka

akan dilaksanakan penghujung bulan Julai ini.

Setakat ini, Pusat Da'wah Islamiah selaku Urusetia tabung berkenaan telah menerima dan mengumpulkan lebih 300 kotak Mushaf, pakaian keperluan sembahyang dan kitab-kitab agama serta wang yang terkumpul dalam Bank TAIB sejumlah \$25,364.10.



PENGARAH Pusat Da'wah Islamiah, Dato Seri Setia Ustaz Haji Adam yang juga selaku Jawatankuasa Penyelaras Tabung Bantuan Kemanusiaan Rakyat Islam Kemboja ketika menerima sumbangan derma daripada Koperasi Persatuan TIBA yang disampaikan oleh Pengerusinya, Dato Paduka Awang Haji Yaakub bin Haji Ahmad berupa sekeping cek yang bernilai \$2,000.00 berlangsung di Pusat Da'wah Islamiah (atas). Sementara gambar bawah, Timbalannya, Dayang Hajah Zasia pula menerima derma sumbangan Dk. Hajah Norul Azidah dari Kampong Lambak. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.



Pasukan Polis prihatin terhadap keamanan negara

TUTONG, 27 Julai. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) yang berperanan sebagai salah sebuah agensi penguat kuasa undang-undang dan peraturan di negara ini sangat prihatin kepada sebarang kejadian yang dilakukan oleh pihak-pihak tertentu khususnya yang mengugut keselamatan dan ketenteraman negara.

Justeru dalam meningkatkan kewaspadaan kepada masyarakat di negara ini, PDB meneruskan taklimat antara pegawai-pegawai kementerian dengan Ahli-Ahli Jawatankuasa Pengawasan Kejuruan Kampung Daerah Tutong berlangsung di Sekolah Rendah PDNPJ Sengkarai.

Antara yang disentuh dalam taklimat tersebut termasuk mengenai kes-kes jenayah yang sering berlaku di daerah itu seperti kemalangan jalan raya,

Oleh
Abu Bakar HAR

pecah rumah dan sebagainya.

Hadir di Majlis Perjumpaan itu ialah Timbalan Pengarah Siasatan Jenayah I, Penguasa Kanan Abdul Rahim yang juga Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Pengawasan Kejuruan Kampung Seluruh Negara.

Dalam ucapan beliau antara lain menyeru Ahli-Ahli Pengawasan Kejuruan Kampung dan Mukim khususnya penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung bekerjasama rapat dengan pihak polis terutama dalam melaporkan sebarang kejadian yang boleh mengganggu keamanan serta ketenteraman masyarakat sekeliling sekali gus membantu PDB membanteras serta mengu-

rangkan kadar kejadian jenayah.

Manakala taklimat yang disampaikan oleh DSP Pg. Haji Zainal menjelaskan mengenai peratus kejadian kemalangan khususnya kemalangan jalan raya dan kejadian yang membabitkan kecederaan serta kes-kes yang menyentuh ketenteraman awam di daerah itu.

Perjumpaan yang boleh merapatkan hubungan antara anggota polis dan masyarakat mukim dan kampung tentunya dapat membuahkan fikiran serta berkongsi maklumat khususnya dalam sama-sama menjaga keamanan dan ketenteraman negara.

PDB akan meneruskan taklimatnya pada pertengahan bulan Julai ini di Daerah Temburong setelah mengadakan taklimat yang sama minggu lalu di Daerah Belait.



SETIAUSAHA Tetap KPSSU, Dato Paduka Awang Haji Idris menyaksikan pelbagai jualan dan pameran sejour merasmikan Bazar Jualan anjuran Majlis Perniagaan Wanita Negara Brunei Darussalam. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

Pengusaha tempatan disaran menerokai pasaran eksport

Oleh
Abu Bakar HAR

tempatan akan banyak bergantung kepada pembabit dan kerjasama dari semua pihak, di samping pengusaha itu sendiri perlu menghasilkan produk yang bermutu dan daya saing serta dapat memenuhi cita rasa pengguna.

Dato Paduka Awang Haji Idris berkata demikian sewaktu merasmikan Bazar Jualan bagi mempromosikan produk-produk peng-

usaha tempatan berlangsung di Bangunan Persatuan Guru-Guru Melayu Brunei di ibu negara.

Untuk mencapai apa yang dihasratkan, Dato Paduka menyeru masyarakat tempatan sebagai pengguna memberi sokongan dan sumbangan berbentuk sosial dengan memberikan keutamaan membeli barangan keluaran tempatan.

Manakala mereka yang terbabit dengan pasar raya dan gedung-gedung perniagaan serta ejen-ejen peng-

edar perlu menyemai sikap kenegaraan dalam membantu memasarkan barangan tempatan agar penderaannya meliputi pasaran yang meluas di luar negeri.

Dalam hal ini pihak yang terbabit wajar memberi khidmat dalam mendukung usaha kerajaan demi merangsang pembangunan industri tempatan dan mengangkat daya keusahawanan bagi memastikan produk-produk tempatan menguasai pasaran domestik yang merupakan elemen penting sebagai aspek perkembangannya menerokai pasaran eksport, jelasnya.

Beliau menyeru agar pihak terbabit dalam pemasaran tersebut mengambil langkah proaktif dan positif dalam menyediakan ruang pasaran bagi produk tempatan untuk membolehkan produk tempatan dapat menarik perhatian pengguna.

Bazar Jualan anjuran Majlis Perniagaan Wanita dikendalikan sama oleh Syarikat Ridah menyediakan lebih 40 buah petak jualan disertai oleh 32 buah syarikat dengan kadar sewa kira-kira \$500.00.

Bazar selama 10 hari itu antara lain bertujuan untuk mempromosikan produk-produk hasil tempatan kepada orang ramai, di samping menggalakkan pengusaha-pengusaha wanita menyertai kegiatan seperti itu.



PASUKAN Polis Diraja Brunei yang diketuai oleh Timbalan Pengarah Siasatan Jenayah I, Penguasa Kanan Abdul Rahim ketika memberi taklimat yang berlangsung di Sekolah Rendah PDNPJ Sengkarai, Tutong. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

IMA DAP U- U UAR A

poran Haji Ahat HI
ambar-gambar oleh
R, Haji Masmaleh HMA
an Abdullah HAD

erkenan-
ah Tim-
Menteri
ang Ter-
ransi dan
peephan
ak-anak
dan
nsi.

an ialah
Sarawak,
erhormat
Sri (Dr.)
uib bin
eri, Yang
Patinggi

engadap
al Ehwal
uan Yang
Surakiart
eri.

yang
ap ialah
onan Re-
ang Ber-
Angelo
ri, Puan
ula ialah

Menteri Perdagangan Da-
lam Negeri dan Hal Ehwal
Pengguna Malaysia, Yang
Berhormat Tan Sri Dato'
Muhyiddin bin Haji Mohd.
Yassin dan isteri, Puan Sri
Datin Norainee Haji Abd.
Rahman.

Disusuli selepas itu
Ketua Menteri Sabah, Yang
Amat Berhormat Datuk
Musa bin Haji Aman dan
isteri, Datin Hajah Faridah
Haji Tussain.

Diikuti selepas itu
Menteri Sosial Republik
Indonesia, Tuan Yang Ter-
utama Bachtiar Chamsyah
dan isteri, Ibu Hajah Ro-
sidah Bachtiar Chamsyah.

Akhir sekali mengadap
ke hadapan majlis baginda
berdua ialah Menteri Bagi
Pembangunan Masyarakat
dan Sukan, yang juga Men-
teri Yang Bertanggung-
jawab Hal Ehwal Islam,
Republik Singapura, Tuan
Yang Terutama Profesor
Yaacob Ibrahim.



KEBAWAH Duli Yang Maha
Mulia berkenan menerima
mengadap Ketua Menteri
Sabah, Yang Amat Ber-
hormat Datuk Musa bin
Haji Aman (atas kiri) dan
Menteri Hal Ehwal Luar
Thailand, Tuan Yang Ter-
utama Dr. Surakiart Sathi-
rathai (atas kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha
Mulia berkenan menerima
mengadap Menteri Per-
dagangan Dalam Negeri
dan Hal Ehwal Pengguna
Malaysia, Yang Berhormat
Tan Sri Dato' Muhyiddin bin
Haji Mohd. Yassin (kiri) dan
Menteri Sosial Republik
Indonesia, Tuan Yang Ter-
utama Bachtiar Chamsyah
(kanan).



BAGINDA berdua berkenan merakamkan gambar kenangan bersama
Setiausaha Pertahanan Republik Filipina, Yang Berhormat Jeneral Angelo
Reyes dan Puan Teresita Reyes sejurus selepas Majlis Mengadap (kanan).
Sementara gambar atas, baginda berkenan menerima mengadap Menteri
Bagi Pembangunan Masyarakat dan juga Menteri Yang Bertanggungjawab
Hal Ehwal Islam Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Profesor Yaacob
Ibrahim.



na mengadap Puan Repeepshan Dabbaransi, isteri Timbalan Perdana Menteri
Sementara gambar atas kiri, baginda berkenan menerima mengadap isteri
adap Puan Sri Datin Norainee Haji Abdul Rahman, isteri Menteri Perdagangan

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima mengadap isteri Ketua Menteri Sabah, Datin Hajah Faridah Haji
Tussain (kiri) dan isteri Menteri Sosial Republik Indonesia, Ibu Hajah Rosidah Backtiar Chamsyah.

Lawatan Timbalan Perdana Menteri Malaysia



YANG Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia ketika menjawab soalan para wartawan di sidang akhbar di Empire Hotel and Country Club, Jerudong. - Gambar oleh Hamadi HM.

Mesyuarat peringkat pegawai mengenai isu Limbang diadakan 22 Julai 2003

BANDAR SERI BEGAWAN, 7 Julai. - Mesyuarat peringkat pegawai di antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia akan diadakan pada 22 Julai ini bagi membincangkan isu Limbang dan membolehkan bagi kedua-dua buah negara mengemukakan pandangan serta formula terbaik bagi penyelesaian isu tersebut.

Perkara itu dinyatakan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi di sidang akhbar selepas menghadiri Majlis Ramah Mesra dan Sesi Dialog bersama rakyat Malaysia yang berada di negara ini berlangsung di Suruhanjaya Tinggi Malaysia di sini.

Di sidang akhbar tersebut Yang Amat Berhormat menegaskan kerajaan akan memastikan sebarang keputusan berhubung isu Limbang di Sarawak tidak akan menjejaskan hubungan Malaysia dan Negara Brunei Darussalam.

"Malaysia juga begitu komited dan serius untuk menangani isu tersebut agar ia tidak berlarutan terlalu lama," tambah Yang Amat Berhormat.

Yang Amat Berhormat juga berharap agar hasil dari mesyuarat yang akan diadakan dalam tempoh yang terdekat ini nanti akan memberikan kebaikan kepada kedua-dua negara.

Pada sidang akhbar itu, Yang Amat Berhormat juga memberitahu bahawa isu Limbang turut disentuh dalam temuannya bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan baginda juga turut memberi harapan agar isu tersebut dapat diselesaikan secara baik.

Dari segi bentuk penyelesaian isu Limbang itu pula, Yang Amat Berhormat me-

Oleh
Ak. Jefferi PD

nerangkan bahawa Malaysia tidak boleh membuat andaian dari segi bentuk rundingan tetapi secara prinsipnya penyelesaian itu mesti menguntungkan kedua-dua buah negara atau prinsip 'menang-menang'.

"Sebab itu kita sendiri amat mengharapkan keputusan itu nanti akan membawa kebaikan dan tidak menjejaskan langsung hubungan dua hala kedua-dua buah negara," tegas Yang Amat Berhormat.

Terdahulu, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia dalam temuannya bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga

menegaskan bahawa Malaysia akan menyelesaikan isu Limbang sebelum beliau bersara Oktober depan.

Limbang di utara Sarawak yang lokasinya terletak di antara Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Temburong mempunyai keluasan 3,978 kilometer persegi dan didiami penduduk terdiri dari bangsa Melayu, Lun Bawang, Cina, Kedayan, Iban, Bisaya, Kelabit, Tagal dan Punan.

Limbang menjadi sebahagian Sarawak ketika pemerintahan Charles Brooke pada 1890 dan apabila Sarawak mencapai kemerdekaan menjadi sebahagian Malaysia pada 1963. Limbang kekal sebagai sebahagian negeri itu.

Perjalanan dari Bandar Seri Begawan ke Limbang cuma mengambil masa 30 minit menggunakan bot laju

dan ianya lebih dekat dari Pekan Bangar di Daerah Temburong.

Timbalan Perdana Menteri Malaysia berserta rombongan berada di negara ini bagi lawatan rasmi selama tiga hari. Semenjak menjalin hubungan diplomatik pada tahun 1984, hubungan Negara Brunei Darussalam dan Malaysia terus bertambah kukuh dan erat.

Sebelum Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan, hubungan kedua-dua buah negara memang sudah sedia terjalin, keakraban hubungan kedua-dua buah negara sangat ketara dalam konteks dua hala, malahan hubungan kekeluargaan di kalangan keluarga diraja serta pemimpin juga turut menyumbang kepada hubungan yang baik lagi mesra.

BRUNEI - MALAYSIA TEROKAI BIDANG KERJASAMA LEBIH LUAS

JERUDONG, 8 Julai. - Negara Brunei Darussalam dan Malaysia akan terus bekerjasama meneroka lebih luas bidang-bidang kerjasama termasuk ekonomi.

Oleh Samle HJ

Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi berkata Malaysia memang berhasrat bekerjasama dengan Negara Brunei Darussalam menerusi banyak peluang dan sudah tentu memberi manfaat bagi meningkatkan hubungan kedua-dua buah negara.

"Begitu juga Malaysia, mahu pelabur-pelabur dari Negara Brunei Darussalam mengambil bahagian dalam pembangunan ekonomi Malaysia dan dengan itu hubungan kerjasama perlu ditingkatkan," jelasnya kepada pemberita pada Sidang Akhbar sempena lawatan Yang Amat Berhormat ke Negara Brunei Darussalam di Empire Hotel dan Country Club petang tadi.

Ketika ditanya mengenai pencapaian perdagangan, Timbalan Perdana Menteri Malaysia menjelaskan kedua-dua buah negara perlu meningkatkan lagi usaha di bidang berkenaan, di samping mempelbagaikan kegiatan dua hala yang diadakan ketika ini.

"Kita boleh elokkan bidang itu supaya hasil-hasilnya akan lebih bertambah daripada apa yang kita dapat pada waktu itu," ujarnya.

Timbalan Perdana Men-

teri Malaysia juga melahirkan rasa gembira sambil menyifatkan lawatan ke Negara Brunei Darussalam sebagai berjaya.

Katanya, sempena lawatan pertama itu, Yang Amat Berhormat diperkenankan mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan berpeluang membincangkan perkara-perkara yang berkaitan hubungan dua hala di antara Malaysia dan Negara Brunei Darussalam.

"Yang mengemirakan ialah saya telah mendapat kepastian daripada Baginda Sultan bahawa baginda mahu supaya hubungan dua hala Brunei - Malaysia dikembangkan lagi dan dikukuhkan meliputi pelbagai sektor," ujarnya.

Yang Amat Berhormat menjelaskan hasrat itu juga menjadi harapan Malaysia di mana Brunei sebagai negara jiran mempunyai banyak perkara yang boleh dikatakan sama dan kerjasama yang diusahakan itu akan saling menguntungkan.

Dalam pada itu, Timbalan Perdana Menteri juga menjelaskan beberapa kepastian telah diterima mengenai perkara-perkara berhubung kait isu yang belum diselesaikan lagi dan yakin dapat diselesaikan menerusi perbincangan-per-

bincangan yang diadakan tidak lama lagi.

Yang Amat Berhormat juga yakin kedua-dua negara akan menyelesaikan isu-isu itu secepat mungkin dan akan mendapat kejayaan dengan hasrat kedua-dua negara.

Menyentuh isu Kad Pengenalan Pintar (KPP) Yang Amat Berhormat menjelaskan sekalipun perkara itu tidak dibincangkan secara panjang tetapi beliau melihat perkara itu tidak menjadi masalah untuk diselesaikan.

"Apa lagi isu tersebut juga mendapat reaksi positif daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mengambilkatah penggunaan Kad Pengenalan Pintar membawa banyak kebaikan," jelas YAB.

Timbalan Perdana Menteri menambah dengan pemakaian KPP nanti akan mengurangkan penggunaan banyak dokumen sekali gus akan memberi kemudahan perjalanan lalu lintas kepada rakyat kedua-dua buah negara.

Yang Amat Berhormat juga menganggapi sebagai kenyataan yang positif dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Awal dari itu, Yang Amat Berhormat yang mengakhiri lawatan hari itu juga berharap Brunei akan dapat membangun dengan pesat lagi berasaskan kepada rancangan yang telah diutar.

Timbalan PM Malaysia sifatkan lawatannya berjaya

Oleh
Haji Ahmad HS

BERAKAS, 9 Julai. - Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia menyifatkan rangka lawatan beliau selama tiga hari ke negara ini sebagai berjaya.

Yang Amat Berhormat telah diperkenankan mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta berpeluang membincangkan perkara-perkara yang

berkaitan hubungan dua hala bersama baginda.

YAB meluahkan rasa gembira kerana mendapat kepastian dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa hubungan dua hala antara Brunei dan Malaysia dikembang dan dikukuhkan lagi merangkumi pelbagai sektor.

YAB mengakhiri lawatan tiga hari dengan Majlis Perpisahan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei di sini.

Mengucapkan selamat jalan kepada YAB ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Yang

Dimulakan Pehin Orang Kaya Setia Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Ali yang juga selaku menteri pengiring kepada YAB Dato' Seri Abdullah.

YAB menaiki pesawat bagi meneruskan lawatannya ke Manila.

Sepanjang lawatan YAB juga mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan mengadakan perjumpaan bersama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himamah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.



TIMBALAN Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah dan isteri bersalaman bersama pegawai-pegawai kerajaan dan Suruhanjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam sebelum berlepas ke Manila. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

PUISI

KITA MANUSIA

Manusia adalah satu hidupan
sebaik-baik makhluk ciptaan Tuhan
ada manusia yang suka kebaikan
ada juga suka membuat kejahatan
setiap manusia sama buatan
iman saja yang memberi perbezaan.

Manusia berbeza dengan haiwan
kerana kita diberi akal fikiran
kerana kita mempunyai kewajiban
kerana kita berilmu pengetahuan.

Kita adalah hamba Tuhan (Allah)
cuma sementara saja kehidupan
menyembah-Nya adalah satu kewajiban
yang wajib untuk kita lakukan.

Manusia sempurna dari makhluk lain
tapi hakikatnya manusia banyak kelemahan
banyak yang cuai dalam menunaikan
kewajiban
sedangkan nikmat Tuhan tidak lupa
curahkan.

Banyak manusia yang panas baran
sedangkan Tuhan Maha Pengampun
kesalahan
ternyata Tuhan berkuasa di seluruh alam
wahai manusia janganlah engkau sombong.

Bangunlah kita di tengah malam
bermujahat merintih kepada Tuhan
kita memohon pada-Nya kasih sayang
agar kita selamat sepanjang kehidupan.

Akeem-1711

PENYERAHAN PADAMU JUA

Di bawah segala kekuasaan-Mu
aku sujud dengan penyerahan
penuh gementar tangan menadiah
sengaja doa yang bernama kesyukuran
Ya Rabbi redai dan terimalah.

Ingin kumenghirup
air telaga yang mengalir
penuh air madu dan susu
untuk insan kamil
para sufi dan abid
terhindar dari cela dan dosa
Kau terimalah aku.

Fana asik dan inabah
ingin kasentuh khuda yang tercinta
di bawah segala kekuasaan-Mu
aku berserah cuma
kepada-Mu jua
Tuhan.

Redai dan terimalah
tiap kalimat istighfar
yang kulafazkan
penuh takwa dan khayuk
demi memohon keampunan-Mu.

Oh, Tuhan yang menjadikan segala maya
dari kelimpahan yang Kau berikan
aku tetap bersyukur
dengan apa yang diterima
namun aku tetap berusaha
itulah adanya.

Entah sampai bila aku mesti berenang
sedang gelombang masih dalam penentuan
sepenuh jiwa raga dan sepenuh kejujuran
namun penyerahan hanya pada-Mu jua
wahai Tuhan aku pasrah.

Kesetiaan mengharap Syurga
keredaaan yang dianugerahkan
itulah yang diharapkan.

Sabda Putera Brunei

MENATAP POTRET USANG

Bagai menatap wajah daun di pohon
hijau kuning koko
lembut keras kering
sehelai demi sehelai gugur
bertaburan di tanah
seharusnya
koko mendahului kuning
atau
kuning mendahului hijau
tetapi
kekadang hijau mendahului semua
menurut hukum azali
maha rahsia.

Menatap potret usang
bagai menatap diari lusuh
ada kerinduan terpendam
ada cinta tak kesampaian
ada luka yang tersimpan
sehelai demi sehelai
diari bertambah tebal
sehelai demi sehelai

kertas semakin lusuh
tiba-tiba
hilang satu demi satu
wajah-wajah yang kurindu
yang satu ketika muda
yang satu ketika sasa
Al-Faatihah buat mereka
yang kembali terlebih dahulu.

SI GADIS KECIL

Si gadis kecil itu
di birai jendela
meratapi kehancuran
di depan mata
kezaliman
kemudian
dan penderitaan
jadi tontonan sepanjang masa.

Ayah ibu telah tiada
adik, abang, kakak
hilang entah ke mana
peperangan menghancurkan
peperangan menghukum
lalu terjadilah
perpisahan tanpa rela
di medan itu
nyawa bagai tiada harga.

Tujuh malam tujuh hari
siang malam silih berganti
tapi tiada siapa memahami
hanya air mata
jadi teman setia.

Bumi tercinta
terpaksa ditinggalkan
masa depan semakin kelam
kau pertaruhkan kepahitan
penderitaan
kekecewaan dan kesedihan
terluka jiwamu meronta
hendak melepas diri
dari kancah kehancuran.

Inafarina - 2811

MENJUNJUNG KASIH

Betapa bertaunya
dilahirkan di bumi ini
inilah negaraku
idolaku
bumi Brunei Darussalam.

Di bawah payungnya
penuh sinaran kata muafakat
meniti ke taman penuh berkat
mengalirlah ketulan emas
kemajuan
di sepanjang kejernihan hati
yang jujur amanah
lebih dikagumi
kita punyai seorang
pemimpin
berjiwa rakyat.

Di kota di desa
diberi kemudahan
berganda-ganda
untuk kesejahteraan semua
apatah lagi yang susah
diberi bantuan segera
sama-sama rasa bahagia.

DAULAT KEBAWAH DULI TUAN PATIK
hamba-hambur duli tuan patik
sangat-sangat menjunjung kasih.

Enny Eng. S.

DALAM SENDU

Dalam sendu
kumenangis
kubersedih
kumenderita
kumerana.

Dalam sendu
kuberkata-kata
kuluhakan rasa
kugoreskan luka
kupadam kobaran membara
dengan simbah air mata
di rerumputan hampa.

Kuluka
kukecewa
kukampa
kulumah tak berdaya
semua dalam sendu
berbaur menjadi satu.

Bilakah akan berakhir
keperitan hidup ini
bagaimana harus kuatasi
sendu yang mendalam ini
kuberserah kepada Illahi.

Vivi Niqi

Dari muka 12

juga. Nanti bila kau dah pencen, kau akan rasa tugas lain. Tugas yang tak pernah kita buat semasa bekerja di pejabat."

"Aku rasa tidaklah. Aku nak relaks. Tak nak bisnes. Wang pencen setiap bulan aku rasa sudah cukup."

"Kau belum pencen. Manalah kau tahu. Sepatutnya orang nak pencen macam kau, dari sekarang dah buat persiapan."

"Persiapan apa? Aku dah kata tadi, aku tak nak bisnes."

"Itu kata kau sekarang. Nanti dah pencen lain ceritanya. Aku dah memikul berbagai-bagai tugas."

"Jangan bergurau. Kau cuma ada kebun."

"Betul. Tapi aku ada banyak tugas sambilan."

"Jangan nak temberanglah."

"Aku jadi DC. Kadang-kadang jadi DA. Ada pula ketikanya jadi DB."

"Eh apa bendanya yang kau cakap ni Ji. Aku tak faham?"

"DC ertinya driver cucu. DA ertinya driver anak. DB pula ertinya driver bini. Itu baru tugas sebagai driver. Belum termasuk tugas sampingan yang lain."

Hamdi ketawa sendirian bila mengingat istilah yang diberikan oleh Haji Kalusah. Memang dia sering mendengar beberapa istilah mengenai orang pencen seperti RTM, RTB.

"Hamdi, kau boleh tolong aku tak?"

Khayalan Hamdi terbantut. Kedatangan Haji Sarbini membantutkan khayalannya.

"Sekejap lagi aku ada mesyuarat dengan second boss. Aku ada urusan lain. Aku nak ke Pejabat Buruh, nak menguruskan hal pekerja ladang. Kau tolong gantikan aku."

"Mesyuarat itu bukan melibatkan tugas aku. Tapi tugas kau. Minta maaf." "

"Ala tolonglah. Kau bukan tak tahu, aku paling tak suka mesyuarat. Apa lagi bila dah nak pencen ini," tiba-tiba sebuah fail diletakkan di hadapan Hamdi.

Haji Sarbini berlalu tanpa suara. Hamdi memandangnya dengan pandangan meluat. Dia bosan melihat telatah rakannya sejak kebelakangan ini. Paling culas dan pandai curi tulang. Tugasnya banyak disiapkan oleh orang lain terutama oleh pegawai baru.

"Cik Hamdi. Tuan Pengurus mengajak Cik Hamdi hadir mesyuarat untuk membincangkan rang perbelanjaan tahunan. Katanya mesyuarat itu terpaksa diadakan mendadak. Ada yang perlu dibincangkan dan diteliti mengenai rang perbelanjaan pejabat," setiasa big boss Hamdi tiba-tiba muncul dan menyampaikan tugas baru. Senyuman setiasa big boss memukau.

HAMDI hanya membisu.

Dia bekerja bukan

nak mengerjakan pangkat.

Cuma menunaikan

kewajipan dan

tanggungjawab yang

dipikulkan ke bahunya.

Biarlah rezekinya

seratus peratus halal.

Tidak ada shubbah.

Yang paling

dielakunya mengampu.



Memang di jabatan itu dia menjadi idola. Wajahnya cantik, kulitnya putih kuning, potongan badan, aduhai, suara mengalahkan DJ radio. Paling mengancam, dia masih bujang!

Mata nakal Hamdi tidak lepas peluang mengiringi langkah setiasa big boss yang bernama Marsini. Lenggangnya cukup mengasyikkan. Fail yang ditinggalkan oleh Haji Sarbini dijelangnya. Dia menggaru-garu kepala.

"Biarkanlah. Bukan tugas aku. Biar second big boss tahu perangai dan tabiatnya."

Malam itu Hamdi terpaksa membuat kerja pejabat di rumah. Banyak yang mesti diselesaikannya. Big boss mahukan laporan secepat mungkin.

Ketika Hamdi berehat sambil mencuci kaca matanya, Mahani muncul sambil menatangi sebuah gelas berisi air jernih.

"Haji Sarbini saya lihat shopping sakan di shopping complex tadi bang. Dia cutikah?"

Hamdi hampir tersedak mendengar hujah isterinya. Dia hanya mendiamkan diri. Dia tahu tembelang Haji Sarbini. Sejak kebelakangan ini dia pandai ponteng kerja.

Mesyuarat, dia suruh orang jadi wakil. Semakin dekat nak pencen, power kerjanya makin longlai. Dia bukan lagi memakai speed dua, tapi sudah bertukar speed satu.

"Kita yang nak pencen, jangan diharap big boss nak pandang. Pangkat, jangan harap nak dibagi pada kita," tergiang-ngiang hasutan iblis dari mulut Haji Sarbini. Dia jauh berbeza dari cara bekerja ketika dulu, ketika masih jauh nak bersara. Semangat kerjanya menyala-nyala. Tak cukup buat kerja di pejabat, di rumah pun dia buat. Sekarang semua kerja jika boleh diserahkan kepada orang lain.

Haji Kalusah bercerita lagi pasal ladangnya. Kali ini katanya ladang itu sudah ketandusan air. Air parit sudah dipindahkan ke tempat lain. Sudahnya ladangnya kekeringan. Paip air jadi penampung untuk membasahi tanaman di ladang itu.

Haji Kalusah bersungut lagi. Katanya orang kerajaan sombong. Idea dan kemahuannya tak dipakai, tak diendahkan.

Hamdi faham betul dengan sikap Haji Kalusah. Dia panas baran. Kedua, semua idea dan hujahnya mesti diikuti. Jika tidak, mulutnya akan bising. Dulu dia pernah menulis surat layang bila orang atasan tidak memberikan dia jawatan yang diidamkannya. Mulutnya bising. Tetapi bila dah dibagi, dia senyap malah tenaga kerjanya lidut.

Amat merugikan negara kerana membayar gajinya yang semakin besar sedangkan sumbangannya tiada. Nil.

"Kau lihat, pangkat yang aku katakan tempoh hari, sudah dibagi kepada orang baru. Orang lama macam kita siapa nak pandang? Jadi apa hasil yang kau dapat? Cuba kau ikut macam aku," Haji Sarbini melahirkan rasa kecewa dan andaian yang tepat.

Hamdi hanya membisu. Dia bekerja bukan nak mengejar pangkat. Cuma menunaikan kewajipan dan tanggungjawab yang dipikulkan ke bahunya. Biarlah rezekinya seratus peratus halal. Tidak ada shubbah. Yang paling dielakunya mengampu.

"Cik Hamdi. Tuan panggil ke biliknya," Marsini, setiasa big boss menyampaikan hajat ketua mereka. Sekali lagi senyuman manjanya bermain di bibirnya. Hamdi terhibur menerima senyuman manja dan menggoda itu. Apa lagi keayuan setiasa yang menjadi idola pejabat mereka itu dapat dinikmatinya meskipun cuma seketika.

"Ini ada satu jawatan. Kalau awak berminat, isi borang dan hantar secepat mungkin," big boss memberikan borang bersama iklan satu jawatan.

Hamdi menatap sekeping kertas yang tertulis satu jawatan. Jawatan yang memang diimpikan oleh Haji Sarbini tetapi oleh sebab dia putus asa dan menganggap jawatan itu tak akan dibagi kepada mereka yang hendak berpencen, dia jadi culas.

Hamdi merenung wajah ketuanya. Ketuanya pula memandang wajah Hamdi. Hamdi tunduk. Dalam tunduk itu dia terbayang-bayang wajah masam Haji Sarbini.



Doa Kesyukuran Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Ke-57

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah menadah tangan ketika doa dibacakan (kiri).



BAGINDA dan anakanda-anakanda baginda berkenan menerima junjung ziarah para jemaah yang hadir (atas). Sementara gambar kiri, baginda dan anakanda-anakanda baginda sama-sama membaca tahlil, manakala gambar bawah, doa kesyukuran dibacakan oleh Yang Dimulakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz, Mufti Kerajaan.



KEBERANGKATAN tiba baginda dijunjung dan dialu-alukan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain (kiri). Sementara gambar kanan, baginda dan anakanda-anakanda baginda berkenan menerima junjung ziarah para jemaah.

Gambar-gambar oleh Haji Haranadi HB, Ramli HT dan Pengiran Rafee PDPHM





IBU NEGARA BERMANDIKAN CAHAYA



IDEAL JUARA FUTSAL AMAL

Oleh
Haji Ahat HI

IDEAL Multifeed (Farm) berjaya menjuarai Kejohanan Bola Sepak FUTSAL Amal 2003 kategori terbuka, selepas menumpaskan Datastream Technology (B) Sendirian Berhad (DST) 4 - 3, dalam perlawanan akhir di Stadium Tertutup pada 5 Julai lepas.

Bagaimanapun, kemenangan itu mereka peroleh melalui jaringan 'golden goal' oleh Mohd. Shahmanan selepas kedua-dua pasukan terikat seri 3 - 3.

Pada awal permainan separuh masa pertama, jaringan kedua-dua pasukan sering berkejaran sehingga 2 - 2 dan di separuh masa kedua masing-masing menjanginkan satu gol menjadikan kedudukan 3 - 3 hingga tamat permainan.

Dalam perlawanan penentuan tempat ketiga pula dimenangi oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang berjaya membelasah Sunlit Advertising 5 - 0. Tiga daripada jaringan itu diperolehi melalui Shah Johan, manakala Haji Alias dan Mahdini masing-masing menjanginkan satu gol.

Bagi perlawanan kategori VIP dijuarai oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang menumpaskan Boustead Sendirian Berhad 6 - 3. Pengarah Belia dan



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat Haji Ampal menyampaikan hadiah Kejohanan Bola Sepak FUTSAL Amal 2003 di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Hassanah Bolkiah, Berakas. - Gambar oleh Ramli Tengah.



PEMAIN Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Jersi cerah) menjuarai kategori terbuka Kejohanan Bola Sepak FUTSAL Amal 2003 setelah menumpaskan Boustead Sendirian Berhad 6 - 3. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Sukan, Awang Japar bin Bangkol dan Haji Rosma-dee masing-masing menjanginkan dua gol, sementara Mohd. Noor Abdullah dan Haji Jaman masing-masing menjanginkan satu gol. Tiga jaringan bagi Boustead pula dijanginkan oleh Juboh.

Kejohanan bertaja yang bermula pada 21 Jun lepas adalah untuk membantu usaha Kerajaan bawah Duli Yang Maha Mulia bagi mengisi Ta-

bung Kemanusiaan Rakyat Iraq.

Dalam masa yang sama pula kejohanan tersebut akan dapat meningkatkan kerjasama dan persefahaman di kalangan syarikat-syarikat swasta dalam membantu kerajaan melaksanakan program-program sosial kemasyarakatan di peringkat kebangsaan melalui sukan.

Pada pusingan awal, kejohanan tersebut disertai oleh 13 buah pasukan termasuk beberapa pasukan dari sektor swasta.

ARENA SUKAN

Pegawai, bekas pegawai ABDB sertai perlawanan golf

Oleh
Abdullah Asgar

LEFTENAN Kolonel Nassir Haji Momin dan Leftenan Kolonel Zakaria Haji Ali Ahmed masing-masing menjuarai kategori gross dan nett di Perlawanan Golf Piala Wira antara pegawai-pegawai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan bekas pegawai-pegawai ABDB.

Juara gross dan nett bagi bekas pegawai-pegawai ABDB dimenangi oleh Leftenan Kolonel (B) Haji Mahmud dan Yang Dimulikan Pehin Datu Bendahara Leftenan Kolonel (B) Awang Sari.



TIMBALAN Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith menyampaikan hadiah kepada seorang pemain yang menyertai Perlawanan Golf Piala Wira ABDB. - Gambar oleh Abdullah HAD.

Perlawanan yang disertai oleh 58 pemain berlangsung di Kelab Golf Penerbangan Diraja Brunei sempena hari ulang tahun Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei (ATUDB) ke-37.

Di perlawanan itu juga disediakan hadiah-hadiah tiket penerbangan bagi 'hole in one' pada lubang 5 dan 14 namun tidak ada

pemenang.

Hanya Kolonel (B) Ahmad Yahya dan Leftenan Kolonel (B) Johari Haji Mohammad layak menerima hadiah kerana memperoleh 'nearest to pin hole' #5 dan #14.

Perlawanan tahunan itu bertujuan bagi mengeratkan hubungan silaturahim kalangan pegawai-pegawai ABDB masa kini dan

mereka yang telah bersara agar terus terjalin walaupun mereka telah bersara dari kerjaya tentera.

Berangkat bagi menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith.

Kementerian Pendidikan juara bola jaring

Oleh
Siti Aishah HS

BERAKAS, 6 Julai. - Kementerian Pendidikan telah menjuarai Kejohanan Bola Jaring antara kementerian dan pasukan-jemputan 2003 selepas menumpaskan pasukan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) dalam perlawanan akhir dengan jaringan 19 - 10 di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Negara Hassanah Bolkiah di sini.

Pada set pertama 30 minit permainan kedua-dua pasukan masing-masing memperoleh 8 jaringan, manakala pada set kedua Kementerian Pen-

didikan berjaya menambah 11 jaringan, sementara RBA hanya memperoleh dua jaringan.

Menduduki tempat ketiga ialah pasukan Universiti Brunei Darussalam (UBD) setelah mengatasi pasukan Kementerian Pembangunan 23 - 17 dalam masa 30 minit perlawanan.

Kejohanan tersebut dibahagikan kepada dua kumpulan, kumpulan A disertai oleh Datastream Technology Brunei Sendirian Berhad, Majlis Wanita, QAF Brunei, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pertahanan, Syarikat Penerbangan Diraja Brunei dan UBD.

Manakala kumpulan B disertai oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Pembangunan, Kementerian

Perhubungan, Persatuan Bank-Bank Brunei, Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Kesihatan.

Hadiah-hadiah disampaikan oleh tetamu kehormat, Pengarah Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan,

Belia dan Sukan, Dayang Hajah Zaliha binti Haji Mohiddin.

Kejohanan Bola Jaring antara kementerian dan pasukan-pasukan jemputan tahun 2003 anjuran Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



KETUA Pasukan Kementerian Pendidikan menerima piala kejuaraan selepas menumpaskan RBA dalam perlawanan akhir. - Gambar oleh Ramli Tengah.



SALAH satu cara untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai pentingnya menjaga kesihatan ialah dengan melakukan aktiviti beriadah secara berkumpulan (gambar atas).

Melalui cara tersebut akan dapat mewujudkan semangat perpaduan di kalangan semua pihak yang terbabit, sekali gus dapat memupuk kehidupan harmoni segenap lapisan masyarakat.

Schubungan itu, Jawat-

ankuasa Majlis Perundingan Rancangan Perumahan Kampong Mentiri telah menganjurkan acara walkaton pada 29 Jun lepas yang bermula dan berakhir di Simpang 32, Jalan A kawasan Rancangan Pe-

rumahan Negara Kampong Mentiri.

Acara walkaton yang bertujuan bagi mengutip derma untuk Tabung Kemanusiaan Rakyat Islam Kemboja telah bermula dengan acara senamrobik.



PASUKAN-PASUKAN yang layak ke peringkat akhir Kejohanan Bola Jaring dan penganjur kejohanan merakamkan gambar kenangan bersama tetamu kehormat. - Gambar oleh Ramli Tengah.

ARENA SUKAN

DPMM F.C. sertai LG Cup ASEAN

DPMM F.C. dipilih membawa cabaran Brunei Darussalam ke Kejohanan Bolasepak LG Cup ASEAN Club Championship anjuran Persekutuan Bolasepak ASEAN (AFF) di Surabaya dan Jakarta bermula semalam.

Kejohanan yang disertai oleh 12 pasukan yang menjuarai Liga Kebangsaan negara masing-masing dan sebuah pasukan jemputan dari India dibahagikan kepada Kumpulan 'A' dan 'B' bermain di Surabaya, manakala Kumpulan 'C' dan 'D' bermain di Jakarta. Juara kejohanan ini akan mewakili ASEAN dalam Kejohanan AFC.

Dalam kejohanan ini DPMM F.C. diletakkan dalam Kumpulan 'B' bersama pasukan dari Malaysia, Perak F.A. dan Tentera Singapura. Perte-

Oleh Samle HJ

muan pertama, DPMM F.C. bertemu Perak F.A. pada 15 Julai dan selepas itu bertemu Tentera Singapura.

Mengulas penyertaan DPMM F.C. ke kejohanan itu dalam sidang akhbar, jurulatih Azaman Eusoff melahirkan rasa bangga terhadap penyertaan kelab bimbingannya dan peluang itu akan dapat menaikkan imej pasukan dan Negara Brunei Darussalam di rantau ini.

Dalam masa yang sama pula katanya, para pemain dapat menimba pengalaman dan mendapat pendedahan untuk beraksi di peringkat yang lebih tinggi.

Mengenai andaian yang meletakkan DPMM F.C. bersama Perak F.A. dan Tentera Singapura, beliau menaruh harapan agar para pemain akan dapat bermain dengan cemerlang.

Kejohanan kali pertama ini juga, AFC dan FAFF telah melantik Pengadil FIFA, Mohd. Adli Abdullah dan Penolong Pengadil FIFA, Haji Abu Bakar Haji Momin bagi mengendalikan perlawanan, sementara Hajah Jauyah Haji Taha, Kerani Eksekutif BAFA dilantik membantu Urusetia AFF sepanjang kejohanan ini.

Timbalan Setiausaha Agung BAFA, Haji Shukri Zain bersama Pg. Muslimin dilantik selaku Match Commissioner, sementara Pg. Hj. Tajuddin Pg. Hj. Othman selaku Pegawai Keselamatan.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah bersama pegawai-pegawai yang dilantik bagi penyertaan DPMM F.C. ke Kejohanan LG Cup ASEAN di Republik Indonesia. - Gambar oleh Samle HJ.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimulakan Pehin Orang Kaya Setia Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Ali menyampaikan piala kepada pasukan yang berjaya. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

Polis dan JKR juara tarik kalat DBM

BANDAR SERI BEGAWAN, 29 Jun. - Pasukan Jabatan Kerja Raya muncul sebagai juara dalam Perlawanan Akhir Tarik Kalat kategori 70 kilogram ke bawah setelah berjaya mengalahkan Pasukan Polis Diraja Brunei.

Tempat ketiga dimenangi oleh pasukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei bagi kategori yang sama dalam perlawanan yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin di ibu negara sempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-57 bagi Daerah Brunei dan Muara.

Dalam kategori 70 kilogram ke atas bebas telah dijuarai oleh Pasukan Polis Diraja Brunei setelah menumpaskan pasukan Jabatan Kerja Raya, manakala

Oleh Bolhassan HAB

pasukan Million Goldsmith 'A' hanya mampu menduduki tempat ketiga.

Sementara Persatuan PEDOMAN menjuarai dalam kategori belia 21 tahun ke bawah berat badan 700 kilogram terkumpul setelah mene-

waskan pasukan Million Goldsmith 'B'.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimulakan Pehin Orang Kaya Setia Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Ali hadir selaku tetamu kehormat di Perlawanan Akhir Tarik Kalat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang.



PESURUHJAYA Tanah, Awang Haji Saifon menyampaikan hadiah kepada pemenang Perlawanan Akhir Tenpin Bowling, Jabatan Tanah. - Gambar oleh Hamadi HM.

SKUAD NEGARA TERSEKAT

SELEPAS mencatatkan kemenangan demi kemenangan pada setiap perlawanan terdahulu, Skuad Negara akhirnya terpaksa akur dengan kedudukan seri 1 - 1 bersama Johor pada pertemuan Liga Bola Sepak Perdana Dua Malaysia di Stadium Negara Hassanah Bolkiah, Bera-

Oleh Hj. Ahat HI

Skuad Negara yang sememangnya sudah menemui rentak yang membarangsangkan ketika ini memulakan permainan dengan kemas dan teratur tanpa menunggu masa lama untuk mendahului di hadapan pasukan pelawat

itu 1 - 0 melalui jaringan Mohd. Brian Iman, melalui gerakan tengah Irwan Mohammad.

Jaringan awal itu terus membakar semangat barisan tuan rumah melancarkan percubaan melalui percubaan Irwan, namun rembatannya itu tersasar keluar.

Tidak lama selepas itu

Ak. Md. Shahrom pula mengambil giliran selepas rembatan ketua pasukan Ak. Sallehuddin berjaya ditolak keluar oleh penjaga gol Johor, Zamri Mat Arif, dan bergolek ke arah Ak. Mohd. Shahrom yang merembat tinggi.

Johor yang terus tertekan dengan asakan tuan rumah dalam suasana hujan yang lebat itu, berjaya melakukan serangan mengejut melalui Halpin Troy Michael dengan melakukan rembatan leret, masuk melalui celah kaki penjaga gol Alizanda Sitom menjadikan kedudukan 1 - 1.

Kadaan licin semasa hujan itu memberi manfaat kepada pelawat melakukan percubaan jarak jauh, memandangkan pada keadaan itu kawalan bola penjaga gol tuan rumah kurang berkesan.

Permainan di separuh masa kedua terus dikuasai oleh barisan tuan rumah dengan melancarkan serangan bertali arus dari awal sepak mula hingga ke wisel tamat, namun barisan pelawat lebih bijak bertahan tanpa melakukan sebarang serangan.

Kebanyakan percubaan gagal menembusi pintu gol meskipun sudah berjaya menewaskan penjaga gol pelawat, bola sering tersasar atau terkena pertahanan pelawat.

Dengan kedudukan seri 1 - 1 itu, Skuad Negara terus kekal di tangga ketiga dengan 36 mata dari 20 perlawanan.



PENGGEPUK berbisik Mohd. Brian Iman cuba dihalang oleh pemain Johor daripada melakukan rembatan dalam pertemuan di Stadium Negara Hassanah Bolkiah, yang berkesudahan seri 1 - 1. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Tanah Gamboor juara bowling

BANDAR SERI BEGAWAN, 6 Julai. - Pasukan Tanah Gamboor muncul sebagai johan di Perlawanan Akhir Tenpin Bowling Jabatan Tanah bagi kategori berpasukan lelaki setelah berjaya menjatuhkan 1,806 pin sekali gus mengeneipkan 15 buah pasukan yang lain.

Sementara tempat kedua telah disandang oleh pasukan dari Bahagian Pentadbiran A yang berjaya menjatuhkan seba-

Oleh Abu Bakar HAR

nyak 1,555 pin berbanding dengan jatuhnya pin yang dibuat oleh pasukan Pejabat Tanah Daerah Brunei dan Muara 'A' yang hanya mampu menjatuhkan 1,507 pin untuk menduduki tempat ketiga.

Perlawanan yang melibatkan pegawai dan kakitangan Jabatan Tanah dari keempat-empat daerah itu mendapat sambutan yang

sangat menggalakkan bermula dengan perasmian semalam yang disempurnakan oleh Pesuruhjaya Tanah, Awang Haji Saifon dengan memper-

Kejohanan yang diharapkan dapat merapatkan hubungan dan saling mengenali antara pegawai dan kakitangan seluruh negara, di samping menjadi sukat-sukat bagi pemilihan pemain dalam perlawanan antara kementerian.

Pencarian sumber minyak dan gas diteruskan

BANDAR SERI BEGA-WAN, 15 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah bahawa kerajaan baginda akan meneruskan usaha pencarian sumber minyak dan gas di kawasan yang menjadi hak mutlak Negara Brunei Darussalam sama ada di darat mahupun di laut untuk kepentingan generasinya.

Baginda bertitah adalah menjadi harapan supaya sektor minyak dan gas sentiasa berkeupayaan untuk memberi sumbangan yang utama dalam perekonomian negara di samping industri-industri bukan minyak dan gas yang sedang giat dimajukan.

Menurut baginda dari segi pendapatan negara khususnya pengeluaran sumber minyak dan gas bahawa kedua-dua penghasilan itu cukup mantap di mana tahun lalu pengeluar-

Liputan Abd. Karim HAB dan Dayangku Hajah Saidah PHOA

an telah mencapai tahap tertinggi.

"Dengan adanya potensi permintaan gas terutama di pasaran Asia Pasifik, rancangan pembinaan 'train' yang keenam yang dianggarkan memakan belanja satu bilion dolar Amerika untuk menambahkan keupayaan kapasiti loji gas cecair asli juga dalam proses perancangan," titah

baginda di Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam Sempena Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-57 yang berlangsung di Istana Nurul Iman di sini.

Menyentuh mengenai keperluan tenaga manusia baginda bertitah bahawa kerajaan baginda juga terus

peka mengenainya bagi pembangunan di antaranya penyediaan tenaga dalam bidang teknologi infokomunikasi (ICT) sebagai ciri khusus untuk mewujudkan e-Kerajaan dan seterusnya bagi memanfaatkan era 'k-ekonomi' yang berasaskan pengetahuan.

Titah baginda sebagai alat untuk menghadapi cabaran tersebut sistem pendidikan kebangsaan perlulah menyediakan program pendidikan yang dinamik yang menjurus ke

arah penghasilan ilmu dan kemahiran yang tinggi.

"Kurikulum pendidikan juga seharusnya mewujudkan budaya pendidikan sepanjang hayat bagi melahirkan masyarakat Brunei yang berilmu pada setiap peringkat umur," titah baginda.

Di samping itu titah baginda pihak Institut Perkhidmatan Awam telah pun diamankan untuk menjalankan program latihan ICT, manakala Jabatan Perancangan dan Kemajuan

Ekonomi dengan bantuan pakar yang berkaitan telah melaksanakan satu kajian mengenai keperluan pembangunan dan pengurusan sumber manusia.

Kajian tersebut titah baginda dijangka selesai dalam bulan September di mana hasilnya akan digunakan untuk membantu kerajaan pada menentukan arah tuju pembangunan serta juga bentuk keperluan pengurusan sumber manusia bagi jangka sederhana dan panjang.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan anakanda-anakanda baginda menadah tangan ketika doa kesyukuran Sempena Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-57 dibacakan oleh Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz. Majlis Doa Kesyukuran berlangsung di Jame' Asr Hassanil Bolkiah.

Majlis Doa Kesyukuran Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan

BANDAR SERI BEGA-WAN, 14 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Majlis Doa Kesyukuran Sempena Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-57.

Oleh Haji Jaafar HI

yang Fardu Isyak Berjemaah dimamkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid.

Bacaan tahlil dipimpin oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin dan doa kesyukuran pula dibacakan oleh Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, baginda beserta anakanda-anakanda baginda berkenan menerima junjung ziarah para jemaah.

Majlis Doa Kesyukuran merupakan salah satu acara sempena hari keputeraan baginda yang telah diadakan serentak di seluruh negara. Tumpuan di Daerah Brunei dan Muara ialah di Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Masjid Al-Muhtadee Billah, Masjid Sultan Sharif Ali, Masjid Perpindahan Kampung Lambak Kanan, Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam dan Masjid Setia Ali.

Bagi Daerah Belait tumpuan diadakan di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Masjid Perpindahan Kampung Pandan dan Masjid Pekan Setia. Di Daerah Tutong tumpuan diadakan di Masjid Hassanil Bolkiah dan di Daerah Temburong pula diadakan di Masjid Utama Mohd. Salleh. Majlis yang penuh berkebakiran itu juga diadakan di surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara.

Pemimpin dunia utus tahniah

BANDAR SERI BEGA-WAN, 15 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menjawab beberapa perutusan tahniah yang telah disembahkan ke hadapan majlis baginda daripada ketua-ketua negara dan pembesar-pembesar asing Sempena Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-57 pada 15 Julai 2003 iaitu di antaranya daripada :

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Yang Di-Pertuan Agong Malaysia; Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Fahd bin Abdul Aziz Al-Saud, Raja Arab Saudi; Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Abdullah II ibni Al-Hussein, Raja Jordan; Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II, Queen

of The United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland; Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maharaja Akihito, Maharaja Jepun; Puan Yang Terutama Megawati Soekarnoputri, Presiden Republik Indonesia; Tuan Yang Terutama Presiden S.R. Nathan, Presiden Republik Singapura; Tuan Yang Terutama Khamtay Sihanoune, Presiden Demokratik Republik Rakyat Lao; Puan Yang Terutama Gloria Macapagal-Arroyo, Presiden Republik Filipina; Tuan Yang Terutama Jeneral Kanan Than Shwe, Pengerusi Majlis Keamanan dan Pembangunan Pertubuhan Myanmar; Tuan Yang Terutama Jeneral Pervaz Musharraf, Presiden Republik Islam Pakistan; Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Tajudin Ahmed, Presiden Republik Rakyat Bangladesh; Tuan Yang Terutama Dr. A.P.J. Abdul Kalam, Presiden India; Tuan Yang Terutama Leonid Kuchma, Presiden Ukraine; Tuan Yang Terutama John Agyekum Kufuor, Presiden Republik Ghana; Yang Amat Ber-

hormat Datuk Seri Dr. Mahathir bin Mohamed, Perdana Menteri Malaysia; Tuan Yang Terutama Goh Chok Tong, Perdana Menteri Republik Singapura;

Tuan Yang Terutama Boun Nhang Vorachith, Perdana Menteri Demokratik Republik Rakyat Lao; Tuan Yang Terutama Mir Zafarullah Khan Jamali,

Perdana Menteri Republik Islam Pakistan dan Yang Amat Berhormat Jean Chretien, Perdana Menteri Kanada.

Permohonan Taraf Kerakyatan: Golongan buta huruf boleh jalani ujian lisan

BANDAR SERI BEGA-WAN, 15 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan supaya para pemohon taraf kerakyatan khususnya golongan yang kurang mendapat peluang persekolahan yang mencukupi terutama mereka yang berumur 50 tahun ke atas dan dianggap sebagai buta huruf dibolehkan menjalani ujian bahasa Melayu secara lisan di samping memenuhi sya-

Oleh Abd. Karim HAB

rat-syarat lain yang juga dikehendaki.

Perkara itu, titah baginda tidak bercanggah dengan undang-undang yang ada di mana setiap pemohon untuk menjadi rakyat baginda mestilah boleh bertutur dalam bahasa Melayu dengan fasih.

Baginda bertitah menyatakan kurnia perkenan itu semasa Istiadat Mengadap dan Mengurniakan

Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam Sempena Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-57 di Istana Nurul Iman, hari ini.

"Beta berharap langkah ini akan memberi peluang lebih adil kepada pemohon-pemohon yang mempunyai tahap pelajaran yang tidak mengizinkan mereka untuk menjalani ujian secara bertulis," titah baginda.

Baginda juga berharap mudah-mudahan segala usaha itu akan diberkati oleh Allah Subhanahu Wataala.

برسام رعيات - واده فميفين دغن يث ديفمين

BERSAMA RAKYAT - WADAH PEMIMPIN DENGAN YANG DIPIMPIN

دريپيتكن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منري دان دجيتق اوله جباتن فرجيتقن كراجان، نكارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.